

DR12.12.2000

**[DOKUMEN INI BELUM DISEMAK]**

**MALAYSIA**

**DEWAN RAKYAT**

**Selasa, 12 Disember 2000**

**Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi**

**DOA**

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Lim Si Cheng) *mempengerusikan Mesyuarat*]

---

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN -PERTANYAAN**

1. **Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]** minta Menteri Pendidikan menyatakan sama ada kementerian bercadang mendirikan sekolah-sekolah berasrama penuh di tiaptiap kawasan Parlimen bagi meningkatkan lagi tahap pendidikan khususnya di kawasan luar bandar.

**Timbalan Menteri Sumber Manusia [Dr. Abdul Latiff bin Ahmad]:** Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menjawab soalan Yang Berhormat bagi Larut bagi pihak Kementerian Pendidikan.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pendidikan merancang pembinaan sekolah-sekolah berasrama penuh berdasarkan keperluan di sesebuah negeri dengan mengambil kira unjuran *enrolment* di negeri-negeri tersebut. Pada masa ini Kementerian Pendidikan belum merancang untuk mendirikan sekolah asrama penuh di setiap kawasan Parlimen.

**Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Timbalan Menteri.

Sebagaimana yang kita tahu bilangan pelajar luar bandar yang layak ke sekolah berasrama penuh semakin hari semakin bertambah tetapi masalahnya ialah kekurangan tempat yang sering dihadapi. Oleh itu apa salahnya kementerian memikirkan jalan terbaik bagi mengatasi masalah ini dengan memperbanyakkan lagi sekolah-sekolah berasrama penuh terutama bagi mengurangkan beban keluarga yang

berpendapatan rendah untuk menghantar anak mereka ke tempat yang jauh daripada kawasan tempat tinggal.

Ini soalan tambahan daripada pihak kementerian kerana bilangan pelajar yang layak ke sekolah berasrama penuh ramai tetapi tempat berkurangan. Jadi, apa salah bagi mengatasi masalah ini terutama rakyat yang berpendapatan rendah selalunya bila mereka mendapat tempat anak mereka belajar jauh, mereka akan terus tidak akan menghantar anak mereka kerana masalah saraan hidup.

Jadi, saya minta kalau boleh kementerian memikirkan jalan yang terbaik supaya tidak timbul kemudian hari persoalan mungkin yang berunsurkan pilih kasih. Sekian, terima kasih.

**Dr. Abdul Latiff bin Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih soalan tambahan daripada Larut yang begitu prihatin tentang pendidikan di kawasan luar bandar.

Tuan Yang di-Pertua, kalau kita lihat keputusan UPSR baru-baru ini di mana 25,000 penuntut yang mendapat 5A, itu yang 5A dan lebih kurang 40% terdiri daripada mereka yang berada dan berasal daripada luar bandar. Sedangkan tempat yang disediakan oleh Kementerian Pendidikan untuk sekolah-sekolah berasrama penuh hanya setakat 5,000 orang pelajar, maknanya tiap-tiap lima orang pelajar hanya seorang pelajar sahaja yang berjaya ke sekolah asrama penuh.

Kementerian sedar tentang keadaan ini, walau bagaimanapun untuk usaha-usaha bagi menambah tempat-tempat bagi anak-anak pintar yang berada di luar bandar, kementerian mewujudkan sekolah menengah agama dan juga sekolah menengah harian yang menyediakan segala kelengkapan asrama dan disiplin yang terkawal walaupun sekolah tersebut tidak sekolah berasrama penuh tetapi ciri-ciri yang terdapat di sekolah-sekolah harian terkawal ini mempunyai ciri-ciri yang lebih kurang sama dengan sekolah berasrama penuh. Walau bagaimanapun, cadangan bernas daripada Larut kita akan ambil kira.

**Dr. James Dawos Mamit:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan. Di kawasan saya tidak kurang daripada 10 buah sekolah rendah yang berasrama penuh diisi oleh murid-murid, umur mereka enam tahun ke atas. Saya nampak bahawa insiden drop out dengan izin, di sekolah-sekolah tersebut amat tinggi

kerana budak-budak umur enam tahun hingga tujuh tahun masih lagi memerlukan kasih sayang ibu bapa. Dengan keadaan demikian bolehkah kementerian review sistem sekolah rendah berasrama penuh dan wujudkan sekolah-sekolah rendah di kampung-kampung di luar bandar hingga ke tahap tahun tiga sebelum mereka meneruskan persekolahan ke tahun empat di sekolah-sekolah berasrama penuh.

**Dr. Abdul Latiff bin Ahmad:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Mambong. Saya sedar Yang Berhormat bagi Mambong memang datang daripada kawasan yang begitu 'remote' dan sudah pasti sekolah-sekolah yang dinyatakan oleh Yang Berhormat bagi Mambong tadi jaraknya di antara satu sama lain begitu jauh dan usaha kerajaan untuk menyediakan sekolah-sekolah yang mempunyai asrama di peringkat sekolah rendah adalah usaha baru dan sedang berjalan dan kita sedang memantau input-input persekitaran dan khususnya dalam kita lihat peranan sekolah-sekolah rendah berasrama yang berada di luar bandar. Cadangan daripada Yang Berhormat bagi Mambong akan kita ambil kira agar peratusan keciciran oleh kerana terhimpit oleh kemiskinan dapat kita bendung dan kita perbaiki.

2. **Datin Paduka Hajah Seripah Noli binti Syed Hussin [Sepang]** minta Perdana Menteri menyatakan tindakan pihak kementerian untuk memastikan penjenayah cyber yang jelas menghasut rakyat dengan berita-berita palsu dan tafsiran-tafsiran ayat-ayat Al-Quran yang sah menyeleweng diambil tindakan mengikut peruntukan undang-undang yang sedia ada.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Seri Panglima Dr. Haji Abdul Hamid bin Haji Othman]:** Tuan Yang di-Pertua, kerajaan telah mewujudkan undang-undang kesalahan jenayah syariah yang bertujuan mengawal kesucian agama Islam di negara ini.

Sebanyak 53 jenis kesalahan telah diperuntukkan di dalam undang-undang tersebut termasuklah kesalahan mempersendakan ayat-ayat suci Al-Quran dan hadis. Mana-mana pihak yang dengan sengaja menyalahgunakan ayat-ayat Al-Quran bagi tujuan tertentu jika sabit kesalahan boleh didenda tidak melebihi RM5,000 atau penjara tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya sekali.

Walau bagaimanapun, tindakan hanya boleh diambil sekiranya ada maklumat dan laporan lengkap yang disampaikan kepada pegawai penguat kuasa agama Islam negeri mengikut prosedur dan peraturan yang dibenarkan.

**Datin Paduka Hajah Seripah Noli binti Syed Hussin:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan saya, saya percaya kerajaan sedar bahawa pihak pembangkang jelas menggunakan Internet sebagai pangkalan untuk menyebarkan berita palsu dan fitnah yang melulu terhadap kerajaan. Soalan saya selain daripada tindakan dan peruntukan yang ada apakah strategi dan langkah yang lebih berkesan diambil untuk membanteras gejala ini dan setakat hari ini berapakah kes-kes seumpama ini telah dikesan dan diambil tindakan.

**Datuk Seri Panglima Dr. Haji Abdul Hamid bin Haji Othman:** Tuan Yang di-Pertua, saya tidak ada maklumat di sini, salah guna Internet ataupun bahan-bahan IT atau saluran IT itu dalam mempersendakan atau mengutuk kerajaan dan juga tidak ada tindakan yang diambil buat masa ini kerana kita terperangkap juga dengan masalah kebebasan IT ini. Tetapi salah satu strategi tentang hal agama ialah kerajaan berusaha memberi penerangan kepada orang ramai bahawa apa yang ada dalam Internet itu janganlah menganggap sangat autoriti ataupun autoritatif.

Saya berbincang dengan rakan-rakan saya di luar negara ini di Barat khususnya di Scotland, saya tanya mereka di negara mereka berapa lama orang ramai ini percaya melalui saluran ini. Dia kata mengambil 10 tahun barulah orang ramai apa yang ditulis pun tidak percaya lagi, serupa jugalah dengan perkara-perkara lain di negara kita, maka kalau itulah di negara Barat yang maju seperti itu mengambil masa yang lama, rakyat jelata orang ramai tidak mengambil peduli apa yang ditulis dan dianggap bahawa perkara yang ditulis di dalam Internet dan sebagainya itu satu perkara yang bukan autoriti.

Jadi, insya-Allah ini juga strategi kita lama kelamaan rakyat kita akan terdidik dengan keadaan itu. Jadi, kita banyak pengalamanlah mendidik rakyat ini, misalnya telefon awam daripada hari ini barangkali telefon awam tidak ada orang hendak rosakkan. 15 tahun dahulu pasang sahaja hari ini malam ini rosak terus. Jadi, itulah pendidikan dan cara yang kita akan ambil.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Sejak akhir-akhir ini agak keterlaluan dari segi penyelewengan yang menggunakan agama dan amat mendukacitakan kadangkala yang menyelewengkan ataupun yang merosakkan dari segi agama ini orang-orang yang dikatakan mengetahui tentang agama.

Sebagai contoh apa tindakan kerajaan yang boleh diambil kepada imam-imam dalam waktu sembahyang tarawih di bulan Ramadhan Al-Mubarak ini empat rakaat di berhenti ta zkirah. Dalam ta zkirah ini bukan soal agama tetapi soal politik mengutuk kerajaan, mengutuk pemimpin. Jadi, walaupun mereka ingin hendak berpolitik, berpolitiklah di platform politik jangan gunakan platform agama lebih-lebih lagi dalam solat, dalam masjid di mana iktikaf dalam masjid pun berpahala. Sembahyang dalam bulan Ramadhan, .....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat .....

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** .....sembahyang tarawih itu satu galakan. Ini soalan, soalan.

Jadi, Ramadhan yang mulia diselewengkan oleh pihak-pihak yang menggunakan politik pembangkang dalam waktu menjalankan tugas sebagai imam. Kalau dia hendak berpolitik sila buat politik, apa tindakan yang boleh diambil.

**Datuk Seri Panglima Dr. Haji Abdul Hamid bin Haji Othman:** Tuan Yang di-Pertua, kita sedang menghadapi kejahilan di kalangan orang yang mendakwa dia berilmu. Dalam falsafah Islam dan hadis pun ada berkata [*Membaca sepotong ayat Al-Quran*] “*Ada percakapan, ada tempat yang sesuai*”.

Dalam sembahyang tarawih jemaah ialah kerja dari pagi sampai petang, wanita sibuk di rumah dengan anak-anak, gagah juga pergi ke masjid, kadang-kadang bawa anak tetapi orang yang tidak bertimbang rasa cuba tonjolkan ilmu dia yang orang tidak mahu dengar pun, iaitu yang tidak ada psikologinya. Dia memang tidur siang tok imam itu, tidur siang sampai dekat pukul 6.00 baru bangun, sihatlah dia, segarlah dia. Tetapi orang yang bekerja daripada pukul 6.00 pagi, wanita dengan anak-anaknya berseriang di rumah, gagah pergi masjid, maka tempat itu adalah tempat yang paling tidak sesuai.

Pendekatan kita ialah memperingatkan umat Islam bahawa di dalam zaman pemerintahan keagungan Islam ada satu kumpulan di panggil “Khawarij”. “Khawarij” ini ialah splinters group, orang yang push to the background, orang yang telah lari keluar daripada arus perdana masyarakat. Orang ini ada yang hafaz Al-Quran, ada yang banyak ilmu tetapi kerjanya hari-hari ialah mengasah pena yang tajam, lidah yang tajam mengkritik masyarakat. Akhirnya negara Islam runtuh kerana kumpulan ini, masyarakat Islam runtuh kerana kumpulan ini. Kerja kerajaan tidak ada lain, dok jawab dia sahajalah, mengambil kesempatan-kesempatan yang serupa ini.

Jadi, tugas kita yang besar sekali ialah menyedarkan masyarakat bahawa sikap yang macam ini mesti ditolak. Ini bukan tempat orang hendak bersyarah, kalau dia betul hendak bersyarah umumkan lepas sembahyang tarawih saya hendak bersyarah, sila tunggu, kita tengok tinggal dua tiga orang pun payah hendak dapat. Ini dia paksa orang yang hendak iktikaf pun, hendak beribadat, dia paksa orang itu mendengar dia, kawan itu dok tunggu hendak sembahyang tarawih bukan hendak dengar orang bercakap. Terima kasih.

3. **Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]** minta Menteri Sumber Manusia menyatakan bilakah kerajaan akan menggubal undang-undang yang memastikan pemusnahan struktur yang mengandungi bahan-bahan asbestos dijalankan secara selamat semasa kerja pembaikan ataupun pemusnahan bangunan lama memandangkan asbestos akan menyebabkan penyakit gangguan pernafasan “non malignant ataupun malignant”.

**Dr. Abdul Latiff bin Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, aktiviti pemusnahan dan pelupusan bahan-bahan yang mengandungi asbestos adalah tertakluk di bawah peraturan-peraturan keselamatan dan kesihatan pekerjaan di bawah penggunaan dan standard pendedahan bahan kimia merbahaya kepada kesihatan 2000. Peraturan ini telah berkuat kuasa mulai 4 April 2000.

**Puan Teresa Kok Suh Sim:** Terima kasih. Jadi, boleh saya tanya apakah penalti yang dikenakan atas syarikat yang bercanggah dengan akta ataupun peraturan berkenaan dan juga apakah langkah-langkah kerajaan untuk meningkatkan kesedaran tentang bahaya bahan-bahan kimia yang tergantung dalam struktur pembinaan.

**Dr. Abdul Latiff bin Ahmad:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Seputeh. Denda di bawah Seksyen 51, RM10,000 maksimum atau satu tahun penjara atau kedua-dua sekali dan kementerian di bawah Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan sentiasa mengadakan promosi untuk majikan-majikan yang kita sudah kenal pasti mengendalikan bahan-bahan kimia berbahaya dan di bawah Jabatan JKPP memang kita mengadakan secara berskala promosi-promosi penerangan pendidikan yang kita berikan kepada majikan-majikan dan juga pekerja-pekerja yang mengendalikan bahan-bahan kimia berbahaya.

**Tuan Chang See Ten:** Tuan Yang di-Pertua, Soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri menghuraikan langkah-langkah pencegahan untuk menjaga kepentingan para pekerja dari segi kesihatan dan keselamatan mereka. Dan, adakah pihak Kementerian Sumber Manusia mewajibkan semua majikan mesti memberikan pemeriksaan kesihatan oleh doktor kepada pekerja-pekerja yang terlibat dalam kerja-kerja di kilang-kilang yang memproses bahan-bahan kimia sekurang-kurangnya tiap enam bulan sekali supaya dapat menjamin kesihatan para pekerja. Sekian, terima kasih.

**Dr. Abdul Latiff bin Ahmad:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Gelang Patah. Dalam penggunaan dan standard-standard pendedahan bahan-bahan kimia, pihak kementerian memberikan satu garis panduan yang terperinci dalam memastikan bahan-bahan kimia yang berbahaya ini diurus, dikawal dan digunakan dengan cara yang selamat dan sihat. Antaranya ialah:

- (i) Menenal pasti bahan berbahaya kepada kesihatan;
- (ii) memastikan pendedahan kepada bahan berbahaya tidak melebihi had siling yang ditetapkan. Umpamanya untuk asbestos, 0.1 fiber per ml.;
- (iii) membuat taksiran bertulis mengenai risiko yang terhasil daripada bahan berbahaya;
- (iv) mengadakan langkah kawalan;
- (v) mengadakan sistem dan amalan kerja selamat;
- (vi) membekalkan alat pelindung diri;

- (vii) membekalkan maklumat dan latihan kepada majikan dan pekerja;
- (viii) memantau pendedahan di tempat kerja; dan
- (ix) mengadakan program pengawasan latihan.

Tuan Yang di-Pertua, ingin saya memaklumkan di Dewan yang mulia ini bahawa kita sudah pun menguatkuasakan penubuhan Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan di peringkat premis atau tempat kerja, di mana tanggungjawab mewujudkan jawatankuasa bagi majikan yang mempunyai pekerja lebih daripada 40 orang kakitangan adalah tanggungjawab bersama iaitu bukan sahaja tanggungjawab majikan tetapi juga tanggungjawab pekerja.

Dalam jawatankuasa tersebut, diperlukan di mana jawatankuasa yang terdiri daripada majikan dan pekerja ini diminta membentuk satu *planning*, perancangan, kemudian menguatkuasakan apa yang telah dirancang dalam proses implementasi dan kemudian membuat proses pemantauan. Dan, dalam proses pemantauan itu kesan pendedahan bahan-bahan kimia kepada pekerja-pekerja yang terdedah kepada bahan-bahan tersebut akan sentiasa diambil kira dan ditekankan. Dan, ini terpulang kepada jawatankuasa tersebut untuk menentukan tahap mana seorang pekerja itu perlu menjalani pemeriksaan perubatan. Sekian, terima kasih.

4. **Tuan Mohamed Sayuti bin Said [Kuala Selangor]** minta Perdana Menteri menyatakan tentang bantahan pihak CUEPACS di atas ketidakadilan Sistem Saraan Baru (SSB) yang dilaksanakan di dalam sistem menilai kakitangan perkhidmatan awam dan apakah pendirian kerajaan di dalam usaha untuk menyelesaikan perkara ini.

**Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Haji Noh bin Haji Omar]:** Tuan Yang di-Pertua, Sistem Saraan Baru (SSB) telah dilaksanakan untuk meningkatkan produktiviti dan memupuk budaya kerja cemerlang di sektor awam. Sungguhpun begitu terdapat rungutan mengenai penilaian prestasi di peringkat pelaksanaannya. Kerajaan sedang membuat pemantauan terhadap isu ini dalam usaha untuk memperbaiki lagi sistem penilaian prestasi ini terutama mengenai pelaksanaannya.



Sehubungan ini dari masa ke semasa, taklimat diadakan bagi memberi penerangan untuk mengatasi masalah pelaksanaan yang timbul demi untuk membuat penambah baikkan pelaksanaan penilaian prestasi oleh Ketua Jabatan. Terima kasih.

**Tuan Mohamed Sayuti bin Said:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen yang telah memberikan jawapan mengenai dengan Saraan Baru (SSB). Kita tahu bahawa kakitangan kerajaan diberikan galakan ataupun insentif kepada warga perkhidmatan awam. Dan, saya mengucapkan tahniah dan syabas kepada kakitangan kerajaan dalam Dewan ini yang telah pun dapat anugerah SSB sama ada menegak ataupun melintang dan yang belum saya doakan mudah-mudahan tiba masanya nanti.

Soalannya, sejak diperkenalkan Sistem Saraan Baru (SSB) ini, berapa ramaikah bilangan yang telah mendapat SSB, sama ada menegak, melintang ataupun ada yang statik. Yang kedua, soalnya, berapa ramaikah ataupun ada peruntukan pada tiaptiap tahun kerajaan memberikan SSB ini sama ada menegak, melintang ataupun yang statik pada setiap tahun. Terima kasih.

**Datuk Haji Noh bin Haji Omar:** Tuan Yang di-Pertua, kedua-dua soalan ini terlalu spesifik. Jadi, saya memohon notis untuk memberikan perangkaan-perangkaan. Namun begitu soalan yang kedua, pihak kerajaan ataupun JPA tidak ada menentukan kuota sebenarnya untuk melintang ataupun menegak. Namun demikian, saya akan bagi jawab soalan secara bertulis kerana perangkaannya terlalu spesifik.

**Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Setiausaha Parlimen kita. Rasa saya yang selalu disebutkan tentang ketidakpuasan hati sistem menilai kakitangan ini ialah sistem objektiviti kepada penilaian itu. Biasanya orang-orang yang mengampu, yang biasanya *mediocre* ini, pengampu ni biasanya *mediocre* lah. [Ketawa] Yang mengampu bos cepat naik. Yang tidak mengampu bos, lambat naik. Dan ini sudah menjadi perkara yang selalu dibangkitkan. Dan, memang ada unsur-unsur *favoritism* dalam kenaikan pangkat sistem SSB ini.

Dan, yang berikutnya ialah soal bagaimana kita hendak buat penilaian. Ada dua perkara, penilaian yang *qualitative* dan penilaian yang *quantitative*. Seorang kerani yang bekerja sebagai kerani surat menyurat mudah dinilai. Tetapi seorang

pekerja yang melakukan kerja-kerja yang sukar dinilai terutama keberkesannya, misalnya sistem latihan, pegawai-pegawai kerajaan, hendak tahu keberkesannya cukup sukar. Akhirnya kadang-kadang biasanya bos dalam hal-hal mengenai yang *qualitative* ini kadang-kadang diambil tangkap muat sahaja membuat penilaian. Tetapi yang *quantitative* itu biasanya ada standardnya yang memungkinkan mereka membuat penilaian yang objektif.

Soalnya sekarang, sudah adakah. Oleh kerana hal ini telah ditimbulkan banyak kali dan oleh semua pihak, sudahkah ada satu sistem yang objektif, satu sistem yang telah dirangka oleh kementerian dan oleh Jabatan Perdana Menteri untuk menyelesaikan masalah ini. Sekian, terima kasih.

**Datuk Haji Noh bin Haji Omar:** Terima kasih, kepada Yang Berhormat bagi Parit Butar. Saya tidak tahulah mengampu bos atau tidak. Tetapi Yang Berhormat pernah menjadi Ketua Jabatan, mungkinkah Yang Berhormat mempraktikkan siapa mengampu bos, semasa Yang Berhormat menjadi Ketua Jabatan, mungkin itu Yang Berhormat dinaikkan pangkat. *[Disampuk]* Jadi, oleh kerana Yang Berhormat sudah tidak boleh mengampu bos atas Yang Berhormat berhenti dan keluar letak jawatan. Jadi, oleh kerana mungkin ada Yang Berhormat berjaya ampu bos, Yang Berhormat kekallah. Mungkin bos yang lama itu tidak layan Yang Berhormat, sebab itu Yang Berhormat letak jawatan.

Jadi, Yang Berhormat soalan yang Yang Berhormat timbulkan, bukan sahaja mengenai objektiviti. Sebenarnya selain daripada objektiviti, kita mengakui bahawa rungutan yang sering dibangkitkan adalah berkaitan dengan masalah ketiadaan ketulusan dan juga objektiviti di dalam pelaksanaan penilaian prestasi di peringkat jabatan. Oleh itu, kita telah pun mengusahakan pelbagai cara untuk seperti memberi taklimat kepada Ketua-ketua Jabatan mengenai pelaksanaan penilaian prestasi, memperbaiki borang laporan penilaian prestasi dan juga kaedah penilaian prestasi.

Pada tahun 1996, kerajaan telah mengkaji semula sistem penilaian tersebut, dan memperkenalkan borang laporan penilaian prestasi ataupun LPP yang baru supaya ianya lebih kemas dan mantap melalui Pekeliling Perkhidmatan Bil. 7 tahun 1996. Setiap anggota bertanggungjawab dan mempunyai peranan penting untuk memastikan pelaksanaan LPP dilaksanakan secara adil. Namun demikian, kita harus

sedar bahawa kita berurusan dengan *human*, dengan kemanusiaan sebab itu kajian telah dibuat oleh Jabatan Perkhidmatan Awam bahawa adalah mustahil kita mengakui, adalah mustahil untuk mencapai 100% objektiviti di dalam penilaian prestasi kerana unsur-unsur *human factor* adalah terlibat.

Kajian di beberapa negara maju juga di dalam *Organization For Economic Cooperation and Development* (OECD) juga menunjukkan bahawa masalah ketelusan di dalam pelaksanaan sistem penilaian prestasi masih menjadi satu masalah yang berterusan. Terima kasih.

5. **Tuan Ramli bin Ibrahim [Kota Bharu]** minta Menteri Kewangan menyatakan jumlah pinjaman luar dan dalam negeri serta faedah daripada pinjamannya yang mesti dibayar mulai tahun 2001 hingga 2003 dan bolehkah kerajaan memberi jaminan ianya tidak akan mengenakan beban cukai baru.

**Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Chan Kong Choy]:** Tuan Yang di-Pertua, pada akhir September 2000, jumlah hutang luar negara berjumlah RM156.9 bilion terdiri daripada RM80.7 bilion hutang sektor swasta dan RM76.2 bilion sektor awam. Hutang dalam negara pula adalah sebanyak RM625.6 bilion terdiri daripada RM510.5 bilion hutang sektor swasta dan sebanyak RM115.1 bilion hutang sektor awam. Berhubung dengan hutang Kerajaan Persekutuan setakat September 2000, hutang luar negeri adalah sebanyak RM18.9 bilion, manakala hutang dalam negeri adalah sebanyak RM104.8 juta.

Bayaran faedah ke atas hutang-hutang ini bagi tempoh 2001 hingga 2003 adalah seperti berikut:

| <b>Tahun</b> | <b>RM(bilion)</b> |
|--------------|-------------------|
| 2001         | 8.0               |
| 2002         | 7.9               |
| 2003         | 7.7               |

Kerajaan tidak pernah membuat dasar untuk menaikkan cukai untuk tujuan membayar balik hutangnya. Malah dalam tempoh 3 tahun kebelakangan ini, kerajaan telah menurunkan kadar cukai pendapatan. Ini adalah kerana pada dasarnya kerajaan sememangnya mengamalkan rejim percukaian yang rendah. Walau bagaimanapun, dalam keadaan tertentu kerajaan perlu menaikkan cukai untuk tujuan khusus. Sebagai

contohnya kerajaan menaikkan cukai ke atas rokok dan minuman keras untuk tujuan kesihatan.

Kerajaan sentiasa mengawasi kedudukan hutang negara agar ianya sentiasa di tahap yang berpatutan. Dalam hubungan ini ukuran yang lazim digunakan untuk menentukan keupayaan sesebuah negara dalam membayar balik hutangnya adalah nisbah khidmat hutang luar negara. Dan, jumlah hutang luar negara kepada keluaran negara kasar ataupun KNK.

Bagi tahun 2000, nisbah khidmat hutang luar negara adalah rendah dan dijangkakan menurun kepada 5.4% berbanding 5.9% pada tahun 1999. Mengikut pengukuran yang diterima pakai oleh institusi kewangan antarabangsa, nisbah khidmat hutang luar sesebuah negara tidak seharusnya melebihi 20%. Jumlah hutang luar negara kepada KNK pula dijangka menurun kepada 52.4% berbanding 57.7% pada tahun 1999. Mengikut definisi Bank Dunia, nisbah jumlah hutang luar negara kepada KNK sesebuah negara yang kurang daripada 48% dianggap sebagai negara berhutang rendah. Nisbah dalam lingkungan 48% hingga 80% adalah negara berhutang sederhana, manakala lebih daripada 80% merupakan negara berhutang tinggi.

Kalau ikut piawai ini, setakat ini Malaysia, jumlah hutang luar negara kepada KNK adalah 52.4% adalah dianggap berada di dalam kategori negara yang berhutang sederhana ataupun *medium low*.

**Tuan Hoo Seong Chang:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin mengemukakan satu soalan tambahan. Apabila negara kita menghadapi kemelesetan ekonomi kerajaan memang mengambil langkah-langkah dan juga tindakan untuk memulihkan ekonomi negara kita. Dan jelas membuktikan memang kerajaan kita berupaya untuk mengatasi segala masalah ekonomi. Jadi, dengan adanya pemulihan ekonomi selepas krisis kewangan, saya ingin tahu, apakah dasar pinjaman luar baru yang akan diambil oleh pihak kerajaan kita.

**Dato' Chan Kong Choy:** Terima kasih, Yang Berhormat. Sebelum kegawatan ekonomi, dasar kerajaan ialah untuk mengurangkan pinjaman luar. Tetapi kita masih pinjam secara *token* untuk meneruskan perhubungan baik, perhubungan erat antara Malaysia dengan institusi kewangan antarabangsa seperti Bank Dunia dan

juga Bank Pembangunan Asia. Semasa kita mengurangkan pinjaman luar iaitu sebelum kegawatan ekonomi, kerajaan sudah banyak melakukan, dengan izin, *pre-payment*, dan juga *refinancing* untuk mengurangkan kos pinjaman khususnya pinjaman luar negara. Ini adalah merupakan dasar kerajaan sebelum kegawatan.

Tetapi dengan tibanya krisis kewangan dan kegawatan ekonomi, kerajaan telah melaksanakan *program expansionary*, dengan izin, untuk menjanakan pertumbuhan ekonomi pada masa kegawatan. Maka dalam masa kegawatan, kerajaan tidak ada jalan yang lain kecuali untuk mendapatkan sumber melalui pinjaman luar pada masa itu untuk selain daripada menjanakan pertumbuhan ekonomi kita juga bertujuan untuk memantapkan dan juga meningkatkan *liquidity* dalam negara, dengan izin. Tetapi pada masa sekarang bila ekonomi negara sudah pulih, sudah bertambah baik, kita telah pulang kembali kepada dasar-dasar dahulu iaitu kita telah mengurangkan pinjaman luar dan pada masa yang sama, kita telah berhasrat untuk mengurangkan juga hutang luar negara dengan *repayment* dan *refinancing* yang lebih cepat kerana kita berharap dengan keadaan ekonomi negara sudah pulih, kita harap pihak swasta ataupun sektor swasta akan kembali sebagai *engine of growth*, dengan izin, dan tidak bergantung semata-mata kepada kerajaan untuk menjanakan pertumbuhan ekonomi.

**Tuan Ramli bin Ibrahim:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih dan Timbalan Menteri yang menjawab. Pada pendapat saya RM156.9 bilion ini terlalu tinggi, bagaimanapun kita rasa berterima kasih kerana kerajaan memberi jaminan tidak akan menaikkan cukai-cukai pada masa yang akan datang. Soalan tambahan saya, Tuan Yang di-Pertua, ialah mengenai jaminan adakah jumlah hutang ini termasuk jaminan yang diberikan oleh kerajaan kepada syarikat-syarikat swasta seperti syarikat KLIA, Perwaja, MAS dan sebagainya. Yang pertama.

Yang kedua, jumlah hutang ini adakah jumlah yang digunakan untuk membiayai projek-projek mega yang pada umumnya dianggap tidak penting bagi masyarakat terbanyak di Malaysia seperti pembinaan kediaman Perdana Menteri dan sebagainya. Terima kasih.

**Dato' Chan Kong Choy:** Tuan Yang di-Pertua, jumlah yang saya beri tadi iaitu RM156.9 bilion adalah keseluruhannya jumlah hutang luar negara termasuk

jumlah yang dipikul oleh kerajaan dan juga swasta. Walau bagaimanapun, jumlah yang dipikul ataupun yang dipinjam oleh pihak kerajaan memang tidak begitu banyak. Hutang yang dipinjam oleh Kerajaan Persekutuan pada September 2000 cuma merupakan RM18.9 bilion sahaja, memang merupakan satu jumlah yang agak kecil dan sebahagian besarnya adalah dipinjam oleh pihak swasta. Dan apa yang dipinjam oleh kerajaan ini tidak termasuk jaminan yang kita berikan kepada syarikat-syarikat yang tertentu.

Untuk soalan yang kedua, sama ada pinjaman ini telah digunakan untuk melaksanakan projek mega, untuk pengetahuan Dewan yang mulia ini, kita tidak ada projek mega yang dilaksanakan di dalam negara ini.

**6. Datuk Yong Teck Lee [Gaya]** minta Menteri Luar Negeri menyatakan adakah kerajaan akan mempertimbangkan cadangan republik Filipina supaya satu "Asean Centre on Transnational Crimes" ditubuhkan di negara Filipina bagi membanteras jenayah-jenayah antarabangsa termasuk penyeludupan dadah dan penculikan.

**Timbalan Menteri Luar Negeri [Datuk Dr. Leo Michael Toyad]:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Dewan yang mulia ini, dalam mesyuarat kedua Menteri-menteri ASEAN yang bertanggungjawab dalam isu jenayah rentas sempadan pada tahun 1999 telah bersetuju pada prinsipnya dengan cadangan untuk menubuhkan Pusat Membanteras Jenayah Rentas Sempadan atau, dengan izin, ASEAN Centre For Combating Transnational Crime (ACCTC).

Pada masa yang sama juga menteri-menteri berkenaan mengarahkan supaya satu kumpulan kerja ditubuhkan untuk menyediakan laporan penuh mengenai cadangan tersebut dengan mengambil kira inisiatif-inisiatif ASEAN yang telah sedia ada termasuk Persatuan Ketua-Ketua Polis Nasional ASEAN atau Association of ASEAN Chief of National Police (ASEANIAPOL) dan Mesyuarat Pegawai-Pegawai Kanan ASEAN Mengenai Dadah atau ASEAN Senior Officers Meeting on Drug Matters.

Tuan Yang di-Pertua, kumpulan kerja ASEAN ini telah bermesyuarat dua kali tetapi tiada kesepakatan yang dicapai mengenai konsep pusat tersebut memandangkan terdapat kekhuatiran beberapa negara ASEAN termasuk Malaysia mengenai

pertindihan di antara pusat yang dicadangkan dengan badan-badan ASEAN yang sedia ada. Tambahan lagi, isu kekangan kewangan dan sumber manusia mesti diambil kira dan menimbangkan penubuhan pusat tersebut dalam kita menimbangkan penubuhan pusat tersebut.

Jadi, sehubungan ini Pegawai-Pegawai Kanan ASEAN Mengenai Isu Jenayah Rentas Sempadan atau ASEAN Senior Officers Meeting On Transnational Crimes (SOMTC) akan mengkaji semula cadangan penubuhan pusat tersebut dan memutuskan sama ada untuk menubuhkan ataupun tidak.

**Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Kita menerima hakikat bahawa apabila beberapa negara bercadang untuk membuat sesuatu perkara yang baik akan menghadapi banyak masalah politik dalaman ataupun perhubungan di antara mereka, tetapi persoalannya jenayah cross border crime, dengan izin, berlaku berterusan. Jadi, buat masa sekarang apakah pemantauan dibuat oleh pihak-pihak kerajaan ASEAN supaya jenayah ini tidak boleh dibuat di mana-mana negara dan lari pula ke negara yang lain, mengelak daripada tangkapan dan penghakiman di negara tersebut. Terima kasih.

**Datuk Dr. Leo Michael Toyad:** Tuan Yang di-Pertua, bila kita menubuhkan sesuatu badan seperti yang dicadangkan itu memang kita menelitikan kerana banyak perkara yang kita harus timbangkan, latar belakang dan sistem pentadbiran dan sebagainya dan juga sokongan atau sistem yang menyokong badan-badan ini yang menembusi sempadan negara-negara yang berdaulat sendiri, tetapi dalam kita pada masa kini untuk membanteraskan jenayah-jenayah seperti ini kita masih bergantung kepada usaha kerjasama dua hala antara negara-negara dan juga kerjasama menerusi badan-badan sempadan dan juga kerjasama antara exercise dalam pakatan kerjasama dalam secara militer atau juga dalam kerjasama dari segi kerjasama polis ASEAN.

**Datuk Yong Teck Lee:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Perkara transnational crime ini perkara lama dan mesyuarat demi mesyuarat, perbincangan demi perbincangan Joint Border Meeting, Joint Border Committee dan lain-lain sudah begitu lama, jadi pada masa kita mengucapkan terima kasih kepada pihak Wisma Putra, Kementerian Luar Negeri dalam apa juga usaha yang telah dibuat, pada masa yang sama ini saya rasa baik bagi Kementerian Luar Negeri memberikan satu *time*

*frame* bilakah sebuah badan ataupun institusi yang dikhaskan menangani masalah transnational crime ini, sama ada di Kuala Lumpur, sama ada di Manila mana-mana sahaja national capital dalam negara ASEAN.

Saya rasa pokoknya satu *time frame* mesti ada dalam konteks ASEAN kerana ini kalau dalam peringkat antarabangsa ia banyak masalah *sovereignty*, kedaulatan negara, masalah politik dan undang-undang. Tetapi satu badan, satu institusi diperlukan, cuma saya minta satu *time frame* diberikan satu tahunkah, dua tahunkah, tiga tahunkah. Adakah Kementerian Luar Negeri bercadang memberikan satu *time frame* bagi ASEAN menubuhkan satu badan ataupun institusi untuk menangani masalah ini?

**Datuk Dr. Leo Michael Toyad:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih atas pandangan Ahli Yang Berhormat itu. Memang kita bersetuju dan mungkin saya sudah jawab tadi bahawa perkara-perkara yang kita harus menimbang dalam perbincangan ini dan saya harus memperingatkan Yang Berhormat bahawa ASEAN dengan ahlinya ada sepuluh buah negara, latar belakang, sejarah dan pelbagai dan untuk kita menubuhkan satu institusi seperti ini kita sebagai sebuah negara sahaja tidak dapat menetapkan walaupun Yang Berhormat telah menyatakan Wisma Putra untuk menetapkan satu *time frame*.

Ini satu perkara yang melibatkan pelbagai isu dan saya percaya Yang Berhormat sendiri dengan pengalaman Yang Berhormat bahawa dalam perkara seperti ini kita tidak dapat menetapkan satu *time frame*. Walau bagaimanapun, usaha-usaha akan diteruskan untuk kita mencapai ke matlamat itu dan kita telah lihat bahawa walaupun tanpa *time frame*, kita telah berjaya menubuhkan satu persefahaman antara negara-negara ASEAN dalam bidang membanteraskan jenayah dadah dan juga undang-undang yang menjaga alam semula jadi kita atau *wild life preservation*. Dan ini telah menunjukkan bahawa kerjasama antara negara-negara ASEAN akan tetap mencapai ke matlamatnya dan kita tidak harus menekankan mana-mana pihak untuk bersetuju dengan tujuan kita walaupun niat kita itu adalah baik.

**7. Tuan Zawawi bin Haji Ahmad [Padang Terap]** minta Menteri Pendidikan menyatakan apakah tindakan yang diambil oleh kementerian bagi mengurangkan corak polarisasi kaum di IPTA dan IPTS yang semakin hari semakin ketara.



**Tumbalan Menteri Pendidikan [Dato' Hon Choon Kim]:** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pendidikan memang prihatin terhadap pentingnya integrasi kaum di institusi-institusi pengajian tinggi. Justeru itu, pihak IPT telah melaksanakan beberapa dasar agar berlaku interaksi maksimum semasa belajar berbilang kaum. Antaranya ialah:-

- (i) menggalakkan aktiviti kokurikulum yang disertai oleh pelajar dari pelbagai keturunan;
- (ii) mengadakan aktiviti-aktiviti kebudayaan dan sosial yang melibatkan penyertaan pelajar pelbagai kaum serta latar belakang;
- (iii) menggalakkan aktiviti kemasyarakatan di luar kampus seperti Baktisiswa yang disertai pelajar dari semua kaum;
- (iv) menggalakkan kerja berkelompok dalam proses pengajaran dan pembelajaran; dan
- (v) menggalakkan pelajar pelbagai kaum berkongsi bilik di asrama atau tinggal di bilik-bilik berdekatan.

Dengan usaha-usaha di atas adalah diharapkan dapat mengatasi jurang polarisasi kaum di IPT. Namun demikian, usaha-usaha untuk memupuk perpaduan telah dilakukan sejak murid-murid berada di bangku sekolah rendah sama ada melalui kurikulum atau aktiviti-aktiviti kokurikulum. Terima kasih.

**Tuan Zawawi bin Haji Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, walaupun usaha-usaha yang dilakukan oleh kementerian itu nampaknya boleh mencapai matlamat, tetapi setakat ini sejauh manakah pencapaian telah didapati dan adakah kementerian sedar bahawa sindrom polarisasi kaum itu berlaku di sekolah-sekolah menengah juga. Terima kasih.

**Dato' Hon Choon Kim:** Tuan Yang di-Pertua, memang hasrat kerajaan ialah untuk melihat semua kaum yang terdapat di negara kita ini dapat hidup aman dan damai melalui proses menyatupadukan. Memang ini menjadi hasrat kerajaan dan setakat ini memang dirasakan kerajaan telah mencapai satu tahap yang memuaskan. Walau bagaimanapun, usaha harus kita lakukan meningkatkan lagi supaya dapat

wujudkan persefahaman yang lebih baik, lebih erat antara kaum di negara kita khususnya di institusi-institusi pengajian tinggi di negara kita.

**Dr. Maximus Johnity Ongkili:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Saya ingin bertanya, adakah pihak kementerian telah mengkaji peranan pensyarah-pensyarah di dalam universiti-universiti ini untuk memupuk perpaduan dan mengelakkan polarisasi. Sebab saya melihat, saya dahulu daripada komuniti pensyarah dan saya melihat dalam bidang ini masalah polarisasi timbul juga di kalangan pensyarah-pensyarah, salah sangka dan oleh kerana di peringkat mereka pun ada puak-puak, maka apatah lagi di kalangan pelajar di bawah mereka.

Jadi, saya rasa amat penting supaya sesuatu tindakan baru dibuat supaya mereka ini terlibat secara langsung untuk memupuk perpaduan, mahupun menyertai kelab-kelab aktiviti, interaksi, menganjurkan *Summer Camp* dan seterusnya, kerana sangat penting, kalaulah mereka yang bertanggungjawab mengajar ini memberi contoh yang baik dan menasihatkan barangkali setiap kali di bilik kuliah memang ada besar perubahannya.

Saya ingin bertanya seterusnya, apakah pihak kementerian mengambil perkara ini sebagai satu perkara yang boleh diambil kira untuk memupuk perpaduan di kalangan pelajar dan apa tindakan setakat ini. Terima kasih.

**Dato' Hon Choon Kim:** Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan berbilang terima kasih kepada Yang Berhormat, nampaknya Yang Berhormat memang mempunyai pandangan, cadangan yang cukup baik bagi pensyarah-pensyarah yang tidak membantu mewujudkan perpaduan di institusi pelajaran tinggi. Pihak Kementerian Pendidikan sentiasa memantau, jikalau terdapat sesiapa yang sengaja untuk melakukan sesuatu yang boleh menjejaskan perpaduan antara pelajar di universiti itu, kami akan menasihatkan supaya berhenti kerja.

Saya juga ingin meminta Ahli-ahli Yang Berhormat dari parti pembangkang supaya juga dapat membantu kerajaan mewujudkan perpaduan, sebab saya nampak setakat ini masih terdapat Ahli-ahli Yang Berhormat dari pembangkang khususnya dari parti-parti lawan sengaja membangkitkan sesuatu dengan tujuan dan niat yang jahat untuk merosakkan keharmonian di negara kita ini.

8. **Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew [Klang]** minta Menteri Pendidikan menyatakan bilakah pembinaan bangunan Sekolah Jenis Kebangsaan (C) Hin Hua, Klang yang mendapat kelulusan dalam Rancangan Malaysia Kelapan (RMK-8) boleh dimulakan, memandangkan jumlah pelajar yang semakin pesat serta pemaksaan pindah oleh pemilik tanah.

**Dato' Hon Choon Kim:** Tuan Yang di-Pertua, projek-projek pembangunan di bawah Rancangan Malaysia Kelapan masih di dalam pertimbangan Unit Perancangan Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri. Oleh yang demikian, sekolah-sekolah yang akan dibina dalam Rancangan Malaysia Kelapan hanya dapat diputuskan setelah mendapat kelulusan dari agensi berkaitan. Dalam hal ini, saya ucapkan banyak terima kasih kepada Yang Berhormat kerana sentiasa begitu peka dan sentiasa berusaha untuk dapat menjayakan projek yang disebutkan tadi.

**Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin tahu setakat ini berapa SJK(C) telah memohon pindahan ke tapak yang baru dan berapa telah diluluskan dan apakah kriteria digunakan untuk menetapkan priority untuk membina sekolah ini bagi sekolah-sekolah yang telah berjaya dalam permohonan pindahan ke tapak baru ini. Sekian, terima kasih.

**Dato' Hon Choon Kim:** Tuan Yang di-Pertua, sekolah-sekolah yang dipindah dari satu tapak ke tapak lain adalah atas permintaan daripada pihak sekolah. Pada tahun 1999 Kementerian Pendidikan telah meluluskan sembilan buah sekolah rendah untuk dipindah dan dua buah sekolah menengah. Setakat ini beberapa projek telah pun dikenal pasti tapaknya dan kerajaan akan berusaha supaya kesemua projek yang telah diluluskan itu dengan bantuan daripada lembaga pengurus sekolah itu. Dengan itu kita harap dapat kita laksanakan tak lama lagi.

**Puan Chong Eng:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberitahu Dewan ini berapakah sekolah rendah jenis kebangsaan pada sekarang yang menghadapi masalah seperti di Sekolah Jenis Kebangsaan (C) Hin Hua, iaitu pelajar sudah begitu ramai dan kesesakan di sekolah tetapi tidak dapat cukup fasilitinya. Seperti saya dapati di kawasan Yang Berhormat bagi Senai pun mempunyai masalah seperti ini....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Macam mana Yang Berhormat tahu?

**Puan Chong Eng:** ...kekurangan sekolah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Saya tahu jaga masalah. [Ketawa]

**Puan Chong Eng:** Saya beri contoh dan keluarkan masalah ini. Ada masalah kekurangan sekolah rendah jenis kebangsaan. Berapa jumlahnya di seluruh negara dan berapa buah sekolah yang perlu. Di Bukit Mertajam pun saya rasa perlunya tambah sekolah rendah jenis kebangsaan seperti ini. Macam mana polisi sekarang, adakah di mana ada keperluan di situ akan diberi sekolah rendah jenis kebangsaan (Cina). Terima kasih.

**Dato' Hon Choon Kim:** Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan banyak terima kasih. Nampaknya Yang Berhormat memang tak tahu apa yang kita lakukan. Bagi sekolah-sekolah yang memerlukan tambahan bilik darjah atau dipindah ke tempat-tempat lain, saya telah jawab bahawa inilah atas permintaan daripada lembaga pengurus. Sekarang ini cuma di bandar-bandar besar menghadapi di mana sekolah yang sedia ada, nampaknya bilangan pelajar bertambah begitu banyak. Oleh kerana itu, kerajaan telah pun setuju supaya melaksanakan empat buah sekolah baru di kawasan Kuala Lumpur dan Selangor dan projek-projek ini telah kita rancang dan harap akan laksanakan tak lama lagi. Bagi kawasan Senai memang Yang Berhormat Tuan Speaker berusaha begitu gigih, jangan bimbang. Bagi kawasan-kawasan Barisan Nasional kita akan menjaga baik-baik dan kita akan juga jaga kawasan-kawasan parti lawan dengan harapan kita akan rampas balik. [Ketawa] Ini memang tujuan kita.

Jadi, bagi sekolah-sekolah ini kerajaan sentiasa mempunyai rancangan, kerajaan sentiasa prihatin tentang kehendak masyarakat. Jadi, Yang Berhormat janganlah curiga, janganlah memberi gambaran bahawa kerajaan sengaja untuk menyusahkan sekolah jenis kebangsaan (Tamil) atau (Cina) di negara kita. Inilah satu anggapan yang tidak betul. Saya ingin menjelaskan bahawa kerajaan tidak ada niat untuk menutup atau menyusahkan ibu bapa atau sekolah-sekolah jenis kebangsaan di negara kita ini.

[Soalan No. 9 - Y.B. Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang (Marang) tidak hadir]

[Soalan No. 10 - Y.B. Tuan Kerk Kim Hock (Kota Melaka) tidak hadir]

11. **Datuk Yong Teck Lee [Gaya]** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan berapa orangkah dalam yang disyaki membantu penculikan di Pulau Sipadan dan Pulau Pandanan sudah ditahan. Apakah hasil siasatan berkenaan masalah tersebut.

**Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato' Zainal Abidin bin Zin]:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman, seramai 9 orang lelaki warganegara Filipina telah ditangkap untuk membantu siasatan polis berhubung dengan kes pencolekan di Pulau Sipadan. Salah seorang daripada mereka adalah bekas pekerja sementara di Pulau Sipadan Resort dan dipercayai telah memberi maklumat kepada ahli-ahli Abu Sayyaf. Suspect ini masih dalam tahanan reman sementara menunggu keputusan daripada pihak Peguam Negara. Manakala untuk penculikan di Pulau Pandanan, seorang lelaki warganegara Filipina telah ditangkap untuk membantu siasatan polis. Setelah siasatan dijalankan tiada bukti penglibatan suspect dalam kes ini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Masa untuk Soal-Jawab cukup.

*[Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Lisan telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 9, 10, 12 hingga 20 adalah dijilid dalam buku berasingan]*

### **RANG UNDANG-UNDANG**

#### **RANG UNDANG-UNDANG PENGANGKATAN (PINDAAN) 2000**

##### **Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

**11.02 pagi**

**Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat [Dato' Dr. Siti Zaharah binti Sulaiman]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan supaya satu rang undang-undang bernama Rang Undang-undang Pengangkatan (Pindaan) 2000 dibaca kali yang kedua.

Tuan Yang di-Pertua, Akta Pengangkatan 1952 (Akta 257) menyediakan asas perundangan bagi pengambilan anak angkat dan terpakai bagi orang-orang bukan Islam di Semenanjung Malaysia sahaja. Di bawah akta ini permohonan untuk mengambil anak angkat perlu dibuat pada mahkamah yang seterusnya akan

mengeluarkan perintah pengangkutan setelah berpuas hati bahawa kebajikan anak tersebut akan terpelihara dengan menyerahkannya untuk dipelihara oleh ibu bapa keluarga angkat. Setelah menerima arahan tersebut Pendaftar Besar Kelahiran dan Kematian akan mengeluarkan cabutan dari daftar anak angkat seseorang kanak-kanak yang dianakangkatkan dan ianya menggantikan sijil kelahiran asal yang dikeluarkan di bawah Akta Pendaftaran Kelahiran dan Kematian 1957 (Akta 299).

Walau bagaimanapun, terdapat banyak rungutan daripada ibu bapa keluarga angkat mengenai masalah yang mereka hadapi berhubung dengan pengeluaran cabutan dari daftar anak angkat mereka. Ini adalah kerana status sebagai anak angkat dinyatakan dengan jelas di atas sijil tersebut. Kebanyakan ibu bapa keluarga angkat tidak berhasrat anak angkat mereka mengetahui status mereka sebagai anak angkat kerana ini akan memberi kesan psikologi yang buruk kepada anak angkat khususnya mereka yang belum bersedia menerima hakikat bahawa mereka adalah anak angkat. Keadaan ini tentunya akan turut mengganggu keharmonian ikatan kasih sayang di antara mereka dengan ibu bapa keluarga angkat mereka.

Justeru itu, usaha-usaha telah dibuat bagi meminda Akta Pengangkutan 1952. Pindaan ini dibuat dengan kerjasama daripada Jabatan Pendaftaran Negara dan Kementerian Dalam Negeri kerana pindaan tersebut melibatkan tugas-tugas di bawah bidang kuasa jabatan berkenaan khususnya dari segi penyimpanan rekod dan pengeluaran sijil kelahiran.

Tuan Yang di-Pertua, tujuan utama pindaan ialah untuk membolehkan sijil kelahiran dikeluarkan kepada anak angkat sama seperti sijil kelahiran biasa bagi menggantikan cabutan dari daftar anak angkat. Dengan cara ini, status seorang anak itu sebagai anak angkat tidak akan diketahui umum dengan mudah. Sebaliknya hanya diketahui oleh pihak berkuasa yang berkenaan sahaja seperti Jabatan Pendaftaran Negara, mahkamah, Jabatan Kebajikan Masyarakat dan Jabatan Imigresen Malaysia dan jabatan-jabatan lain yang berkenaan. Di samping itu, pindaan yang dibuat juga turut memberi penekanan terhadap pentingnya merahsiakan maklumat mengenai anak angkat dan pengangkutan dan ini adalah wajar demi kepentingan anak angkat dan ibu bapa keluarga angkat mereka.

Bagi maksud tersebut seksyen-seksyen yang dipinda meliputi seksyen 2, seksyen 25 dan penggubalan seksyen baru iaitu seksyen 25A. Izinkan saya memberi penghuraian ringkas mengenai pindaan-pindaan berkenaan serta menyentuh dan menjelaskan beberapa peruntukan yang penting.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan kepada seksyen 2, Fasal 2 Rang Undang-undang memasukkan dua takrif baru iaitu takrif "*Adopted Children Registrar*", dengan izin, dan "*Certificate of Birth*", dengan izin. Takrif "*Adopted Children Registrar*", dimasukkan selaras dengan pengkomputeran butir-butir dalam daftar anak angkat yang selama ini dibuat secara manual. Manakala takrif "*Certificate of Birth*" pula merujuk kepada sijil kelahiran bagi anak angkat yang dikeluarkan di bawah Akta Pengangkatan 1952.

Pindaan kepada seksyen 25, Fasal 3 Rang Undang-undang memperkatakan mengenai arahan mahkamah kepada Pendaftar Besar dalam sesuatu perintah pengangkatan bagi mengeluarkan suatu perakuan kelahiran di bawah Akta 257. Pindaan ini juga melibatkan pemansuhan subseksyen 25(7) mengenai dengan pendaftaran anak angkat yang dibuat di Singapura di bawah *Adoption of Children Ordinance 1939*, dengan izin, kerana ianya tidak lagi relevan. Di samping itu, pindaan ini juga bertujuan menyekat orang awam memeriksa indeks pada daftar anak angkat bagi memastikan catatan-cacatan dalam daftar berkenaan dirahsiakan demi kepentingan anak angkat berkenaan. Selaras dengan itu pindaan kepada subseksyen (12) dibuat supaya Pendaftar Besar tidak boleh memberi kepada sesiapa maklumat salinan atau cabutan daripada mana-mana indeks, kecuali dengan perintah mahkamah.

Seksyen baru 25A pula memperkatakan mengenai perakuan kelahiran di bawah Akta 257 di bawah seksyen baru ini, "Mahkamah hendaklah, dalam perintah pengangkatan, mengarahkan Pendaftar Besar supaya memastikan bahawa perkataan "diangkat", "pengangkat" atau "angkat" atau perkataan yang seumpamanya tidak terdapat dalam Perakuan Kelahiran". Ini perlu untuk mengelakkan kemungkinan kesan psikologi yang buruk kepada seseorang anak angkat apabila mengetahui hakikat bahawa beliau anak angkat, sedangkan beliau masih belum bersedia untuk mengetahui latar belakang atau statusnya yang sebenar.

Di bawah peruntukan baru ini juga Pendaftar Besar dikehendaki mengeluarkan perakuan kelahiran berkenaan dengan seorang anak angkat apabila ibu bapa kandung atau ibu bapa angkat menyerahkan kepada Pendaftar Besar atau akan perakuan kelahiran anak angkat berkenaan yang telah dikeluarkan di bawah Akta Pendaftaran Beranak dan Mati 1957 (Akta 299) dan membayar yuran yang ditetapkan. Bagi anak angkat yang telah pun memperolehi cabutan dari daftar anak angkat, mereka atau ibu bapa angkat mereka bolehlah membuat permohonan untuk mendapatkan sijil kelahiran di bawah Akta 257 setelah pindaan ke atas Akta 257 ini berkuat kuasa kelak.

Selain itu, seksyen ini juga memperuntukkan bahawa perakuan kelahiran seorang anak angkat yang dikeluarkan di bawah Akta 257 hendaklah menggantikan perakuan kelahiran yang dikeluarkan di bawah Akta 299 dan ianya menjadi bukti muktamad bagi fakta dan butir-butir berhubung dengan kelahiran anak angkat tersebut. Selaras dengan itu juga jadual baru yang dinamakan *Second Schedule* disediakan di mana jadual ini merupakan perakuan kelahiran yang dikeluarkan kepada anak angkat di bawah Akta 257. Perakuan kelahiran ini tidak mempunyai sebarang maklumat mengenai pengangkatan seseorang anak itu.

Tuan Yang di-Pertua, butir-butir lanjut mengenai peruntukan-peruntukan Rang Undang-undang Pengangkatan 1952 (Pindaan) 2000 boleh didapati dalam Huraian rang undang-undang tersebut. Adalah wajar Akta Pengangkatan 1952 (Akta 257) dipinda demi kesejahteraan perhubungan antara keluarga angkat dengan anak angkat. Anak angkat tidak seharusnya dibiar mengalami trauma dan tekanan akibat daripada masalah ini yang akan turut menjejaskan hubungan dan ikatan kasih sayang yang telah terjalin selama ini dengan ibu bapa atau keluarga angkat mereka. Di samping itu, ini juga akan menghalang kecenderungan mereka yang berhasrat mengambil anak angkat menggunakan saluran tidak sah seperti membeli sijil kelahiran palsu.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Siapa sokong?

**Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato' Zainal Abidin bin Zin]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.



**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Pengangkatan 1952 dibacakan kali yang kedua dan terbuka untuk dibahas. Kelang.

**11.10 pagi.**

**Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew [Kelang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk membahas rang undang-undang ini. Pada umumnya ramai orang akan menyokong pendapat untuk menyingkirkan perkataan "anak angkat" daripada perakuan kelahiran seseorang anak angkat, dan sebagai ganti mengeluarkan perakuan kelahiran yang baru untuknya. Ini adalah kerana stigma anak angkat mungkin akan menggugat kehidupan kanak-kanak yang terlalu muda untuk memahami erti kehidupan.

Walau bagaimanapun, adalah menjadi hak bagi setiap manusia untuk mengetahui siapakah ibu bapa kandung mereka. Daripada cerita-cerita hidup sebenar ramai anak angkat yang berusaha bersungguh-sungguh untuk mencari ibu bapa kandung mereka setelah mereka dewasa dan ramai pula yang tidak berputus asa untuk berharap agar dapat berjumpa dengan ibu bapa kandung mereka meski pun mereka telah mempunyai cucu-cicit. Dengan itu, memang ternyatalah bahawa telah menjadi tradisional manusia untuk mengetahui siapakah ibu bapa kandung mereka. Oleh itu, jika anak-anak angkat ini tidak diberi hak yang sedemikian, ini sebenarnya melawan naluri semula jadi manusia.

Saya ingin quote, Judge Weit S. Betterford, bila beliau buat ruling atas sebuah *adoptive petition* untuk mendapat akses dari court pengangkatan, katanya, "*the law must be consolent with life. It cannot and should not ignore broad historical currents of history. Mankind is process of no greater urged than to try to understand the age old question who am I, why am I. Even now the sand and ashes of continents are being shifted to find where we make our first step as man. Religion of mankind of turning clod and such the worship in one way or another. For many the future is blind without a sight of the past. Those emotions and anxieties that generate our terse to know the past are not superficial and wind-circle. They are real and they are good cause under the law of man and God.*"

Tuan Yang di-Pertua, walau bagaimanapun, ramai ibu bapa yang memelihara anak angkat memilih untuk menyembunyikan keadaan sebenar daripada anak-anak angkat mereka. Ini mungkin kerana perasaan cemburu mereka ataupun perasaan takut kalau-kalau anak angkat mereka akan kurang menyayangi mereka ataupun anak angkat mereka ingin kembali ke pangkuan ibu bapa kandung mereka sekiranya mereka mengetahui hal yang sebenar. Saya faham akan perasaan ibu bapa angkat yang ingin melindungi anak-anak mereka agar tidak terluka hati mereka sekiranya mereka tahu keadaan yang sebenar. Tetapi dalam masa yang sama saya berasa anak-anak angkat sepatutnya diberi hak untuk mengetahui keadaan sebenar mengenai asal usul mereka setelah mereka dewasa kekal.

Dari segi perubatan pula ini adalah juga penting untuk seseorang mengetahui ibu bapa kandungnya. Sebab dalam beberapa jenis rawatan penyakit sejarah perubatan ataupun medical history ibu bapa pesakit itu diperlukan untuk membuat diagnosis yang betul. Sekiranya pesakit tidak mempunyai maklumat yang sebenarnya kemungkinan besar ia akan mengakibatkan diagnosis yang salah berkenaan dengan pesakitnya.

Tuan Yang di-Pertua, dengan pengenalan baru seksyen 25A dan dengan sokongan subseksyen (10) daripada seksyen 25 akan membawa makna bahawa anak-anak angkat tidak akan mempunyai jalan untuk mengetahui asal usul mereka kecuali diberitahu oleh ibu bapa angkat mereka ataupun melalui mahkamah demi memperolehi maklumat berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, siapakah kita untuk menentukan bagi pihak anak angkat bahawa adalah untuk kebajikannya yang dia tidak perlu tahu keadaan sebenar asal usulnya. Walau sampai mana niatnya, kita, masyarakat ataupun ibu bapa angkatnya tidak mempunyai hak menafikan haknya dan harapannya untuk mengetahui siapakah ibu bapa kandungnya, dengan izin, *for the law to be fair it must recognize the interest of all party the biological parent, adoptive parent and above all the child.*

Perakuan kelahiran adalah suatu dokumen sah mengenai ibu bapa seseorang dan maklumat yang terkandung di dalamnya harus sesuatu yang benar sahaja. Maklumat mengenai ibu bapa anak angkat seperti yang diberi di dalam perakuan kelahiran yang baru yang dikeluarkan di bawah subseksyen 20A(2) adalah tidak benar

kecuali kalau kita mengizinkan perkataan-perkataan “bapa” dan “ibu” seperti yang terdapat di dalam perakuan kelahiran itu boleh bermaksud sama ada ibu bapa kandung atau ibu bapa angkat.

Jika sekiranya menyembunyikan perkara yang sebenar adalah semata-mata untuk melindungi anak-anak angkat sebenarnya tidak menderita akibat daripada kesan buruk dari segi perkembangan psikologi dan mental semasa kecil, maka perkara sebenar harus diberitahu kepadanya ketika dia dewasa. Ini mungkin boleh dilakukan sebagai standard procedure dengan cara mengemukakan soalan kepada mereka yang memohon kad pengenalan apabila menjangkau umur 21 tahun sama ada mereka ingin membuat pengesahan mereka itu anak angkat atau tidak, maka ini boleh dibuat di dalam borang permohonan. Sekiranya perkara itu benar mereka seharusnya diberi maklumat mengenai ibu bapa kandung mereka secara automatik tanpa perlu mendapatkan perintah mahkamah.

Tuan Yang di-Pertua, dalam usaha kita untuk memperbaiki undang-undang kita, kita perlu meneliti perkembangan yang baru di dunia ini berkenaan dengan pengangkatan, iaitu sikap orang telah ubah terhadap pengangkatan. Misalnya pada tahun 1997 the US Supreme Court telah mengesahkan the tenancy law untuk membenarkan anak angkat yang menjangkau umur 21 mendapat nama dan maklumat ibu bapa kandungnya. Saya juga difahamkan test-tube baby yang telah menjadi dewasa hari ini juga cuba mengambil tindakan undang-undang untuk mendapat maklumat berkenaan ibu bapa kandung mereka, dan tindakan mereka telah disokong oleh ramai orang umum yang berpendapat itu adalah hak mereka mengetahui asal usul mereka.

Oleh itu, saya amat berharap kementerian yang berkenaan ini akan memberi pertimbangan yang sewajarnya kepada cadangan saya iaitu melalui administrative procedure membenarkan anak angkat mendapat maklumat ibu bapa kandung mereka bila mereka menjangkau umur 21.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Arau bangun.

**Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat bagi Kelang. Saya amat tertarik tadi

mendengar hujah-hujah daripada Yang Berhormat di mana hak kepada anak angkat itu untuk mengetahui siapa ibu bapa sebenar bagi mereka. Saya ingin mendapat pandangan dari Yang Berhormat dari segi Islam, ini pandangan Islam, Islam tidak membolehkan ditukar nama bapa kepada kanak-kanak yang dilahirkan, salah satu daripada sebabnya ialah untuk mengelakkan perkahwinan sesama saudara yang memang tidak dibenarkan di dalam agama kita. Jadi, bagi yang bukan Islam bagaimana sekiranya anak angkat ini tidak tahu daripada mana keturunannya, siapa keluarganya dan ada kemungkinan dia akan berkahwin dengan saudaranya juga kerana mereka tidak tahu bahawa mereka daripada keluarga yang sama. Jadi, adakah perkara ini juga diambil kira dalam masyarakat kita yang bukan Islam. Terima kasih.

**Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew:** Saya amat bersetuju dengan apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat bagi Arau. Oleh sebab itu, saya menegaskan ini adalah sesuatu yang penting untuk kita memberi anak angkat tahu sebenarnya siapakah ibu bapa kandungnya dan juga adik-beradiknya. Saya rasa, yang saya percaya Akta ini tidak terlibat kaum Muslim tetapi saya rasa dari segi orang yang bukan Muslim itu juga saya rasa sesuatu peruntukan perlu dibuat untuk memastikan apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat bagi Arau kata, berlaku. Saya minta meneruskan ucapan saya.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi perkara yang ingin saya menarik perhatian adalah mengenai masalah yang dihadapi oleh anak-anak angkat yang identiti ibu bapa kandung mereka tidak dapat dikesan dan kewarganegaraan mereka tidak dapat dipastikan. Mereka ini sehlunya merupakan anak-anak luar nikah dan anak-anak ibu bapa kandung yang gagal mendapatkan perakuan kelahiran mereka kerana kejahilan atau anak-anak yang dibawa masuk dari negara-negara jiran dan dijual kepada pasangan yang tidak mempunyai anak. Kanak-kanak ini diambil sebagai anak angkat tanpa sebarang dokumen sah. Masalah akan timbul apabila anak-anak ini mencapai umur 12 tahun apabila permohonan untuk mendapat kad pengenalan mereka tidak diterima oleh Pejabat Pendaftaran kerana wajah, rupa atau warna kulit mereka ada berbeza daripada ibu bapa angkat mereka. Proses untuk mengambil anak angkat secara sah bagi anak-anak yang ibu bapa kandungan tidak diketahui adalah terlalu lambat. Saya pernah berhadapan dengan beberapa kes di mana anak-anak angkat ini

tidak dapat memperolehi kad pengenalan mereka kerana tidak mempunyai dokumen yang sempurna setelah menunggu bertahun-tahun. Sementara itu mereka terpaksa menjalani hidup bukan sahaja tanpa kad pengenalan malahan juga tanpa identiti diri masing-masing. Saya ingin tahu berapa banyakkah kes seperti ini berlaku di negara kita? Saya berharap agar terdapat peruntukan di dalam Akta Pengangkatan itu boleh membantu mereka yang ibu bapa mereka tidak dapat dikesan tetapi telah menetap di negara ini sejak dilahirkan.

Tuan Yang di-Pertua, saya faham bahawa kita harus teliti dalam hal ini kerana tidak ingin menggalakkan penyeludupan bayi dan tidak boleh dinafikan bahawa sesuatu kesalahan telah dilakukan apabila seorang kanak-kanak ini diangkat tanpa mengikut prosedur dalam undang-undang. Tetapi kesalahan itu tidak dilakukan oleh anak angkat itu. Oleh itu, saya merayu kepada pihak berkuasa supaya memberi pertimbangan khas kepada anak-anak angkat itu atas belas kasihan, kemanusiaan dan meluluskan permohonan mereka sama ada untuk mendapat Sijil Pengangkatan ataupun Kad Pengenalan dengan secepat mungkin. Dengan ini, saya memohon terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat bagi Bagan.

**11.24 pg.**

**Tuan Lim Hock Seng [Bagan]:** Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, dari pindaan Rang Undang-undang ini hanya mahkamah boleh memberi satu perintah untuk mendaftar kelahiran dan kematian, untuk memberi satu Sijil Lahir yang baru bagi menggantikan yang asal. Masalahnya di sini adalah kebanyakan bayi-bayi yang dijanji oleh ibu bapa angkatnya adalah sebelum mereka dilahirkan iaitu bermakna sejak bayi dalam kandungan ibunya lagi telah ada orang tertentu mengambil bayi ini untuk dijadikan anak angkat dan setelah ibunya melahirkan bayi ini maka bayi ini seterusnya akan diberikan kepada ibu atau bapa angkat. Ibu atau bapa angkat selalunya akan pergi membuat permintaan supaya bayi ini didaftarkan terus atas nama bapa atau ibu angkat dan sekiranya hendak pergi ke mahkamah ini mungkin akan mengambil masa yang panjang. Oleh demikian, dari kesimpulan rang undang-undang ini seseorang ibu mengandung hendak membuat satu pendaftaran asal, mencatatkan

bahawa anaknya telah dilahirkan dan siapa bapa kandungannya. Selepas suatu masa barulah ibu angkat boleh membuat permohonan kepada mahkamah untuk dijadikan bayi ini anak angkatnya. Ini boleh dipakai tetapi apa akan terjadi kepada apa yang saya sebut sebentar tadi iaitu apabila bayi masih dalam kandungan, ada orang-orang tertentu telah berjanji hendak mengambil bayi ini untuk dijadikan anak angkat dan perkara ini boleh berlaku kepada ibu-ibu yang tidak berkahwin atau pada masa sekarang ada pendatang-pendatang asing Thailand, Indonesiakah mereka datang ke sini untuk bekerja dan mereka telah mengandung atau hamil dan mereka tidak mahu bayi ini menjadi bebanan kepada mereka maka telah awal-awal lagi mereka berjanji hendak memberi bayi ini kepada seseorang. Memberi itu sebenarnya adalah menjual. Pada masa sekarang harga pasaran untuk seorang bayi perempuan meningkat lebih kurang RM4,000.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Macam mana Yang Berhormat tahu?

**Tuan Lim Hock Seng:** Saya tahu [*ketawa*] sebab ia juga terdapat di kawasan saya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Kalau lelaki berapa?

**Tuan Lim Hock Seng:** Lelaki lebih kurang 6,000.

**Seorang Ahli:** Syarikatkah?

**Seorang Ahli:** Ada syarikatkah?

**Tuan Lim Hock Seng:** Bukan syarikat, ini orang perseorangan. Jadi, adalah sedikit masalah kerana mungkin pendatang asing ini mereka tidak mahu diketahui mereka telah melahirkan anak atau bayinya dan terus diberi kepada ibu angkat atau bapa angkat. Apa yang boleh menyelesaikan masalah ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya fikir kerajaan perlu meringkaskan lagi prosedur anak angkat supaya anak-anak atau bayi-bayi yang dilahir boleh dapat satu *custody* atau jagaan oleh sesiapa yang menghendaknya supaya bayi-bayi ini tidak dicampak di dalam tong sampah, di kaki lima, di hadapan masjid, di hadapan kuil-kuil atau tokong Cina kerana mereka tidak ada saluran untuk memberikan bayi ini kepada sesiapa yang mahu.

[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Muhamad bin Abdullah)  
*mempengerusikan Mesyuarat*]

Jadi dalam hal ini saya merasa kerajaan perlu mengadakan satu publisiti di mana dikatakan bayi-bayi yang ibu bapanya tidak mahu itu boleh diberi kepada pertubuhan kebajikan masyarakat iaitu satu agensi kerajaan dan di sanalah kebajikan masyarakat boleh mengadakan satu senarai ibu bapa-ibu bapa yang hendak mengambil bayi-bayi ini. Dan di sanalah Jabatan Kebajikan Masyarakat boleh menolong ibu bapa angkat atau ibu bapa yang hendak mengambil bayi untuk membuat satu pendaftaran di Pejabat Pendaftaran Negara.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk bertanya kepada Yang Berhormat Menteri atau Timbalan Menteri, sama ada benarkah kepada pasangan yang tidak membuat *marriage registration* atau pendaftaran perkahwinan mereka tidak ada Sijil Pendaftaran Perkahwinan mereka tidak boleh mendapat surat beranak untuk anak-anak mereka atau bayi-bayi yang baru dilahirkan itu kerana apabila mereka pergi ke Jabatan Pendaftaran Negara mereka memerlukan tunjukkan sijil perkahwinan. Dan apabila mereka tidak boleh mengeluarkan sijil perkahwinan maka mereka ditolak untuk mendaftarkan bayi yang dilahirkan itu.

Dan juga bolehkah Yang Berhormat memberitahu sama ada Jabatan Pendaftaran Negara boleh terima hanya seorang ibu untuk membuat pendaftaran tanpa ada nama bapa bayi itu atau saya ingat ini tidak boleh jadilah bapa boleh meminta untuk membuat pendaftaran tanpa nama ibu. Itu tidak jadilah sebab ibu yang mengandung yang melahirkan bayi itu. Jadi masalah di sanalah sebab mungkin perempuan itu dia belum berkahwin atau dia tahu pun nama bapa itu, siapa bapa itu tidak mahu letak nama bapa dia. Jadi dua tiga soalan ini perlulah saya minta dijelaskan. Sekian sahaja.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, ini. Sila.

**11.33 pagi**

**Tuan Tiong Thai King [Lanang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana beri peluang kepada saya untuk membahaskan tentang Rang Undang-undang Pengangkatan (Pindaan) 2000.

Tuan Yang di-Pertua, perkembangan dan pembangunan ekonomi negara kita yang pesat telah menimbulkan pelbagai masalah sosial dalam masyarakat. Salah satu daripada kesannya adalah penambahan keluarga yang bernasib malang seperti keluarga yang kurang berupaya untuk menyara anak-anak mereka dan peningkatan kes-kes pembuangan bayi. Justeru itu Rang Undang-undang Pengangkatan (Pindaan) 2000 ini yang bertujuan membantu kanak-kanak yang bernasib malang untuk menjalani kehidupan yang normal, sihat dan baik.

Tuan Yang di-Pertua, isu yang perlu diberi perhatian oleh pihak kerajaan dalam usahanya mengambil anak angkat yang pertama ialah penyeludupan anak dari negara jiran yang miskin.

Tuan Yang di-Pertua, perkembangan ekonomi yang pesat di negara kita mungkin menjadi satu daya tarikan pihak tertentu khasnya penduduk dari negara-negara jiran yang sedang mengalami tekanan ekonomi untuk menyeludup anak-anak mereka ke Malaysia untuk dijadikan anak Malaysia dengan tujuan agar kanak-kanak ini dapat menjalani kehidupan yang lebih baik. Mereka akan mencapai tujuan ini menggunakan rang undang-undang ini.

Yang kedua, kegiatan penjualan anak-anak oleh pihak yang tidak bertanggungjawab. Tuan Yang di-Pertua, penghapusan perkataan “diangkat”, “pengangkatan” atau “angkat” dalam perakuan kelahiran mungkin menggalakkan kegiatan penjualan anak-anak oleh pihak yang tidak bertanggungjawab kerana pengenalan akta ini mungkin menyebabkan permintaan terhadap anak-anak angkat meningkat akibat lebih banyak pasangan yang tidak mempunyai anak untuk mengambil anak angkat.

Yang ketiga, hamba kanak-kanak dan hamba seks. Selain isu penjualan kanak-kanak perhatian perlu diberikan kepada tindakan pihak yang tidak bertanggungjawab dan tidak bermoral seperti sengaja mengambil anak angkat dengan tujuan memaksa anak-anak angkat mereka menjadi buruh kanak-kanak ataupun memaksa mereka melibatkan diri dalam kegiatan maksiat atau menjadi hamba seks.

Tuan Yang di-Pertua, saya harap kerajaan haruslah memberi perhatian di atas isu-isu yang saya sebut. Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong rang undang-undang ini. Terima kasih.



**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Saya bagi Petaling Jaya Utara.

### **11.43 pagi**

**Puan Chew Mei Fun [Petaling Jaya Utara]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk menyertai perbahasan tentang Akta Pengangkatan (Pindaan) 2000. Pindaan ini bertujuan meminda bentuk atau format sijil kelahiran anak angkat agar ia sama dengan sijil kelahiran biasa. Saya berpendapat bahawa pembentangan pindaan ini sekali lagi menunjukkan sikap prihatin pihak Kerajaan Barisan Nasional terhadap rakyat tanpa kira kedudukan sosial mereka.

Tuan Yang di-Pertua, menurut seksyen baru 25A, subseksyen 1 dan subseksyen 2 kita difahamkan bahawa sijil kelahiran baru yang dikeluarkan oleh pendaftar besar mengikut perintah pengangkatan selepas sijil kelahiran asal diserahkan tidak akan mengandungi apa-apa perkataan “angkat” dan format atau bentuk sijil kelahiran baru itu adalah hampir sama dengan sijil kelahiran biasa. Hanya nama ibu bapa sebenar digantikan dengan nama ibu bapa angkat serta satu kod rujukan yang hanya dapat dikenal pasti oleh pihak berkuasa yang berkenaan.

Tujuan pindaan tersebut adalah jelas iaitu mengambil kira perasaan serta perkembangan psikologi anak yang berkenaan dengan mengelakkan perihal pengangkatannya didedahkan apabila ibu bapa menunjukkan sijil kelahiran untuk mendaftarkan anak di sekolah atau memohon kad pengenalan untuk anak angkat kerana jika hal pengangkatan diketahui oleh guru atau orang lain maka ia mungkin menjejaskan perasaan serta pendidikan anak berkenaan. Yang lebih penting lagi, pindaan ini telah membatalkan subseksyen 25(7), 25(10) yang tidak sesuai lagi serta subseksyen 25(11) yang membenarkan orang ramai memeriksa indeks kepada Daftar Anak Angkat. Pemotongan tersebut bertujuan memastikan catatan-catatan dalam Daftar Anak Angkat dirahsiakan demi kepentingan anak-anak angkat.

Tuan Yang di-Pertua, saya bersetuju bahawa pindaan ini yang menunjukkan sikap prihatin pihak kerajaan. Namun, saya ingin menyuarakan beberapa pandangan untuk pertimbangan pihak kerajaan agar membuat penyelarasan yang sewajarnya.

Pertama, walaupun pindaan ini telah mengambil kira kepentingan anak-anak angkat yang belum dewasa, tetapi pada masa yang sama ia juga mengabaikan hak anak-anak angkat dewasa yang berumur lebih daripada 21 tahun untuk mengetahui identiti mereka yang sebenar. Ini adalah kerana peruntukan subseksyen 12 juga akan dipinda agar Pendaftar Besar tidak boleh memberi mana-mana orang termasuk anak angkat yang berkenaan apa-apa maklumat, salinan atau cabutan daripada mana-mana indeks kecuali di bawah perintah mahkamah. Saya berpendapat bahawa peruntukan ini adalah tidak munasabah. Saya bersetuju bahawa larangan terhadap orang awam untuk memeriksa indeks kepada Daftar Anak-anak Angkat adalah wajar demi melindungi pihak-pihak berkenaan tetapi peruntukan yang tidak membenarkan anak angkat berkenaan yang berumur 21 atau lebih daripada 21 tahun untuk memeriksa indeks Daftar Anak Angkat kecuali dengan perintah mahkamah adalah tidak wajar dan bertentangan dengan semangat yang menghormati hak asasi manusia.

Tuan Yang di-Pertua, memandangkan nombor rujukan yang tercatat pada sijil kelahiran dapat mengenal pasti pengangkatan seseorang anak angkat, saya mencadangkan supaya peruntukan ini diubah suai supaya membenarkan anak angkat dewasa yang berumur 21 tahun dan ke atas untuk memeriksa indeks Daftar Anak Angkat tanpa syarat atau perintah mahkamah selagi permohonan itu dibuat oleh anak-anak angkat sendiri. Saya percaya bahawa ini adalah selaras dengan hak asasi anak-anak angkat berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga berpendapat bahawa pindaan Akta Pengangkatan ini hanya dapat memberikan perlindungan daripada segi undang-undang. Walaupun sijil kelahiran seseorang anak angkat tidak menunjukkan hal pengangkatan, tetapi dalam hidup yang sebenarnya kepentingan anak angkat mungkin tidak dilindungi. Sebagai contoh, sebilangan kecil ibu bapa angkat mungkin memberikan layanan yang tidak sama kepada anak angkat daripada anak kandung mereka ataupun mendiskriminasikan anak angkat sehingga menjadikan anak angkat

sebagai pembantu rumah. Ini tentu menjejaskan kepentingan dan kebajikan anak angkat.

Oleh yang demikian, bagi anak-anak angkat yang hidup dalam keadaan tersebut, pindaan ini tidak memberikan apa-apa makna kepada mereka. Sungguh pun terdapat peruntukan di bawah Akta Kanak-kanak yang melindungi kanak-kanak daripada didera atau dianiayai, tindakan hanya diambil untuk melindungi kanak-kanak selepas kejadian penderaan didedahkan dan selepas kesejahteraan fizikal dan mental anak berkenaan terjejas. Oleh itu, saya berpendapat bahawa pindaan tersebut kurang selaras dengan prinsip perlindungan kanak-kanak.

Oleh yang demikian, saya ingin meminta penjelasan kementerian sama ada syarat-syarat ditetapkan untuk meluluskan atau menolak permohonan orang awam mengangkat anak, dan apakah syarat-syarat tersebut jika ada. Apakah langkah-langkah yang dapat diambil oleh pihak berkuasa untuk memastikan bahawa anak angkat dilayan dengan baik oleh ibu bapa angkat. Saya juga ingin mencadangkan supaya semua bakal ibu bapa angkat diwajibkan mengikuti kursus intensif tentang peranan ibu bapa angkat serta lulus dalam ujian pengetahuan kursus tersebut dan ujian psikologi sebelum permohonan mereka diluluskan. Walaupun langkah-langkah yang dicadangkan tersebut tidak dapat memberikan seratus peratus perlindungan dan jaminan kepada kebajikan anak-anak angkat, saya berpendapat bahawa ia dapat meningkatkan kualiti talian keluarga anak angkat yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, dengan ini saya mencadangkan perkara-perkara tersebut untuk rujukan pihak kerajaan dan saya menyokong pindaan tersebut. Sekian terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Bandau.

**11.43 pagi**

**Dr. Maximus Johnity Ongkili [Bandau]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang bagi saya untuk memberi pandangan dan komen atas rang undang-undang yang dibentangkan iaitu suatu akta untuk meminda Akta Pengangkatan 1952.

Saya dan rakan-rakan berbincang tadi tentang perkataan “pengangkatan” ini sebab seolah-olah tidak berapa sesuai kerana dalam agama Kristian, pengangkatan itu

angkat masuk syurga [*Ketawa*]. Adopsi mungkin lebih kemas walaupun dia diambil dari perkara anak angkatlah kita sedar tetapi saya tidak tahu sudahkah ini dibincangkan di Dewan Bahasa dan Pustaka. Sekadar satu komen untuk soal terminologilah.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak beberapa banyak perkara untuk ditegur di sini. Pada dasarnya memang akta ini telah pun lama ditunggu-tunggu oleh pihak awam. Berdasarkan kepada apa yang telah disentuh oleh Menteri dalam pembentangan akta rang undang-undang tadi. Dan sememangnya pokok pindaan-pindaan yang dibuat adalah terdapat di dalam subseksyen 25 khususnya dan yang mana dari segi kepentingan awam ialah memastikan supaya perkataan “diangkat” itu atau “pengangkat” ataupun “angkat itu” tidak terdapat dalam perakuan kelahiran lagi.

Sememangnya ini telah lama disentuh oleh pihak awam. Pada minggu lalu sahaja ada satu surat juga di dalam *New Straits Times* di mana seorang ibu mengadu mengenai anaknya yang terasa terhina di sekolah oleh kerana surat lahir yang ada pada dia itu mempunyai cop “anak angkat” ataupun “diangkat”. Maka, pada amnya sememangnya pihak kami menerima perubahan-perubahan yang dicadangkan kepada Akta Pengangkatan 1952 ini.

Dalam beberapa soal yang lain juga, saya ingin sentuhkan di sini ialah nombor satu, proses untuk mengangkat seseorang anak itu masih lagi dalam keadaan mengambil masa yang amat panjang sehinggalah banyak keluarga yang mampu untuk mengangkat anak ataupun keluarga yang tidak beranak dan ingin mengangkat anak, saya katakan tadi, ataupun mereka ingin menambah anak begitu terhalang untuk melakukan sedemikian oleh kerana prosedur-prosedur ataupun proses-proses itu mengambil masa yang terlalu lewat dan lambat.

Seperti yang sedia maklum, proses itu melibatkan proses mahkamah dan ujian-ujian tertentu oleh pihak badan-badan kerajaan, khasnya Jabatan Kebajikan Masyarakat dan badan-badan tertentu dan apabila telah diselidiki dan dipastikan bahawa keluarga tersebut layak dan mampu untuk mengangkat seseorang anak itu, barulah kelulusan diberi dan apabila kelulusan diberi sebelum akta ini diubah, memanglah anak itu akan diberi satu surat lahir yang bertanda “diangkat” dan seterusnya.

Dalam soal ini, saya ingin minta kementerian menjelaskan pada setakat ini, biasanya berapa lama dari segi proses *intention*, dengan izin, untuk mengangkat seseorang anak itu sampai selesai. Ada orang mengatakan, bukan sahaja berbulan-bulan, sering kali sampai enam bulan, barulah proses itu selesai dan ini menjadi halangan bagi keluarga-keluarga yang berminat untuk menambah keluarga melalui proses pengangkatan ataupun saya katakan tadi, mereka yang tidak mempunyai anak dan ingin melibatkan dalam soal mengangkat anak bukan sahaja sebagai tanggungjawab keluarga tetapi juga menyahut permintaan awam supaya anak-anak yang misalnya tertinggal, dibuang dan tidak ada ibu bapa, tidak ada keluarga yang betul untuk memimpin dan mengambil mereka, keluarga-keluarga ini merasa terhalang seperti mana yang saya katakan tadi.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa yang sama juga, selain daripada masalah proses yang lewat itu, saya juga setuju dengan apa yang disentuh oleh Yang Berhormat bagi Bagan di mana beberapa kes-kes tertentu ataupun yang selalu ini dilakukan di mana ada juga keluarga-keluarga khususnya di kalangan keluarga yang berdekatan di mana sesebuah keluarga itu, misalnya tidak mempunyai anak dan mereka ingin mengangkat seorang bayi dan ingin diambil daripada saudara mara mereka yang barangkali banyak anak, lapan orang anak, biasanya di Sabah tetapi kakak kepada ibu yang lapan ini, barangkali tidak ada anak. Jadi, dia mahu mengangkat.

Mengikut proses dan prosedur yang sedia ada, ini mengambil masa berbulan-bulan dan mereka ingin mengambil anak itu terus dari tarikh dia dilahirkan untuk membentuk *bonding* dan untuk membentuk suasana keluarga yang sebenar. Ini tidak dibenarkan melalui akta yang sedia ada. Maka, dalam perkara ini, seperti yang disentuh oleh Yang Berhormat bagi Bagan tadi, apa pendekatan pihak kementerian untuk membolehkan ini. Pada masa yang sama juga, dikatakan tadi, dia disalahgunakan pula oleh mereka yang sekadar seolah-olah membuang anak seperti yang dikatakan tadi.

Saya rasa akta-akta dan undang-undang yang ada pada setakat ini tidak membolehkan ini dilakukan secara betul dan secara patuh dengan proses yang baik

dan betul dan untuk kebaikan mereka yang ingin sebenar mengangkat anak untuk keluarga mereka di dalam perkara ini.

Jadi, selain daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, kes yang disentuhkan tadi dan perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Kelang iaitu di mana beliau mengatakan bahawa anak-anak itu mempunyai hak untuk mengetahui asal-usul mereka dari segi ibu bapa dan seterusnya. Kita tidak menafikan itu. Pihak kita setuju dengan pandangan-pandangan tersebut bahawa akta ini tidak harus menghapuskan hak anak-anak untuk mengetahui apa latar belakang mereka dan bagi mereka mengetahui ibu bapa mereka yang sebenar tetapi saya rasa ini sesuatu yang diletakkan seharusnya kepada ibu bapa itu sendiri untuk mendidik dan untuk membolehkan proses bagi anak yang mereka angkat itu mengetahui keadaan sebenar dan bukan pula dipaksa melalui akta kepada mereka.

Jadi, walaupun saya rasa keraguan itu ada, haruslah akta ini memberi jaminan supaya di mana ini timbul, terpulanglah kepada ibu bapa masing-masing melalui pendidikan yang harus dianjurkan oleh pihak kementerian supaya ujian-ujian yang dikatakan tadi dan pendidikan dilakukan kepada ibu bapa yang mengangkat anak itu supaya tahu tentang tanggungjawab mereka.

Kita memang setuju dengan apa yang diperuntukkan dalam akta ini ialah sekurang-kurangnya nama '*adopted*' ataupun 'diangkat' dan seterusnya iaitu tidak lagi keluar di dalam surat beranak kerana pada dasarnya bagi anak-anak kecil yang di sekolah, kita banyak dengar di mana dia belum lagi mengetahui asal-usulnya dan barangkali ibu bapa mereka belum sampai masa untuk memberitahu keadaan sebenar tentang asal-usul dan dari segi ibu bapa asal mereka tetapi budak-budak lain di sekolah sudah mengetawakan, sudah mengatakan dia itu anak angkat dan seterusnya dan memang ini menjejaskan dari segi psikologi, perkembangan dan pertumbuhan anak tersebut.

Saya rasa ini adalah pokok. Soal pentingnya anak itu mengetahui asal-usulnya seharusnya adalah tanggungjawab ibu bapa masing-masing yang mengangkat anak ini dan pihak kementerian seperti mana yang ditekankan oleh Yang Berhormat yang lain tadi, supaya tanggungjawab itu diserahkan kepada ibu bapa dan mereka diberitahu

tentang tanggungjawab mereka dan pihak kementerian, kita berpendapat boleh memainkan peranan yang penting di dalam perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi perkara yang saya ingin sentuh di sini. Misalnya, khususnya kita ingin mengetahui berapa banyakkah sebenarnya anak-anak yang diangkat setiap tahun di seluruh Malaysia. Bolehkah kementerian yang berkenaan membekakan kerana dalam ucapan pembentangan tadi tidak disentuh berapa ratus atau berapa ribu anak-anak yang terlibat diangkat oleh keluarga-keluarga di seluruh Malaysia bagi tahun yang lalu, 1999 dan bagi negeri Sabah dan Sarawak supaya kita boleh melihat golongan besar atau kecil yang terlibat di dalam proses mengangkat anak ini dan supaya kita boleh lihat juga bagaimana akta ini boleh membantu keadaan yang mereka hadapi itu dengan lebih berkesan.

Dari masa ke semasa, pihak-pihak badan kebajikan dan kerajaan dan bukan kerajaan, bahkan pemimpin kerajaan sentiasa juga mengatakan bahawa menggalakkan keluarga-keluarga yang mampu, keluarga-keluarga yang barangkali anak tidak begitu banyak untuk mengambil bahagian dalam proses mengangkat anak ini. Bekalan data seperti ini sangatlah penting supaya kita boleh melihat peranan-peranan yang perlu dibuat oleh ibu bapa dan masyarakat amnya.

Saya rasa sekadar itu perkara yang ingin saya sentuh dan selain daripada itu, saya berpendapat bahawa akta ini sebenarnya telah lama dinanti-nantikan oleh pihak awam. Namun demikian, pihak kementerian harus mengambil perhatian kepada teguran-teguran dan khususnya peranan kementerian untuk menentukan syarat-syarat tertentu di mana akta ini tidak dapat merangkuminya. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Wangsa Maju.

**11.56 pagi.**

**Dato' Zulhasnan bin Rafique [Wangsa Maju]:** Terima kasih. Bismillahir Rahmanir Rahim. Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan ribuan terima kasih kerana memberi peluang mengambil bahagian dalam membahaskan rang undang-undang pindaan kepada Akta Pengangkatan 1952 sebagaimana yang telah dibentangkan dalam Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, pada awal tahun ini, isu anak angkat telah ditimbulkan kembali dalam suasana yang tidak harmoni. Ini berpunca daripada tindakan Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) yang cuba memberikan kelonggaran membenarkan nama anak angkat dan bapa angkat dicantumkan di dalam sijil Ordinan Pengangkatan yang tidak mensyaratkan dengan nama 'Abdullah' seperti kelaziman. Saya percaya bahawa pihak Jabatan Pendaftaran Negara mempunyai tujuan yang baik di sebaliknya yang dibuatnya itu dengan tujuan dan juga masalah demi untuk mewujudkan suasana harmoni dalam kehidupan sosial dan juga kehidupan berkeluarga.

Namun begitu, tujuan JPN itu telah mendapat reaksi pro dan kontra di kalangan masyarakat termasuklah di kalangan golongan ulama. Saya percaya isu ini timbul kerana kekeliruan dan salah faham masyarakat terhadap tujuan pihak JPN menggabungkan nama anak angkat dengan bapa angkat dalam surat Ordinan Pendaftaran Anak Angkat dan bukannya di dalam surat beranak asal. Dalam Sijil Anak Angkat dicatatkan rujukan nombor surat beranak, tempat lahir, nama keluarga angkat, alamat, pekerjaan bapa angkat dan ibu angkat. Semua reaksi yang ditunjukkan itu adalah baik demi untuk menjaga kesucian hukum syarak dan pada masa yang sama berusaha secara lebih berhikmah menentukan kaedah mendokumentasikan maklumat status mereka yang terbabit sejajar dengan kehendak dan kesan psikologi terhadap kehidupan berkeluarga negara ini.

Amalan mengambil anak angkat di kalangan rakyat Malaysia juga memperlihatkan sikap penyayang dan prihatin yang telah berakar umbi sejak zaman nenek moyang kita dahulu. Sebagai penganut agama Islam, sudah tentu pengambilan anak angkat itu juga akan mengambil kira semua kehendak dan ketetapan syarak yang wajib dipatuhi oleh masyarakat Islam. Kerelaan pasangan suami isteri mengambil anak orang lain sebagai anak angkat, kemudiannya dipelihara seperti anak sendiri juga harus melalui landasan-landasan yang digariskan oleh ajaran Islam. Jika tidak, ia akan meninggalkan kesan yang buruk yang boleh mengganggu ketenangan serta kebahagiaan masyarakat.

Tuan Yang di-Pertua, secara rambangnya terdapat enam kategori anak angkat yang harus diteliti untuk dijadikan panduan dan keenam-enam kategori ini banyak terdapat di negara kita. Di antaranya ialah:



- (i) anak angkat yang diambil dari waris sendiri;
- (ii) anak angkat yang diambil dari bukan warisnya;
- (iii) anak angkat yang diambil dari keluarga yang bukan Islam;
- (iv) anak angkat yang diambil dijadikan dari saudara baru yakni mereka yang baru memeluk Islam;
- (v) anak angkat gelaran yang diangkat sebagai mengambil berkat melepaskan nazar dan sebagainya; dan
- (vi) anak yang diperolehi dari satu tempat yang tidak disangkanya atau tempat-tempat tertentu yang telah ditinggalkan oleh orang tuanya.

Sementara itu, pengertian anak angkat dalam Islam dibahagikan kepada dua iaitu:

- (i) seorang yang membela anak yang sudah diketahuinya bahawa anak itu anak orang lain. Dijadikan atau dilayani sama seperti anaknya sendiri baik dalam kasih sayang, pendidikan ataupun dalam perbelanjaan tetapi tidak dibinkan dan dibintikan dengan namanya dan tidak juga dianggap sebagai keturunannya.
- (ii) seorang yang memelihara anak angkat yang telah diketahui bahawa anak itu adalah anak orang lain. Kemudian ia memasukkan keturunan si anak itu iaitu membin atau membintikan kepadanya lalu diperlakukan sebagai anak kandungnya sendiri yang sedarah sedaging dengannya.

Saya berharap dalam melaksanakan segala kehendak pindaan kepada rang undang-undang ini, janganlah kelihatan ada ruang yang boleh dijadikan polemik perbahasan dari sudut pentafsiran agama yang mana akhirnya ada pihak yang cuba menjadikan isu ini dengan menuduh kerajaan tidak peka dengan sensitivi agama dalam perkara yang berkaitan. Seharusnya semua pihak dapat menjuruskan pandangan secara lebih positif kerana tafsiran 'anak angkat' menurut kaca mata Islam adalah sama seperti anak kandung dari segi hak penjagaan, pendidikan, kasih sayang dan sebagainya yang wajib ibu bapa kandung atau ibu bapa angkat tunaikan kehendak mereka.

Anak angkat atau anak kandung merupakan amanah Tuhan yang dipertanggungjawabkan ke atas penjaga mereka untuk membesar, menjaga maruah dan kehormatan, seterusnya membina masa hadapan untuk kesejahteraan mereka di dunia dan di akhirat seperti yang dikehendaki oleh syariat Islam.

Hubungan kasih sayang di antara ibu bapa dan anak menjadi penentu kepada pembentukan jiwa mereka setelah membesar nanti. Walaupun Islam telah menggariskan secara jelas bahawa anak angkat tidak boleh dibin atau dibintikan dengan bapa angkat walaupun dipelihara anak tersebut sejak kecil lagi, namun begitu hakikatnya ialah anak angkat haruslah dipelihara dengan sebaik-baiknya dengan meneroka satu sistem yang lebih efektif supaya tidak menimbulkan kecelaruan dan menghindarkannya dari berlaku porak-peranda dalam keluarga mereka. Cadangan membolehkan nama anak angkat dicantumkan dengan nama bapa angkat dalam akta ini janganlah sampai di tahap membolehkan anak angkat tersebut dibin atau dibintikan dengan nama bapa angkat mereka. Saya bimbang ianya akan dikatakan sudah tergelincir dari segi kehendak Islam. Sewajarnya isu ini dapat dirujukkan terlebih dahulu dengan Majlis Fatwa Kebangsaan untuk mendapatkan pandangan sah mereka dari sudut syariah Islam yang sebenarnya.

Tuan Yang di-Pertua, soalan pokok yang relevan dengan pindaan rang undang-undang ini ialah bagaimana kaedah dokumentasi ataupun sistem rekod yang setelah diguna pakai untuk menzahirkan identiti mereka sebagai anak angkat tanpa melupakan nama bapa asalnya. Dengan adanya pindaan terhadap Akta Pengangkatan 1952 ini juga diharapkan juga supaya tidak berlaku usaha-usaha ibu bapa angkat untuk melakukan....

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** *[Bangun] [mengetuk mikrofon]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, tidak payah ketuk, Yang Berhormat, saya nampak. Ada yang berdiri Yang Berhormat, minta penjelasan sila.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Terima kasih Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, terima kasih sahabat saya. Seperti Yang Berhormat sarankan tadi, dalam Islam memang jelas bahawa anak angkat tidak boleh dibin kepada bapa angkatnya. Peristiwa Zaid yang diambil angkat oleh Rasulullah yang dibin kepada

Nabi dan setelah beberapa ketika, turun ayat dari Allah S.W.T supaya memansuhkan Zaid itu tidak boleh dibinkan kepada Nabi Muhammad S.A.W jelas. Jadi kalau sekiranya belum dirujuk kepada Jabatan Agama, itu kena ambil tindakan kerana ini ada kaitan dengan agama, jadi kalau melanggar hukum kita tidak boleh bertolak ansur. Ini bukan soal politik dan sebagainya, tetapi ini hukum kerana dalam Islam juga ada soal anak susu. Anak susu ini tidak boleh bernikah dengan saudara sesusu, anak susuan, itu dalam Islam. Anak yang menyusu itu tidak boleh menikah dengan saudara-saudaranya yang sama susuan dengan seorang ibu, itu hukum yang tidak boleh ditolak ansur, itu hukum. Walaupun tidak tercatat di mana-mana dokumen pun bahawa polan bin polan menyusu dengan polan bin polan. Jadi itulah di samping kita menyokong akta ini saya mintalah Yang Berhormat, saya tidak tahu sama ada benda ini telah dirujuk atau tidak kepada Jabatan Agama. Terima kasih.

**Dato' Zulhasnan bin Rafique:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Sri Gading. Saya setuju dengan pandangan Yang Berhormat iaitu daripada segi pandangan Islam amat jelas dan daripada kes-kes yang disebutkan oleh Yang Berhormat iaitu kes-kes yang melanggar hukum, kita mestilah mengambil tindakan dan kes-kes yang belum dirujuk kepada Jabatan Agama ini perlu kita rujuk supaya satu tindakan yang jelas dapat diambil seperti contoh yang diberitahu tadi, kes-kes anak menyusu dan sebagainya. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua, dengan adanya pindaan terhadap Akta Pengangkatan 1952 ini juga diharapkan supaya tidak berlaku usaha-usaha ibu bapa angkat untuk melakukan pemalsuan dalam pendaftaran anak angkat mereka. Susur galur keturunan seseorang itu haruslah diperjelaskan dalam bentuk yang paling cermat seperti menarik rambut di dalam tepung. Kita tidak mahu asal usul keturunan seorang anak angkat itu luput ditelan zaman sehingga mereka tidak lagi mengenali saudara asalnya terutama keluarga ibu dan bapa asalnya. Memutuskan susur galur keturunan ini walaupun mendapat keizinan daripada ibu bapa asal mereka semasa menyerahkan anaknya kepada ibu bapa angkat dengan memakai bin dan binti bapa angkat merupakan satu pengingkaran terhadap asal keturunan dan bahayanya amat besar dan aibnya pula amat jelik serta dilaknati oleh agama Islam yang maha suci.

Tuan Yang di-Pertua, pengangkatan anak yang terlarang bukan sahaja menyebabkan penghalang kepada penerimaan harta waris atau harta pusaka menjadi hak sebenarnya. Anak angkat sama sekali tidak berhak mengambil dan menerima sebarang peninggalan daripada keluarga angkatnya walau sedikit pun atas jalan pusaka kecuali apa yang diberikan kepadanya semasa hidup. Penuntutan dan pengambilan harta pusaka oleh anak angkat itu adalah haram kerana ia merampas bukan haknya. Harta pusaka yang halal dan sah di sisi Islam adalah harta pusaka yang ditinggalkan oleh keluarga asalnya. Bukan itu sahaja, Tuan Yang di-Pertua, apabila si anak angkat itu sudah berkeluarga pula, malah kemungkinan sudah menjadi orang berharta dan kaya raya selepas matinya maka sudah tentu adik beradik dan keluarga angkatnya akan mengambil dan menerima harta pusaka peninggalan keluarga anak angkat itu atas dasar keluarganya. Saya percaya penerimaan ini adalah salah dan tidak sah di sisi agama. Sebarang harta pusaka kepunyaan keluarga anak angkat adalah hak kepunyaan keluarga asal tetapi oleh kerana wujudnya pemalsuan identiti terhadap status anak angkat itu maka segala-galanya menjadi campur aduk di antara yang halal dan haram. Perkara ini akan berpanjangan selepas peninggalan bapa dan ibu angkat itu.

Begitu juga anak angkat bila hendak kahwin terutama anak angkat perempuan, walinya adalah bapa asalnya sendiri bukan bapa angkatnya. Begitu juga anak angkat lelaki adalah berhak memberi dan menjadi wali kepada keluarga asalnya dan bukan kepada keluarga angkatnya. Fenomena anak angkat dan maksud di dalam pindaan Akta Pengangkatan ini hendaklah diberi perhatian serius kerana ia membabitkan faktor hukum Islam. Kita tidak mahu berlaku kerosakan kepada zuriat dan keturunan akibat daripada pengangkatan yang terlarang ini. Seharusnya maksud pindaan kepada Akta Pengangkatan ini tidak menjuruskan masalah ini kepada pertikaian yang melibatkan hukum Islam yang termaktub di dalam Al-Qur'an.

Tuan Yang di-Pertua, diharap pindaan kepada akta ini akan mengukuhkan lagi hubungan kekeluargaan di antara anak angkat dengan keluarga angkat terutamanya kepada anak-anak yang dipelihara sejak ia masih bayi lagi. Saya menyokong bahawa Rang undang-undang Pengangkatan 1952 ini yang bertujuan

untuk meminda beberapa perkara dalam Akta 257 bagi tujuan menguatkan dan mengemaskinikan lagi.....

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, Sri Gading berdiri lagi, jangan ketuk Sri Gading, pecah nanti ya.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Terima kasih Dato'. Saya amat setuju saranan Yang Berhormat sebentar tadi kerana apa yang diucapkan oleh Yang Berhormat adalah selaras dengan hukum hakam Islam dari segi kekeluargaan Islam. Jadi apa yang disarankan oleh Yang Berhormat ini, pihak kementerian jangan ambil perkara ini remeh dan kena jawab ikut hukum Islam, tidak boleh jawab secara hendak melepaskan batuk di tangga. Saya mencadangkan, untuk menjawab ini, kena menteri sendiri yang beragama Islam, kena datang menjawab. Ini permintaan saya pasal saya tidak mahu benda-benda seperti ini nanti akan dilihat lain. Macam ini, soal fara'id pusaka, ini dalam hukum fara'id, jadi anak angkat tidak berhak walau sesen pun kecualilah kalau ada wasiat, itu pun wasiat ada hukumnya kerana wasiat pun tidak boleh sebab harta dijadikan wasiat, ada hukum dalam wasiat. Itu semua kena ikut apa yang ditetapkan oleh Allah S.W.T yang diturunkan kepada Rasulullah S.A.W. yang menjadi pegangan kita dalam agama Islam yang tidak boleh kita langgar. Jadi saya sangat bersetuju dengan Yang Berhormat dan saya harap kementerian, itu sebab saya minta kalau boleh menjawab Yang Berhormat ini kena seorang yang benar-benar faham tentang agama dan saya rasa menteri yang beragama Islamlah yang kena jawab ini. Terima kasih.

**Dato' Zulhasnan bin Rafique:** Terima kasih Yang Berhormat Sri Gading. Saya setuju tentang hujah-hujah Yang Berhormat tadi iaitu walaupun hukum Islam amat jelas di dalam negara ini, kementerian harus serius menjawab isu-isu yang berkaitan dengan hukum Islam, contohnya isu wasiat dan cadangan Yang Berhormat tadi iaitu Yang Berhormat Menteri harus jawab, kita serahkan kepada kementerian selepas ini. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong bahawa Rang undang-undang Pengangkatan 1952 ini yang bertujuan untuk meminda beberapa perkara dalam Akta 257 bagi tujuan untuk menguatkan dan mengemaskinikan lagi urusan mengenai anak

angkat. Tujuannya jelas iaitu melindungi kepentingan, kebajikan dan maruah anak-anak angkat di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Sri Aman.

### **12.10 tgh.**

**Tuan Jimmy Lim Donald [Sri Aman]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pertama, saya ingin mengucapkan terima kasih dan tahniah kepada kerajaan kerana membentangkan undang-undang seperti ini pada pagi ini oleh kerana ia adalah kena pada masanya oleh kerana saya rasa tugas kerajaan ialah untuk memudahkan cara hidup rakyat di negara kita ini dan saya ingin mencadangkan beberapa lagi cara supaya kita dapat membantu rakyat kita di negara ini. Jadi, yang saya akan cadangkan ialah melalui kaca mata saya sendiri dan juga masyarakat-masyarakat yang diwakili oleh saya dan parti saya.

Tuan Yang di-Pertua, pada dunia sekarang cara hidup rakyat kita lebih-lebih lagi orang yang masih beranak, orang yang masih mengangkat anak adalah berlainan dari cara yang biasa dengan kita yang sudah berumur seperti saya ini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Oh, sudah tua Yang Berhormat ya? Yang Berhormat sudah tua?

**Tuan Jimmy Lim Donald:** Yes, yes, terima kasih Dato'. Saya nampak, Tuan Yang di-Pertua, muda-muda sekarang mereka merantau, mereka pergi dari pedalaman ke pekan, dari pekan mereka pergi ke pekan yang lebih besar, bandaraya yang lebih besar seperti Kuching, Kota Kinabalu, Kuala Lumpur dan juga Johor Bahru. Apabila mereka merantau tentulah mereka berkawan-kawan dan seterusnya dari masa ke semasa kita mendengar mereka balik ke kampung dan mereka bersalin. Kadang-kadang mereka juga walaupun masyarakat tidak bersetuju, walaupun dari segi agama memang salah, mereka kadang-kadang hidup bersama di asrama-asrama ataupun di rumah-rumah, jauh dari tempat yang dapat dikawal oleh ibu bapa dan agama mereka dan kesannya juga mereka balik ke kampung dan bersalin. Tetapi, Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana mereka ini umurnya masih muda, mereka masih gemar dengan status bujang ini, mereka balik ke kampung, mereka bersalin dan

mereka tinggalkan anak kadang-kadang dengan abang mereka, dengan kakak mereka, kadang-kadang dengan emak mereka dan orang ini oleh kerana kita ini dari kaum kita di Malaysia ini adalah kaum yang baik hati memang rela, memang sudi mengangkat anak yang dilahirkan seperti ini.

Saya selalu dijumpai oleh orang yang seperti ini dan nenek ataupun datuk ingin mengangkat 'ucuk' - cucu mereka, kalau dalam Bahasa Iban, 'ucuk'. Jadi mereka ingin mengangkat cucu mereka ini, kadang-kadang abang ataupun kakak ingin juga mengangkat anak ini tetapi peraturan yang sekarang memang tidak memberi penyelesaian kepada perkara yang seperti ini.

Jadi di sini, Tuan Yang di-Pertua, saya menyarankan bahawa kita memberi kuasa kepada abang ataupun kakak, gadis yang telah beranak di kampung ini untuk merandatangani surat-surat kuasa supaya anak ini boleh diangkat dengan secara rasminya. Dan kalaulah nenek kepada bayi ini ingin berurusan, ingin mengambil tanggungjawab, kita harus juga memberi kuasa kepada nenek ini supaya tidak ada rintangan-rintangan yang disengajakan oleh pihak kita.

Oleh kerana pada masa sekarang beberapa orang di kawasan saya ini, bayi-bayi yang sudah berumur 5,6,10 tahun dan 12 tahun, mereka hendak memohon Sijil Beranak, kad pengenalan, mereka hendak melaporkan diri sebagai calon peperiksaan UPSR dan calon peperiksaan SRP. Tetapi mereka merasa begitu susah oleh kerana semua surat-surat tentang mengangkat mereka ini sebagai anak angkat tidak dapat ditandatangani. Kadang-kadang ibu yang telah beranak di kampung, di pedalaman, mereka balik ke Johor, balik ke Kuala Lumpur, balik ke Kuching, balik ke Kota Kinabalu dan tidak pulang lagi. Ini yang menyusahkan bayi yang kita kata yang tidak berdosa ini. Saya juga mencadangkan ketua kampung boleh diberi kuasa untuk menandatangani urusan mengangkat anak ini dan selepas itu disahkan oleh penghulu. Kalaulah kita masih curiga kita boleh memberi satu clause di mana kita mengatakan kalaulah ada bantahan dalam beberapa masa setahun, dua tahun, lima tahun, tujuh tahun surat kuasa nenek atau datuk yang mengangkat itu kuasanya boleh dibatalkan kalau si ibu itu balik semula ke kampung dan mengatakan beliau tidak setuju.

Tetapi untuk menyenangkan, untuk kebaikan, penyelesaian bayi yang tidak berdosa ini saya rasa kita harus mengadakan satu penyelesaian yang kreatif supaya tidak ada rakyat kita yang hidup dalam kesusahan yang seperti ini. Saya juga mencadangkan supaya pegawai diberi latihan, diberi taklimat tentang tanggungjawab mereka yang baru selepas semua ini diadakan, lebih-lebih lagi pegawai-pegawai dari pejabat pendaftaran negara. Kerana Tuan Yang di-Pertua, kadang-kadang saya rasa pegawai-pegawai daripada pejabat pendaftaran negara apabila orang yang tidak tahu tidak pergi ke sekolah datang ke pejabat kata mereka 'nah' isi borang ini. Memanglah borang ini diisi dengan cara yang salah dan apabila salah tidak dibetulkan mereka menulis surat kali kedua mengatakan permohonan tuan tidak diterima.

Jadi inilah yang menunggu di rumah panjang, dia menunggu tahun demi tahun dan apabila datang semula ke pejabat pendaftaran negara mereka mengatakan kamu sudah 7 tahun lewat, tidak dapat diterima, tidak dapat dilayan. Jadi apabila kita membentangkan undang-undang seperti ini, kalau ada membuat penyesuaian saya rasa pegawai kita mesti diberi latihan, mesti diberi taklimat tentang apakah tugas-tugas baru mereka.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga minta kementerian ini berkempen memberitahu rakyat di Malaysia ini bahawa mengangkat seorang anak bukanlah perkara yang memalukan oleh kerana kadang-kadang Tuhan tidak memberi kita anak dan kita hendak harta kita kalau dari komuniti saya kita hendak memberi harta kita kepada anak kita apabila kita sudah tua, supaya boleh anak kita menjaga kita dengan selesa.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, ada yang berdiri Yang Berhormat. Yang Berhormat bagi Kinabatangan ya.

**Tuan Bung Moktar bin Radin:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat. Ini macam Yang Berhormat cakap tadi Tuhan tidak memberikan kita rezeki, tidak adakah jalan lain misalnya kahwin satu lagi. Kalau tidak dapat lagi tambah lagi satu, mungkin rezeki akan datang. Tunjukkan Yang Berhormat.

**Seorang Ahli:** Tidak setuju.

**Tuan Jimmy Lim Donald:** Tuan Yang di-Pertua, kalaulah dibenarkan oleh agama seperti kawan-kawan saya dari yang beragama Islam, saya rasa mungkin



bolehlah kalau memenuhi semua syarat, tetapi masyarakat yang diwakili oleh saya, kita tidak boleh berkahwin lebih dari satu. Ini yang menyusahkan saya. *[Ketawa]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Kadang-kadang Yang Berhormat orang lelaki mandul Yang Berhormat. *[Ketawa]* Dia kahwin banyak pun tidak dapat anak.

**Tuan Jimmy Lim Donald:** Kalau Tuan Yang di-Pertua..

**Beberapa Ahli:** *[Ketawa]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya teruskan.

**Tuan Jimmy Lim Donald:** Kalau mengikut penemuan oleh pakar-pakar di Barat, kemandulan ini juga datang dari lelaki cuma kita lelaki ini terlalu ego. Kadang-kadang kita tidak menerima kita mandul dan apabila kita mandul kita mengatakan isteri kita yang mandul. Jadi ini juga menimbulkan perbalahan di antara suami isteri. Oleh kerana itu Tuan Yang di-Pertua, saya menyarankan kementerian ini membuat satu kempen yang mengatakan mengangkat anak ini bukanlah satu perkara yang memalukan. Anak angkat ini adalah baik supaya kehidupan kita sebagai suami isteri ditambah anak angkat ini dapat menjadi lebih selesa, lebih sejahtera. Dalam kempen ini juga kita harus memberitahu masyarakat bahawa menjadi anak angkat juga bukan sesuatu yang memalukan kita. Mungkin ialah ia adalah sesuatu yang membanggakan oleh kerana kita sekali gus mempunyai dua pasangan ibu bapa yang menyayangi kita.

Jadi oleh kerana kadang-kadang tuan-tuan apabila kita malu, kita tidak mahu menerima hakikat iaitu kita ini mandul. Kita cuba mencuri anak dengan cara yang senyap bersubahat dengan bidan-bidan di hospital mungkin, di klinik swasta dan seterusnya tidak mahu mengaku, tidak mahu mengadakan sijil angkat terus dalam sijil kelahiran itu mengatakan anak ini anak kita. Apabila anak ini sudah dewasa sudah tua, dia tengok cermin muka bapa, muka emak tidak seperti muka dia dan inilah yang telah melahirkan banyak cerita yang menyusahkan masyarakat kita. Oleh kerana itu saya mintalah satu kempen dijalankan supaya masyarakat kita lebih sejahtera, lebih baik dan lebih *caring* terhadap semua yang hidup di negara kita ini. Dengan itu Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Saya beri Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam.

**12.25 tgh.**

**Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya berterima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua tadi yang memberi komen bahawa kadang-kadang ada lelaki yang mandul dan bukan cara untuk berkahwin dua untuk menyelesaikan masalah tidak ada anak. Itu saya mengucapkan terima kasih dan saya menghargai pandangan ini yang perlu di dalam Dewan ini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, saya tahu sedikit-sedikit sahaja Yang Berhormat. Sila teruskan.

**Puan Chong Eng:** Tuan Yang di-Pertua, saya memandangkan pindaan akta ini adalah penting kerana pindaan akta ini berkenaan dengan manusia. Dia bukan berkenaan dengan pokok-pokok atau batu-batu tetapi manusia. Maka saya adalah berpendapat bahawa saya bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat bagi Klang. Siapakah kita untuk menentukan bahawa anak angkat ini tidak berhak untuk mengetahui ibu bapa biological mereka. Saya berpendapat bahawa pandangan terhadap pengangkatan masyarakat kita ini perlu diubah supaya kita semua sedar ataupun ibu bapa yang hendak mengangkat anak itu sedar bahawa anak angkat tidak mungkin boleh hampir sama dengan anak. Hubungan itu hampir-hampir sama dengan anak kandung tetapi kita tidak boleh merahsiakan hakikat bahawa ini adalah anak angkat. Saya juga berpendapat bahawa dalam masyarakat kita sekarang amalan pengangkatan ini masih biasa dan ramai pengangkatan itu dilakukan tidak mengikut akta ini. Ramai ibu bapa yang mengangkat anak itu tidak mahu anak mereka tahu bahawa dia ialah anak angkat. Itu adalah berdasarkan kepentingan diri mereka ataupun kepentingan anak-anak angkat ini.

Saya ingin tanya bahawa pindaan ini untuk membolehkan ibu bapa biological anak-anak angkat ini adakah dia berdasarkan panduan pandangan pakar psikologi ataupun hanya atas permintaan ataupun masalah-masalah yang berlaku di kalangan keluarga-keluarga pengangkatan ini. Kerana saya berpendapat bahawa seseorang itu perlu tahu asal mereka. Mereka datang dari mana, siapa ibu bapa mereka dan seperti dalam Islam yang mengatakan mereka perlu tahu adik beradik mereka. Ini saya

berpendapat walaupun jika pindaan diluluskan tetapi melalui kaedah-kaedah lain perlu dinasihatkan. Ibu bapa angkat perlu dinasihatkan untuk memberitahu anak-anak angkat mereka status yang sebenarnya. Apa yang saya tahu sedikit lebih baik mereka diberitahu semasa kecil berbanding apabila mereka sudah besar.

Kerana apabila umurnya masih kecil, mereka lebih senang untuk menerima hakikat ini dan adalah yang terpenting sekali ibu bapa angkat ini yang mampu memberi kasih sayang yang sama dengan ibu kandung. Itu yang penting, itu mesti diberi bimbingan. Saya juga menyokong dengan cadangan Yang Berhormat bagi Sri Aman yang mana perlu mengadakan satu kempen untuk memberi kesedaran bahawa pengangkatan ini bukan sesuatu yang memalukan, yang memberikan stigma sosial dan juga pandangan ibu bapa hendakkan anak itu perlu ditukar. Pada masa dahulu anak-anak itu dipandang sebagai satu aset atau untuk menjaga rezeki apabila kita sudah tua. Tetapi pandangan ini perlu diubah sekiranya kita hendak mengambil anak angkat. Yang penting ialah kita hendak menjaga anak-anak dari keluarga yang kurang mampu ataupun kita hanya hendak enjoy pengalaman sebagai seorang ibu bapa. Bukan ada tujuan lain supaya anak-anak ini apabila mereka sudah besar mereka akan menjaga kita. Walaupun ini tidak salah pun tetapi itu tidak boleh menjadi tujuan utama untuk mengambil anak angkat.

Saya juga ingin mencadangkan supaya kita memberi pertolongan kepada anak-anak dari keluarga miskin. Kerana ada kadang-kadang ibu bapa terpaksa memberi anak mereka untuk dijaga orang lain sebagai anak angkat. Kerana mereka tidak mampu untuk menjaga anak-anak ini. Saya rasa kita perlu memberi bantuan supaya anak-anak dari golongan ini mereka terus di dalam jagaan ibu bapa. Kita berikan bantuan kepada golongan ini supaya anak-anak mereka terus di dalam jagaan mereka. Ini memang saya tahu adalah prinsip di dalam 'Kementerian Kebajikan', supaya anak-anak ini tidak pun dipaksa duduk di rumah-rumah yang diadakan oleh kerajaan. Maka kecuali mereka yang dalam kes-kes anak-anak yang dilahirkan yang tidak ada pilihan lain seperti ibu yang belum kahwin tetapi melahirkan anak. Perempuan yang tidak nikah dan mereka terpaksa, tidak ada cara lain, mereka tidak mampu ataupun agama mereka tidak mengizinkan mereka membesarkan anak-anak yang mereka lahirkan kerana tidak bernikah. Saya juga ingin mendapat sedikit

maklumat tentang hal ini kerana kita dapati bukan ramai tetapi ada kes-kes pembuangan bayi. Apakah sebabnya? Saya rasa daripada seorang ibu, tidak ada seorang ibu sekiranya mampu menjaga anaknya, hendak buang anak mereka? Ini adalah dalam keadaan yang begitu mendesak, mesti begitu mendesak dan mereka tidak ada pilihan lain.

Maka saya ingin mencadangkan bahawa kita memberi bantuan kepada ibu-ibu jenis ini dan bukan menghukumkan mereka kerana kesalahan ini bukan kesalahan mereka seorang tetapi bapa-bapa kepada bayi ini, pernahkah kita hendak hukuman lelaki-lelaki yang menghamilkan perempuan yang belum kahwin, mereka belum kahwin. Kita tidak pernah, ini adalah tanggungjawab kedua orang sekurang-kurangnya dua orang. Tetapi selalunya ibu ataupun perempuan yang disalahkan dan dihukum. Maka saya hendak mencadangkan khasnya mereka yang umurnya begitu muda, yang belum menjadi dewasa lagi, sekiranya kerana tersilap langkah, mereka diberikan peluang.

Mereka jangan dihukum tetapi mengadakan satu sistem di mana pengalaman ini dapat dirahsiakan dan di sini hendak betul-betulnya rahsia yang perlu. Pengalaman ini dirahsiakan dan mereka diberi bantuan. Ibu bapa mereka diberi kaunseling, diberi bimbingan, sekolah-sekolah diberi bimbingan supaya jangan menghebohkan atau jangan menghentikan mereka kerana mereka tidak ada peluang lagi. Hanya kerana mereka silap langkah kerana kurang matang, kurang berpengalaman dalam masyarakat dan mereka ditipu oleh lelaki yang kurang bertanggungjawab ataupun bukan ditipu tetapi silap langkah. Saya harap kita perlu memberi pandangan yang serius supaya kita selesaikan pembuangan bayi-bayi ini dengan cara yang berperikemanusiaan kepada bayi dan juga kepada ibu. Sekian, terima kasih,

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Batang Lupar.

**12.35 tgh.**

**Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Batang Lupar]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin membahaskan undang-undang ini di Dewan yang

mulia ini walaupun undang-undang ini tidak melibatkan negeri Sarawak dan Sabah tetapi terbatas kepada negeri di Semenanjung Malaysia sahaja.

Walau bagaimanapun, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyebut satu perkara dahulu iaitu, berhubung dengan pindaan ini. Kalau kita lihat dalam undang-undang ini, ada meminda iaitu, dalam *Second Schedule* ataupun Jadual Kedua, borang yang digunakan untuk memberi sijil beranak kepada anak angkat yang telah diberikan oleh mahkamah ada menyebut "*PARTICULARS OF FATHER*" dalam bahasa Inggeris ini, maknanya butiran bapa, tetapi dalam pindaan ini tidak ada memberi satu takrif untuk bapa tetapi sebaliknya pula dalam akta asal atau Akta Ibu, Akta Pengangkatan pada bapa berhubung dengan bapa katanya berhubung dengan seorang anak, tidak sah takrifnya ertinya bapa sebenar.

Ini bermakna borang ini telah tidak lengkap oleh kerana borang ini mengatakan, bapa yang disebut dalam borang ini ialah bapa yang sebenar tetapi maksud pindaan ini berkehendakkan bapa yang disebut dalam borang ini ialah bapa angkat. Jadi, saya minta penjelasan daripada pihak kementerian. Kenapakah perkara ini jadi berlaku, adakah ini satu kekurangan daripada penyelidikan, pihak yang membuat pindaan ini ataupun takrif yang salah. Saya minta penjelasan.

Jadi, yang kedua Tuan Yang di-Pertua, saya melihat dalam pindaan ini adalah perkara prosedur sahaja. Sebenarnya kalau kita lihat dalam pindaan yang pertama mengatakan iaitu Seksyen 25 mewujudkan *register*, yang dahulunya semuanya *hard copy*, tetapi sekarang kita boleh menggunakan komputer, *micro film* ataupun mana-mana bentuk *electronic and retrieval devise*. Maknanya semua cara-cara IT akan digunakan dalam pendaftaran ini.

Dalam Seksyen 25 pula mengadakan register untuk register anak-anak ini. Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya berbangkit daripada persoalan ini, saya ingin membangkitkan dua, tiga perkara. Yang pertama apabila prosedur mahkamah telah di *activated* kan dengan izin, untuk seseorang memohon anak itu diangkat oleh seseorang, landasan untuk mengangkat telah ditetapkan dalam Akta Ibu atau syarat-syarat tertentu yang telah ditetapkan. Jadi, syarat-syarat ini kita tidak mempertikaikan kerana telah diluluskan di Dewan ini dalam Seksyen 4. Jadi, syarat-syaratnya amatlah baik dan syarat-syarat ini pun telah menetapkan juga bermakna orang yang diangkat

dan orang yang mengangkat itu mestilah bermastautin di Semenanjung Malaysia ataupun Malaysia Barat dalam akta hak asal atau terhadap seorang anak yang tidak bermastautin atau demikian. Jadi, batasan dia memang sempit sebenarnya untuk Semenanjung Malaysia sahaja.

Apa yang menjadi satu masalah di sini, anak ini sebagaimana yang disebut ramai kawan-kawan di sini tadi, daripada Ahli Yang Berhormat bagi Petaling Jaya, Ahli Yang Berhormat yang baru cakap tadi, macam mana kalau senario ataupun keadaan yang disebut oleh Yang Berhormat bagi Sri Aman, seorang belia daripada Sarawak ataupun Sabah datang 'berjelai' kata dia ataupun merantau ke negeri ini, dia berjumpa dengan seorang wanita dan menjalinkan hubungan dan melahirkan seorang anak.

Dalam keadaan sedemikian, anak ini dan pemuda ini bukanlah bermastautin di Malaysia Barat ataupun di Semenanjung Malaysia. Jadi, anak ini apabila seorang dari sini hendak mengangkat anak ini, dan prosedurnya adalah terkongkong kepada syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh undang-undang ini dan dalam keadaan demikian, anak ini tidak boleh diangkat oleh walaupun orang itu, orang dari Semenanjung, tetapi bagaimana kalau orang itu dari Sarawak? Ini juga mungkin tidak boleh dibuat oleh kerana undang-undang ini hanya boleh digunakan kepada orang bermastautin di Semenanjung sahaja. Orang Sarawak, orang Sabah tidak boleh pakai langsung. Hendak angkat, kena balik Sarawak. Jadi ini masih lagi ada sedikit kelemahan

Jadi saya hendak bertanya, apakah halangan yang tertentu, kenapa undang-undang ini tidak boleh dibawa ke Sarawak dan Sabah? Halangan-halangan undang-undang yang wujud. Tetapi dari pandangan saya, kita mempunyai tiga syarat yang diberi oleh Perlembagaan iaitu, *state matters*, *federal matters* dan *concurrent matters*. Perkara yang boleh dua-dua mengerjakannya, perkara yang khas untuk negeri dan perkara yang khas untuk *Federal*.

Jadi, dalam keadaan sedemikian, undang-undang ini tidak dalam pandangan saya ada terlibat dengan mana-mana perkara bahkan boleh dibuat oleh pihak Pusat sahaja merangkumi Sarawak dan Sabah. Yang ketiga, persoalan juga dibangkitkan di sini tadi kerana banyak berhubung dengan persoalan orang Islam.

Akta ini terpakai bagaimana orang yang menganuti agama Islam sama ada untuk membenarkan pengangkatan seorang anak oleh orang tersebut atau untuk membenarkan pengangkatan oleh mana-mana orang, anak yang mengikut undang-undang Islam adalah orang Islam, tidak terpakai. Maknanya undang-undang ini tidak juga terkeluar daripada orang-orang yang beragama Islam. Kalau orang beragama Islam hendak mengangkat anak dan sebagainya, makna undang-undang ini bukanlah garis panduan yang digunakan, ada undang-undang lain yang digunakan. Jadi, ini tidak membabitkan persoalan khusus Islam tetapi ada hubung kaitnya.

Tuan Yang di-Pertua, kalau kita lihat, anak angkat ini mungkin macam *store*, anak-anak yang ramai, yang dijaga di tempat yang tertentu, luar nikah ataupun dibuang dan sebagainya dan anak ini dalam jagaan pihak Jabatan Kebajikan Masyarakat. Anak-anak ini mungkin mempunyai latar belakang yang diketahui oleh pihak jabatan yang tersebut. Ada yang latar belakangnya Cina, latar belakangnya India, latar belakangnya orang Melayu dan ini mempunyai implikasi-implikasi keagamaan yang tersendiri iaitu, yang beragama Islam, kita membuat anggapan dia beragama Islam kalau dia orang Melayu, kalau dia Cina berkemungkinan dia beragama Buddhist ataupun Kristian begitu jugalah orang India, beragama Hindu ataupun Buddhist ataupun Kristian. Dalam keadaan sedemikian, *cross adoption* daripada satu etnik kepada satu etnik lain ini akan mengubah persoalan agama. Jadi, inilah relevannya perkara-perkara yang dibuat oleh Yang Berhormat bagi Wangsa Maju, yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Sri Gading dan sebagainya. Soal anak yang dalam 'simpanan' ini diangkat oleh keluarga yang berlainan keturunan daripada segi bangsa dan juga agama. Ini mempunyai implikasi yang luas.

Jadi, undang-undang ini tidak menetapkan di mana tugas mahkamah, di mana tugas orang yang dilantik oleh mahkamah *ad litem* penjaga kepada anak itu bila mahkamah bersetuju untuk anak itu diangkat oleh seseorang, untuk membuat penyelidikan dan garis panduan diberi oleh undang-undang ini juga tidak mempunyai satu garis panduan daripada segi etnik, agama, bangsa dan sebagainya. Undang-undang ini adalah undang-undang yang liberal, undang-undang yang bercorak Barat dan tidak melihat daripada segi sensitiviti keagamaan.

Jadi, dalam keadaan sedemikian Tuan Yang di-Pertua, ada yang kita boleh buat iaitu pelantikan hakim. Di dalam undang-undang ini, hakim yang berkuasa diberi untuk memberi arahan pengangkatan ialah Hakim Mahkamah Tinggi. Tetapi dalam sini tidak juga mengatakan siapa yang boleh menjadi hakim Mahkamah Tinggi, mungkin dari Sri Aman, mungkin dari Batang Lupar, mungkin dari Libaran dan mana sahaja ataupun dari Kuala Lumpur. Jadi, tidak ada menunjukkan siapa yang layak.

Jadi, dalam keadaan sedemikian, oleh kerana hakim ini berhak memberi syarat-syarat yang tertentu yang tidak diberi dalam undang-undang ini supaya hakim ini orang yang peka dengan keadaan keturunan, agama dan bangsa ini tadi. Saya bukanlah hendak menyarankan supaya hakim ini semestinya orang Melayu ataupun orang Islam tetapi kita mesti peka implikasi yang begitu dalam dan jauh. Jadi, sekurang-kurangnya kalau hakim ini bukan seorang Islam ataupun seorang Kristian, Hindu ataupun Buddhist yang sensitif dengan keperluan-keperluan implikasi agama ini, sekurang-kurangnya pegawai yang duduk bersama dengan hakim ini, penasihat ini, 'adlitem' yang akan dilantik oleh hakim ini adalah orang yang mempunyai pandangan dan sensitiviti....

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, Sri Aman berdiri ya.

**Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** ... yang ada....

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Tidak payah ketuk Sri Aman ya.

**Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Yang ada...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Hendak minta penjelasan.

**Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** ...kepekaan melihat situasi ini supaya tidak mendatangkan satu masalah dari segi agama dan sebagainya. Sila Yang Berhormat.

**Tuan Jimmy Lim Donald:** Terima kasih kepada Yang Berhormat bagi Batang Lupar. Di sini saya ingin memberitahu, Tuan Yang di-Pertua, saya ada *personal interest* sedikit. Beliau telah mengatakan kalaulah seorang *judge* itu bukan orang beragama Islam, mungkin dia tidak berapa layak untuk menghakimi kes-kes



yang berkaitan dengan pengangkatan ini dan saya berasa takut oleh kerana anak saya sekarang sedang belajar di Fakulti Undang-undang di ITM.

Jadi, saya takut satu hari nanti, beliau tidak layak menjadi High Court Judge. Macam manalah kalau seorang penuntut itu telah mempelajari undang-undang di universiti-universiti tempatan di mana syariah law dan undang-undang yang berkaitan dengan agama Islam ada dipelajari. Bolehkah atau tidak? Apa pandangan Yang Berhormat kalau mereka ini dikemukakan dengan kes-kes yang seperti ini?

**Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya saya tidak mengatakan mesti orang Islam. Saya sebutkan tadi, saya tidak akan mengatakan hakim ini semestinya orang Islam. Itu kata saya. Apa yang dikata, kalau dia bukan orang Islam, sekurang-kurangnya pegawai atau penasihat dia yang sepejabat ataupun pegawai-pegawai kanan di mahkamah tersebut mestilah orang yang mempunyai sensitiviti, bahkan saya bukan sebut orang Islam tadi. Sensitiviti kepada masalah keagamaan sama ada Kristian, Hindu, Buddhist ataupun sebagainya supaya *cross adoption* daripada satu *religion* kepada satu *religion* yang lain tidak berlaku. Bukan sahaja orang Islam yang akan sensitif, orang Kristian pun mungkin sensitif, orang Buddhist dan Hindu pun mungkin sensitif.

Jadi, ini kita kena lihat dalam keadaan masyarakat yang majmuk, undang-undang kita mestilah mempunyai satu mekanisme yang mencukupi untuk memenuhi cita rasa tiap-tiap masyarakat yang ada dalam negara kita. Pandangan saya, Tuan Yang di-Pertua, inilah keadaan soalan mahkamah. Dalam keadaan sedemikian, saya mencadangkan supaya pihak kerajaan mewujudkan satu mahkamah khas untuk masalah pengangkatan. Mahkamah khas ini cukup mempunyai penasihatnya.

Dengan keadaan semikian, anak Yang Berhormat bagi Sri Aman pun boleh menjadi hakim. Kita ada ustaz kita sendiri. Kita ada penasihat Kristian, Buddhist dan Hindu sendiri dalam mahkamah itu daripada segi latar belakang anak-anak ini, sesudah mendapat nasihat itu, barulah hak pengarahan daripada mahkamah dibuat mengikut garis panduan ataupun aliran-aliran agama yang saya sebutkan tadi, melainkan ada persetujuan dari pihak ibu bapa kerana pengangkatan dalam undang-undang ini tidak menentukan yang anak itu mestilah anak yang terbuang, anak yang tercicir, anak yang di luar nikah, tidak dikehendaki oleh ibu bapa mereka tetapi ada

juga mekanisme yang disebutkan mengatakan anak ini mungkin diserahkan daripada satu keluarga kepada keluarga yang lain, daripada anak kepada anak yang lain, melainkan dua pihak sudah bersetuju, hakim terpaksa melihat apa yang disebut oleh Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam tadi, barulah kepentingan anak itu *become paramount important*, kalau dalam keadaan sedemikian.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana saya sebut, saya mohon pihak kementerian melihat, Menteri dan Timbalan Menteri pun tidak ada, siapa yang ganti.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, Setiausaha Parlimen.

**Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Dalam Parlimen, Tuan Yang di-Pertua, Menteri ini maknanya Setiausaha Parlimen, Timbalan Menteri dan Menteri, takrifan dia. Jadi, saya kata Menteriilah. Menteri ada. Lihatlah dalam peraturan Parlimen. Saya harap pihak Menteri melihat soal mahkamah ini, soal penasihat-penasihat dalam mahkamah ini sebelum mahkamah itu memberi arahan untuk orang ini diserahkan kepada 'adlitem' untuk penyelidikan latar belakang kemampuan orang yang hendak mengangkat anak yang dipohon untuk diangkat ini tadi.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi persoalan yang saya hendak bangkitkan iaitu kalau kita lihat, ada kawan-kawan menyebut tadi, persoalan anak yang dilahirkan ini. Apabila dia dilahirkan dalam keadaan keluarga, laporan telah dibuat dan pendaftaran diberi, certificate sudah diserahkan dan semua telah diberi kepada anak ini tetapi dalam keadaan sedemikian, ada orang yang melihat ini adalah dia mahu mengangkat anak ini dan anak ini memang sudah ada wujud dengan segala sijil beranak dia dan ibu bapa ini hendak mengangkat anak ini.

Kalau diangkat ini berlandaskan prosedur yang dibuat dalam seksyen 25 (pindaan) ini dikatakan dia kena serah certificate asal kepada Registrar- General dan sijil ini saya tidak sebut – bila terima dia isukan satu sijil baru. Sijil baru yang disebut dan ditunjuk dalam pindaan ini. Apabila sijil ini dibuat, persoalan yang Yang Berhormat tadi menyebutkan bagaimana, adakah hak anak ini pada satu ketika nanti mengetahui siapa ibu bapa mereka yang sebenarnya?

Kita lihat dua tiga tahun lepas, TV3 buat Jejak Kasih. Di sana sini, banyak pada masa sekarang TV3 tidak buat lagi tetapi saya cukup percaya soal Jejak Kasih

ini – anak yang mencari bapa, bapa mencari anak, ibu mencari anak, ibu bapa mencari anak, anak mencari ibu bapa ini masih banyak berlaku di mana-mana pun di seluruh negara dan di seluruh dunia. Jadi, persoalannya undang-undang ini adakah membenarkan anak ini apabila cukup umur dewasanya, 18 atau 20 tahun akan datang mengetahui siapa ibu bapa saya yang sebenarnya.

Jadi, persoalan yang disebut itu, berhakkah satu mahkamah menentukan siapa saya sebenarnya? Persoalannya, di mana letak dan apa akan terjadi kepada sijil beranak yang asal? Adakah ini akan dibinasakan ataupun disimpan sebagai satu khazanah kepada jabatan ini pada satu ketika nanti boleh dikeluarkan dari sana untuk pengenalan dan pengetahuan anak ini semasa besar nanti.

Saya cukup setuju dalam soal ini iaitu supaya sijil ini disimpan baik-baik sebagai salah satu dari butiran atau fail anak ini dalam mikrofilem atau dalam apa-apa cara simpanan kerajaan mesti disimpan dan sampai satu ketika nanti dalam satu keadaan berlainan, anak ini boleh mendapat butiran siapa ibu bapa mereka dan di mana kedudukan ibu bapa mereka. Ini amat penting sekali kerana Tuan Yang di-Pertua, kita melihat banyak dalam soal ini macam mana sedihnya, kadang-kadang saya pun tidak boleh tahan, Tuan Yang di-Pertua, bila melihat anak umur 20 atau 30 tahun berjumpa dengan ibu bapa mereka. Selepas itu, disatukan semula keluarga itu.

Baru-baru ini terlibat satu keluarga yang mana seorang ibu yang bukan Islam pergi ke Johor, berkahwin dengan orang Melayu dan menjadi seorang Islam dan anak ini tinggal di Kuching, Sarawak semenjak 22 tahun yang lepas. Tetapi dia masih menganuti agama asal beliau. Tetapi apabila mendengar yang ibu dia sudah pindah ke Johor, dia berhijrah ke Johor, apabila duduk bersama ibu dan keluarga yang lama jadi baru ini dan melihat keadaan kedudukan di sana dan beliau memeluk agama Islam mengikut ibu dan adik-beradiknya.

Jadi, dalam keadaan sedemikian, Tuan Yang di-Pertua, saya mencadangkan supaya sijil beranak asal ini jangan dibinasakan. Kalau habis, habislah riwayat sejarah anak ini, siapa ibu bapa yang asalnya. Yang keduanya, kalaulah sijil ini disimpan, apa mekanisme supaya anak ini boleh mengeluarkan sijil ini daripada satu tempat yang dianggap sulit oleh pihak kerajaan. Ada disebut di sini, *“To protect the confidentiality of the identity”*. Jadi soalnya, kalau inilah tujuan undang-undang,

maknanya sijil ini tidak boleh dikeluarkan, bahkan saya belum baca satu-persatu perkataan, menunjukkan tidak ada *discretion* langsung pun kepada Registrar-General untuk mengeluarkan sijil ini untuk pengetahuan umum.

Kalau cara yang dibuat di bawah seksyen 25 carian itu, tunjuk certificate yang kedua anak angkat. Jadi, sijil asal tidak ditunjukkan. Persoalannya, apakah mekanisme supaya anak angkat ini pada satu ketika, mungkin 20, 30 atau 50 tahun akan datang, boleh pergi ke mahkamah, minta mahkamah bagi satu arahan supaya sijil asal dia, 55 tahun yang lalu boleh dikeluarkan daripada simpanan kerajaan, ditunjuk kepada dia siapa ibu bapanya dan di kampung mana asalnya.

Jadi, dalam keadaan sedemikian, barulah kita betul-betul menunjukkan satu asas masyarakat pengasih lagi penyayang, selaras dengan undang-undang yang kita buat selama ini, Tuan Yang di-Pertua. Tetapi malangnya, undang-undang ini masih digarispuankan daripada tahun 1953 lagi iaitu undang-undang yang belum mengetahui garis panduan berhubung dengan perkataan Masyarakat Penyayang (The Caring Society).

Undang-undang ini dibuat oleh pihak British, diberi kepada orang Malaya dan diguna orang Malaya ini dulu, inilah garis panduannya dan inilah falsafah di sebalik undang-undang, itulah garisan dia tetapi pada masa sekarang, falsafah perundangan dan falsafah rang undang-undang yang kita luluskan di Dewan ini, kalau kita lihat dalam Domestic Violence Bill umpamanya, banyak menunjukkan ciri-ciri yang Yang Berhormat bagi Kuala Pilah bentangkan pukul 12.00 malam dahulu, saya ingat masa ini, ciri-ciri menunjukkan masyarakat pengasih dan penyayang dan ciri-ciri yang tertentu.

Undang-undang ini juga berhubung dengan anak-anak. Kenapa tidak ciri itu tidak diberikan bersama supaya selaras dengan cita rasa dan kemahuan negara pada masa sekarang. Jadi, Tuan Yang di-Pertua, undang-undang ini memang tujuannya amat baik sekali. Apa yang ....

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Panjang lagi, Yang Berhormat?

**Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Ha, tidak panjang lagi, Dato'. Sekadar 15 minit lagi macam itu. *[Ketawa]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Yalah, ini sudah dekat pukul 1.00 tengah hari.

**Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Berhentikah ini? Ha, berhentilah. Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saranan saya tadi saya banyak sebut persoalan *skop* ataupun bidang lingkup undang-undang ini iaitu khas untuk rakyat di Semenanjung Malaysia iaitu kepada orang yang bukan beragama Islam dan mahkamah yang berkuasa ialah Mahkamah Tinggi tetapi persoalan yang saya minta ialah supaya Mahkamah Tinggi Khas untuk persoalan ini diwujudkan dan undang-undang ini perlu dipinda semula kalau dapat, pada ketika yang cepat mungkin, supaya mewujudkan satu panel penasihat kepada hakim yang menduduki mahkamah ini ataupun dalam keadaan sekarang ini, walaupun kita tidak mempunyai mahkamah yang khas, tetapi panel ini mesti diwujudkan dengan serta-merta supaya melibat orang yang beragama Islam dan agama-agama lain, Kristian, Buddhist, Hindu dan sebagainya, supaya memastikan *cross religious adoption*, dengan izin, tidak berlaku kerana ini mungkin akan menjadi satu masalah. Kalau perkara ini diketahui oleh ibu asal...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Sambung petang Yang Berhormat, pasal jam sudah pukul 1.00 petang.

**Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Terima kasih, Dato'

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ahli-ahli Yang Berhormat Dewan ditangguhkan hingga jam 2.30 petang.

*Mesyuarat ditangguhkan pada pukul 1.00 tgh.*

*Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.*

[Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng] *mempengerusikan Mesyuarat*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat Batang Lupa, sila sambung.

**2.31 ptg.**

**Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya sebenarnya sikit sahaja, tiga perkara sahaja.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Baik.

**Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Perkara yang pertama, soalan pemohon. Apabila seseorang itu memohon, dalam undang-undang ini menentukan seorang tunggal, lelaki tunggal, ibu tunggal dan suami isteri boleh memohon anak angkat. Jadi, persoalannya, banyak garis panduan dibuat di sini tetapi sebagaimana undang-undang yang telah dibuat pada awal tahun 80-an, 70-an dipinda semenjak itu, ciri-ciri persoalan keganasan rumah tangga dan sebagainya tidak termasuk di dalam keperluan undang-undang yang digubal atau dibuat pada ketika itu.

Jadi, ini bukan bermakna undang-undang ini tidak ada mempunyai bidang lingkup yang boleh menyesuaikan keadaan sedemikian. Jadi, saya menyarankan kepada kepada pihak kementerian terutama sekali apabila pihak mahkamah yang kita tidak ada kuasa untuk memberi arahan kepada mahkamah, sebelum saya menyentuh soal mahkamah, kerana kuasa kita hanya memberi satu garis panduan yang tertentu dalam undang-undang yang diguna pakai oleh pihak mahkamah sebagai garis panduan mahkamah membuat keputusan-keputusan yang tertentu.

Tetapi sebagai orang dilantik di bawah mahkamah ini tidak termasuk di bawah bidang mahkamah untuk menentukan. Umpamanya seorang penjaga ataupun head lighten yang disebut dalam undang-undang ini, apabila membuat penyelidikan latar belakang pemohon, di sini menunjukkan perkataan umpamanya, kemampuan untuk menjaga anak ini, memberi pendidikan, kedudukan dan sebagainya. Tapi soalan *domestic violence* ataupun keganasan di rumah tidak ada disebut di dalam undang-undang ini kerana era keganasan rumah tangga ini hanya era ataupun fenomena yang berlaku pada 90-an ataupun akhir 80-an. Undang-undang ini hanya dipinda pada yang akhir sekali pada tahun tujuh puluh – sudah lama undang-undang ini – tidak ada pemindaan.

Jadi, dalam keadaan sedemikian fenomena yang saya sebutkan tadi iaitu *domestic violence* tidak ada termasuk dalam ciri-ciri undang-undang ini. Jadi, saya menggesa pihak kementerian supaya membuat satu garis panduan yang tertentu terutama sekali latar belakang apabila penyelidikan dibuat. Terutama sekali sebagai pelaksana iaitu *Registrar-General*, sebagai pelaksana, orang yang boleh dilantik ini menjadi head lighten, mestilah menyelidik latar belakang pemohon, suami isteri

pemohon, ada tidak mempunyai ciri rekod-rekod jenayah, rekod-rekod penderaan, rekod-rekod keganasan dan rekod-rekod lain yang mungkin akan mendatangkan satu negatif *impact* kepada anak yang bakal diangkat mereka nanti.

Jadi, ini amatlah penting sekali kerana apabila anak ini diserahkan kepada keluarga angkat ini, mungkin dalam masa enam bulan, tiga bulan yang diberi masa *provision* di dalam undang-undang ini mungkin tidak mencukupi, kasih sayang itu mungkin masih macam *honeymoon*, tetapi selepas enam bulan, lepas setahun mungkin *honeymoon* itu sudah berakhir dan corak sebenar ibu bapa ini akan timbul, mungkin keganasan, penderaan, ciri-ciri yang negatif mungkin akan berbangkit. Jadi, dalam keadaan sedemikian pegawai yang menjadi head lighten, orang yang dilantik menjadi head lighten mestilah mempunyai ciri sempurna sebagai ibu bapa yang baik, sempurna dan kesempurnaan manusia yang boleh kita lantikan. Itu yang pertama.

Tuan Yang di-Pertua, yang kedua, untuk tengah hari ini ialah persoalan sijil. Ini saya minta penjelasan sahaja. Tujuan undang-undang ini untuk mengelakkan anak ini dari awal lagi tahu yang dia anak angkat. Kalau ini tidak, mungkin kita beritahu dari awal-awal lagi dia anak angkat sebagaimana dicadang oleh ramai Ahli Yang Berhormat tadi. Tetapi kalau tujuan undang-undang ini untuk merahsiakan yang dia seorang anak angkat, adakah sijil di bawah Second Schedule ini sejajar dengan keperluan itu. Kalau saya lihat sijil beranak saya, dibanding dengan sijil beranak ini, saya akan tertanya, sama ada sijil ini, saya anak kepada bapa ini ataupun sijil ini sijil warna lain, bangsa lain, corak lain, dikeluarkan di Malaysia juga.

Jadi, kalau sijil ini berlainan daripada sijil orang beranak daripada ibu bapa yang kahwin, berlainan daripada sijil ini, dengan sendirinya saya akan tahu yang saya ini bukan anak jati kepada keluarga ini. Jadi, kalau kita hendak mengelakkan pengetahuan ini daripada awal, sijil ini perlulah diubah semula. Kalau tidak, anak ini mesti diberitahu, jangan dia tertanya-tanya kenapa sijilnya berlainan daripada sijil adik beradiknya yang lain. Jangan menjadi tanda tanya. Ini mendatangkan tekanan yang buruk kepada anak ini, mentalnya. Mungkin dia tidak bercakap, kalau anak yang cerdik dia cakap awal, kalau dia tidak begitu cerdik ataupun orang pendiam, orang tidak banyak bercakap, dia mungkin tertanya-tanya begitu sahaja. Sijil ini tetap sampai ke tangannya bila dia pergi ke sekolah kerana kena bawa ke sekolah, salinan

foto dibawa jumpa cikgu dan sebagainya. Kenapa sijilnya berlainan daripada sijil anak-anak lain yang lahir daripada ibu bapa *natural parent* mereka, dengan izin. Jadi, saya bertanya, sama ada sijil ini sama dengan sijil kelahiran anak yang biasa.

Tuan Yang di-Pertua, bagi mengakhiri ialah seksyen 4. Di bawah seksyen 4, saya baca seksyen 4(2), “suatu perintah pengangkatan tidak boleh dibuat dalam mana-mana hal di mana pemohon tunggalnya adalah seorang lelaki dan anak yang berkenaan dengannya, permohonan itu dibuat adalah seorang perempuan. Melainkan jika mahkamah berpuas hati bahawa ada hal keadaan khas yang diwajibkan pembuatan perintah itu sebagai satu langkah luar biasa.” Kalau keadaan inilah undang-undang dengan sendirinya bapa ataupun bapa tunggal ini berkemungkinan tidak dapat mengangkat anak kalau perempuan.

Jadi, di sini tidak kira sama ada perempuan ini daripada keluarga dia ataupun adik beradiknya ini tidak disebut kerana dia tidak ada disebut butiran. Dengan keadaan sedemikian, seksyen ini membuat satu tanggapan iaitu sijantan itu akan bertindak ganas kepada anak angkat wanitanya. Mungkin dibelai sampai besar, dia kahwin pula. Inilah tanggapan yang dibuat oleh undang-undang ini. Tetapi kenapa pula wanita, wanita pun ada juga mendera anak, banyak wanita mendera anak, banyak juga wanita kalau didengar di Barat, ada juga yang angkat selepas besar, dia hendak kahwin dengan anaknya sendiri, di Barat, sini tidak ada. Kita belum dengar lagi.

Jadi, kita mesti melihat secara panjang, secara jauh ke hadapan, undang-undang kena dibuat, melainkan kita kata *wait and see*, dengan izin. Menunggu keadaan itu berlaku baru kita pinda undang-undang. Tetapi saya mempunyai kepercayaan sepatutnya undang-undang ini dibuat satu penekanan bahawa mahkamah juga berkuasa menyelidik kalau siwanita mengambil angkat anak-anak, memohon mengangkat anak jantan kalau dia besar umpamanya, sudah besar umurnya, wanita itu boleh – di sini undang-undang 25 tahun. Macam mana kalau wanita ini 26 tahun dan anak yang diangkat itu tidak ada batas umurnya, umur mungkin tujuh tahun, lapan tahun muda daripada dia, boleh dia angkat juga. Tidak lama selepas itu boleh kahwinlah tu.



Jadi, ini juga boleh dilihat. Bukan kita mempersoalkan sosial kita tetapi keadaan pengaruh daripada luar, pengaruh daripada budaya-budaya lain masuk ke negara ini mestilah diambil kira dalam kita menggubal undang-undang.

Jadi, dengan beberapa pertanyaan sedemikian, Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong undang-undang ini dan saya memohon duduk. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Ada dua lagi. Okey, lepas kedua-dua ini, Yang Berhormat boleh jawab. Okey, Bachok.

**Tuan Wan Nik bin Wan Yusoff:** Terima kasih, lepas ini Seputeh.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Ini terpulang kepada saya di sini.

#### **2.42 ptg.**

**Tuan Wan Nik bin Wan Yusoff [Bachok]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya mengambil kesempatan yang tidak sepanjang sebagaimana abang kita Batang Lupar tadi, Insya -Allah. *[Disampuk]*

Pertama, saya menyedari bahawa akta ini mengikut seksyen 31, tidak melibatkan proses pengangkatan untuk keluarga Islam. Walau bagaimanapun, di atas asas untuk menyumbang sedikit pemikiran bagi melihat amalan perundangan yang ada di dalam negara kita dalam usaha untuk mewujudkan sebuah negara dan masyarakat yang harmoni, negara kita secara jelas mengiktiraf pembentukan keluarga melalui proses pengambilan anak yang dikategorikan sebagai anak angkat ini.

Mana-mana masyarakat di dunia sebenarnya telah mengiktiraf proses pengambilan anak melalui sistem anak angkat ini untuk mengukuh, memperteguh dan mengeratkan hubungan kekeluargaan sesuatu keluarga. Kerana kita yakin asas pembentukan sesebuah keluarga itu dianggap sempurna apabila adanya bapa, adanya ibu dan adanya anak dan disambung lagi hubungan dengan datuk, dengan cucu, bapa saudara, emak saudara dan seterusnya. Maka wujudlah satu pertalian kekeluargaan yang besar ataupun yang kecil.

Bagi keluarga yang tidak memiliki anak ataupun tidak dianugerahkan anak oleh Allah S.W.T. sudah pasti mereka merasai sedikit kekurangan, kebahagiaan di dalam kerukunan rumah tangga kerana dari sudut penerimaan nilai-nilai yang ada, anak adalah tali penghubung kasih sayang di antara sepasang suami isteri. Oleh itu, berdasarkan kepada nilai sedemikian mewujudkan peraturan ataupun undang-undang menerusi akta ini, sudah pasti dapat mempertingkatkan lagi kasih sayang suami isteri itu sendiri dalam konteks kemasyarakatan dan kekeluargaan.

Yang penting ialah ada setengah daripada suami isteri yang berkahwin dan telah lama, banyak mengamalkan proses pengambilan anak angkat ini setelah mereka gagal untuk mendapatkan anak. Itu satu daripada cara bagi mengukuhkan kasih sayang suami isteri. Yang keduanya, mereka akan berikhtiar juga untuk mendapatkan anak daripada kalangan kaum keluarga mereka sendiri ataupun daripada keluarga sedarah yang dimaksudkan dari sudut bahasanya, daripada kalangan anak saudara mereka ataupun anak-anak daripada sebelah adik si isteri ataupun abang ataupun adik sebelah si suami sebagai suatu asas untuk melatih mereka untuk mendidik anak-anak itu sendiri.

Berhubung dengan akta ini, satu perkara yang suka saya cadangkan bahawa seharusnya pihak kementerian mengambil satu inisiatif untuk membuat satu pindaan berikutnya selepas daripada ini kerana kita melihat suatu cara untuk kita mengintegrasikan hubungan di antara kaum di negara kita ini yang terdiri daripada pelbagai kaum, dalam mengintegrasikan menerusi perundangan adalah satu jalan yang terbaik. Oleh kerana itu, akta ini saya melihat satu daripada akta yang boleh mengintegrasikan kaum di negara kita tanpa mengambil kira satu batasan perbezaan keagamaan.

Saya melihat satu unsur yang mudah untuk mengintegrasikan di antara orang Melayu dengan bukan Melayu ataupun orang yang beragama Islam dengan bukan beragama Islam ialah untuk merapatkan jurang akta ini dengan amalan syariah Islam itu sendiri ataupun amalan perundangan Islam dalam melihat dan menangani isu anak angkat ini.

Saya melihat sepintas lalu daripada akta ibu, daripada Akta 257 ini, saya melihat begitu jauh jaraknya dengan apa yang dikehendaki oleh hukum Islam dalam

menangani isu anak angkat dengan apa yang dipakai dalam Akta 257 ini. Kerana banyak amalan yang dimaksudkan dari sudut prosedur perundangan dan pengamalan sistem anak angkat dalam maksud Akta 257 ini menyimpang daripada maksud hukum Islam ataupun amalan syariah itu sendiri.

Oleh kerana itu saya mencadangkan supaya pihak kementerian menerusi panel penggubal pindaan yang akan datang supaya membolehkan beberapa unsur yang tidak menimbulkan konflik antara kaum dan agama daripada hukum syariah dimasukkan terus dalam akta ini diantaranya isu yang berbangkit persoalan hak-hak si anak angkat itu sendiri yang saya melihat tidak ada suatu asas untuk ditentang oleh mereka yang tidak beragama Islam apabila kita mengiktiraf hak anak angkat dalam konteks keluarga angkatnya.

Itu satu daripada contoh. Begitu juga dalam konteks yang dibincangkan sebagaimana maksud Fasal 4 dalam pindaan yang dicadangkan oleh pihak kementerian hari ini, saya melihat menyembunyi ataupun meniadakan asas-asas identiti diangkat, pengangkat ataupun angkat di dalam Sijil Kelahiran ataupun perakuan kelahiran yang dikeluarkan oleh Pendaftar Besar pihak mahkamah, sebenarnya ini suatu nilai yang bersifat percanggahan dari sudut asas keturunan seseorang anak yang diambil sebagai anak angkat, kerana berdasarkan kepada perbincangan yang telah pun disebut oleh ahli-ahli Yang Berhormat sebelum daripada saya tadi pun banyak mengungkitkan isu ini sebagai suatu isu yang harus ditangani dengan bijaksana supaya anak angkat itu dari sudut tekanan psikologinya boleh diselesaikan dan di sudut hak ataupun perwarisan ataupun tuntutan-tuntutan ke atas harta atau seumpamanya daripada keluarga angkat boleh diselesaikan.

Walaupun dalam peruntukan yang diberikan ataupun dicadangkan ini rekod sebenar itu masih boleh kita rujuk di pihak Jabatan Pendaftaran Negara boleh juga dirujuk kepada pihak Pendaftar Besar daripada mahkamah dan juga pihak imigresen dan seumpamanya pihak-pihak yang berkaitan, tetapi penyembunyian yang sedikit daripada maklumat ini sebenarnya telah menimbulkan kesan psikologi juga sekiranya keluarga yang mengambil anak angkat tadi tidak berjalan dengan penuh kebahagiaan.

Maksud saya ialah niat asal suami atau isteri yang tidak mempunyai anak tadi mengambil seorang anak daripada anak orang lain dijadikan sebagai anak angkat

berniat untuk membahagiakan hubungan kasih sayang di dalam keluarga tersebut. Tetapi sebagaimana yang telah pun diamalkan dan berlaku dalam masyarakat kita, khususnya apa yang saya melihat dalam pengalaman di kalangan masyarakat Melayu sendiri pun, seorang suami isteri yang telah berkahwin sepuluh tahun apabila mereka mengambil seorang anak dalam istilah kami di Kelantan, sebagai 'denok'. Denok maksudnya sebagai asas untuk melatih dirinya mendapatkan anak dan ditakdirkan Allah selepas daripada itu dia mendapat anak sungguh.

Bila dia mendapat anak sungguh, maka berlakulah sedikit konflik ibu atau bapa tersebut akan memberi nilai kasih sayang yang tinggi kepada anak yang sebenar. Jadi, anak angkat mula kepada kehidupan mereka tadi telah didiskriminasikan secara halus dengan sendirinya menimbulkan kesan psikologi dan dengan sendiri juga apabila anak yang sebenar tadi besar, ia akan mempersoalkan banyak perkara-perkara kepada ibu bapa mereka, di antara isu yang dipersoalkan ialah persoalan fizikal anak angkat tersebut ataupun abang angkatnya itu, abangnya dalam konteks anak angkat tadi, di sudut rupa paras, daripada warna kulit, daripada rambut ada pelbagai perbezaan ini dipersoalkan dalam keluarga dan apabila mereka besar, menimbulkan beberapa kontroversi dalaman hubungan keluarga angkat tadi dan anak angkat tadi akan mengambil satu sikap inferior dan akhirnya mereka dalam keadaan tertentu akan didiskriminasikan dalam banyak perkara.

Itu di antara isu-isu yang berbangkit dan oleh kerana itulah jaminan di atas perundangan yang ada ataupun menerusi akta yang ada ini perlu diperjelaskan asas-asas yang kukuh, di antaranya ialah syarat keluarga yang hendak mengambil anak angkat itu sendiri mestilah diperjelaskan dan pihak mahkamah sendiri yang akan mengeluarkan perintah tersebut mestilah mempertimbangkan secukupnya, tidak semua suami atau isteri atau sesiapa yang layak mengikut Seksyen 4 dalam akta ibu ini dibolehkan untuk mengambil anak angkat, walaupun syarat yang ada telah pun agak terkawal dari sudut asas untuk mengambil anak angkat tetapi di antara faktor yang boleh menjamin anak angkat pada masa hadapan ialah taraf sosioekonomi keluarga itu sendiri perlu dibuktikan secara tepat. Kerana kita bimbang di atas nilai kasih sayang sesiapa sahaja inginkan anak, khususnya anak angkat.

Tetapi apabila diambil anak angkat tanpa mengambil kira faktor kemampuan, sudah pasti ia tidak mampu untuk memberi pendidikan yang sempurna, tidak mampu pula untuk memberi pembiayaan dari sudut pelbagai faktor kehidupan seorang anak dan di sini anak tersebut akan melarat dan akhirnya ia akan menimbulkan beban pula kepada keluarga angkat.

Berdasar kepada itulah, kita melihat asas-asas syarat keluarga yang hendak mengambil angkat ini perlu diperincikan benar-benar mereka adalah terdiri daripada mereka yang mampu. Demikian jua di atas asas kekeluargaan ini, kita lihat ada ibu bapa yang tidak mempunyai anak secara mengiklan diri mereka sesiapa yang hendak beri anak untuk dibesarkan, untuk dijaga ataupun untuk dijadikan anak angkat dan ada setengah daripada mereka itu sanggup berbuat apa cara sekali pun asalkan mendapat anak angkat tersebut.

Di antaranya ialah mereka sanggup menghubungi pihak Jabatan Kebajikan Masyarakat untuk mendapatkan anak-anak daripada yang dibuang oleh ibu-ibu yang tidak bertanggungjawab hasil daripada kelahiran kerana berlaku hubungan sumbang ataupun kerana hubungan luar nikah dan seumpamanya.

Isu bayi tong sampah misalnya di antara isu yang boleh diambil kesempatan oleh keluarga-keluarga yang terlalu berkeinginan anak tersebut, jadi mereka akan mengambil bayi tersebut dan dari sudut peraturan yang ada, bayi tersebut sudah pasti tidak ada satu sijil ke lahiran yang sah ataupun sijil kelahiran yang sebenar.

Mungkin sijil kelahiran itu boleh diuruskan oleh pihak Jabatan Kebajikan Masyarakat. Berdasarkan kepada peraturan yang ada ini, kemungkinan akan berlaku keluarga yang sedemikian akan membeli bayi-bayi daripada luar negara secara seludup sebagaimana yang disebut oleh pihak Yang Berhormat daripada Bagan awal tadi, bayi seludup ini boleh dibawa masuk ke dalam negara dan boleh didaftarkan di mahkamah di atas asas menggunakan police report ianya ialah anak yang ditemui di tong sampah dan ianya berjaya dengan police report tadi mendapat keyakinan pihak-pihak tertentu untuk mendapat perisytiharan mahkamah sebagai anak angkat.

Jadi, dengan keadaan ini saya ingin mendapat penjelasan daripada pihak kementerian sejauh manakah akta ini mampu untuk menangani isu sebegini, sebab saya yakin isu sebegini berlaku kerana sebagaimana media pernah mendedahkan

betapa beberapa isu pembawaan bayi daripada sebelah negara jiran dibawa masuk ke negara kita dan beberapa kes telah berjaya dikesan oleh pihak polis dan imigresen itu sendiri.

Jadi, sejauh mana akta ini mampu untuk menangani isu ini kerana anak-anak yang diseludup atau bayi yang diseludup daripada luar negara yang boleh menggunakan peraturan menerusi kes-kes bayi tong sampah tadi, sudah pasti ianya adalah illegal dari sudut, dengan izin, dari sudut kerakyatan itu sendiri.

Perkara berikut yang ingin saya sentuhkan ialah asas pertimbangan, ini perlu saya cadangkan lebih awal tadi diintegrasikan dengan peraturan yang dipakai dalam perundangan Islam itu sendiri kerana kebimbangan sebagaimana yang disebut oleh Yang Berhormat daripada Batang Lupar persoalan antara agama itu satu perkara, persoalan kedua ialah untuk kita meletak tarafkan asas-asas Islam itu sendiri dalam semua perundangan yang ada dalam negara berdasar kepada pengiktirafan Islam yang dimaksudkan dalam Perlembagaan kita sebagai suatu agama rasmi dalam negara.

Jadi, dengan cara ini saya ingat kita boleh mengurangkan konflik di antara perundangan sivil dengan perundangan Islam itu sendiri yang sudah pasti sampai satu peringkat proses pengintegrasian menerusi perundangan ini akan meletakkan suatu persamaan di antara apa yang diamalkan dalam masyarakat Islam dengan masyarakat yang bukan Islam.

Kemudian satu perkara ialah berhubung dengan terminologi yang disebutkan dalam akta yang diterjemahkan ialah Akta Pengangkatan. Pada saya maksud ini terlalulah tidak tepat dari sudut pemahaman umum kerana diterjemah daripada bahasa Inggeris 'adoption'. Jadi, dalam hal ini saya melihat terminologi ini boleh dimaksudkan pada akta keluarga angkat kerana seseorang yang ibu atau bapa yang hendak kepada anak angkat asasnya ialah untuk mewujudkan suatu sistem keluarga angkat di dalam keluarga tersebut. Maka sepatutnya akta ini, sebaiknya akta ini disebut sebagai akta keluarga angkat.

Demikian juga berdasar kepada perundangan yang ada ataupun akta yang dibentangkan pada hari ini, suatu nilai yang harus kita terima ialah betapa berlakunya umat Islam ataupun keluarga Islam itu sendiri yang mengambil angkat daripada anak yang bukan Islam. Ini suatu perkara yang dari sudut asas pertimbangan akta ini

apakah akta ini mampu untuk menguasai kegiatan ataupun kerja-kerja yang dilakukan oleh keluarga sedemikian. Kerana daripada asalnya mereka itu daripada anak atau bayi daripada keluarga bukan Islam, diambil oleh keluarga Islam. Apakah akta ini mampu untuk menanganinya.

Ataupun satu kes yang lain sebagaimana berlaku di kampung saya sendiri, seorang keluarga Cina mengambil anak angkat daripada keluarga Melayu kerana kesempatan hidup seorang keluarga Melayu dan mereka telah menyerahkan anaknya kepada seorang tauke Cina. Apabila akil baligh dalam konteks Islamnya ataupun dalam keadaan umurnya telah pun mencapai belasan tahun, budak Melayu tadi yang telah dibesarkan dalam keluarga Cina, mampu bercakap Cina dan berbudaya Cina tetapi sijil kelahirannya disembunyikan oleh keluarga Cina tersebut tetapi namanya telah dibubuh ataupun dipanggil dengan nama Melayu.

Jadi, ini suatu perkara yang perlu juga disedari oleh pihak kementerian, langkah-langkah untuk menangani berdasarkan kepada isu antara agama dan antara kaum yang terdapat dalam negara kita.

Oleh kerana itulah saya mencadangkan bagi menyelesaikan isu-isu sebegini akta ini harus dibuat satu pindaan berikutnya supaya mengambil kira asas-asas antara agama dan antara kaum ini.

Dan akhir sekali saya suka menyebutkan bahawa dalam Islam itu sendiri sebenarnya membuat suatu pengiktirafan yang tinggi dalam hal ini tetapi panduan yang ditunjukkan oleh agama Islam hendaklah memastikan proses pengangkatan antara agama ini dapat diselesaikan dengan tepat, mestilah pertama sekali sekiranya keluarga muslim yang mengambil anak angkat daripada keluarga yang bukan muslim atau bukan Islam, asasnya duduk kepada satu firman, dengan izin, saya bacakan [*membaca sepotong ayat al-Quran*] yang bermaksud panggillah mereka dengan nama bapa-bapa mereka. Itulah lebih adil di sisi Allah.

Bermaksudnya di sini walaupun anak itu ialah bukan daripada keluarga Islam tetapi keturunan asalnya mestilah disebutkan kepada bayi yang diambil daripada keluarga Islam itu. Ini bermakna bahawa Islam tetap mengiktiraf walaupun asal bayi tadi bukan daripada bayi Islam tetapi bin ataupun bapa asalnya mesti juga disebutkan bagi melihat identiti ataupun keturunan asal bayi tersebut.

Kerana berdasar kepada hakikat [*membaca sepotong ayat al-Quran*] dimaksudkan dalam firman Allah tadi daripada ayat 5 Surah al-Ahzab ini memberi suatu natijah keadaan yang bersifat wajib ataupun yang diistilahkan dalam kaedah bahasa Arabnya *feel amar*, iaitu suatu kaedah wajib dalam semua keluarga muslim mengambil anak angkat mesti dibinkan dengan bapa kandung asalnya. Ini ditegaskan lagi oleh sabda Rasulullah s.a.w. yang bermaksud, sesiapa yang mengaku orang lain sebagai ayahnya ataupun menasabkan ataupun membinkan dirinya kepada orang yang bukan pemiliknya sebenar, ia dilaknat Allah dan para malaikat dan semua manusia, Allah tidak akan menerima taubat sebagai tebusan pada hari akhirat. Hadis riwayat Bukhari Muslim.

Ini bermakna dalam konteks sejagat, perundangan Islam itu telah pun memenuhi satu nilai sosiologi dan nilai kemanusiaan itu sendiri iaitu pengiktirafan kepada suatu keturunan walaupun di mana sahaja asal mereka maka ia tidak boleh dihilangkan dengan suatu proses perundangan yang ada.

Yang keduanya, pengiktirafan Islam itu sendiri dalam proses pengangkatan ini ataupun proses pembentukan keluarga angkat berdasar kepada ibu angkat atau bapa angkat atau anak angkat sebenarnya telah memberi suatu penyelesaian yang menyeluruh. Di antara penyelesaiannya ialah amalan ini dianggap terbaik dan boleh menambahkan pahala malah memberi suatu kebahagiaan kepada manusia lain yang tidak bernasib baik. Kerana kita yakin berdasar kepada kesempitan hidup dalam tekanan sosioekonomi moden sekarang ini betapa ramai keluarga yang tidak mampu menyara anak yang dilahirkan, tetapi disebabkan oleh minat, ghairah dan hubungan kasih-sayang suami-isteri mereka tetap subur untuk melahirkan anak tetapi disebabkan oleh anaknya ramai, mereka kesempitan hidup maka di sinilah keluarga yang mampu, yang berpendapatan lebih boleh mengambil tanggungjawab untuk membantu dengan cara mengambil proses anak angkat ini. Ini telah menimbulkan satu nilai kemanusiaan yang baik dan diiktiraf oleh agama Islam.

Demikian juga suka saya sebut ialah pengiktirafan dalam pembentukan keluarga angkat ini boleh dijalin mesrakan sebagaimana yang disebut oleh Yang Berhormat bagi Sri Gading tadi untuk membesarkan lagi sesuatu keluarga, ia boleh dibuat melalui proses mengambil anak angkat daripada bayi semasa dia menyusu,



iaitu dengan syarat ibu yang mengambil anak tadi mestilah menyusui anak yang diambil tadi maka telah diiktiraf hubungan sedarah. Betulkah Sri Gading? [*Bertanya kepada Yang Berhormat bagi Sri Gading?*] Jadi, bila diiktiraf hubungan sedarah sudah pasti ia boleh daripada sudut hubungan kekeluargaan, dari sudut *family relationship* nya dia boleh bertaraf sebagai orang yang tidak sah dinikahi.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, panjang lagi?

**Tuan Wan Nik bin Wan Yussof:** Sedikit sahaja.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Sebab tadi Yang Berhormat kata ringkas sahaja [*Ketawa*]

**Tuan Wan Nik bin Wan Yussof:** Saya beritahu ringkas itu memperingati pihak Tuan Yang di-Pertua supaya mengingatkan saya sama. Jadi, dengan peringatan itu saya bersetujulah dengan Tuan Yang di-Pertua, saya mengakhiri penggulungan saya, asas Akta 257 ini haruslah sampai ke satu peringkat berdasarkan kepada kemajuan yang ada dalam negara kita ini boleh menyelesaikan isu-isu berbangkit di dalam urusan keluarga angkat ini sama ada yang melibatkan hak-hak keluarga daripada anak itu sendiri yang ditarafkan sebagai anak angkat ataupun bapa ataupun adik-beradiknya ataupun suami ataupun ibu itu sendiri. Dengan cara itu kita melihat akta ini adalah terbaik untuk menyelesaikan isu-isu kemasyarakatan dalam negara kita.

Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Seputeh. Selepas itu, Yang Berhormat Setiausaha Parlimen boleh jawab.

**3.08 ptg.**

**Puan Teresa Koh Suh Sim [Seputeh]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pindaan peruntukan 25A(10)(a) iaitu memadamkan perkataan "diangkat" "mengangkat" atau "angkat" atau perkataan yang seumpamanya daripada perakuan kelahiran demi mengelakkan kemungkinan pengetahuan tersebut akan mendatangkan kesan psikologi yang buruk kepada seseorang anak angkat yang belum lagi bersedia untuk mengetahui latar belakang atau statusnya yang sebenar merupakan pindaan yang paling penting dalam rang undang-undang ini.

Saya berpendapat tujuan pemindaan ini mempunyai kebaikannya khususnya dari segi memelihara hubungan ahli keluarga dan juga keharmonian rumah tangga. Walau bagaimanapun, kerajaan harus mengadakan satu mekanisme untuk membenarkan seseorang anak angkat untuk mengetahui latar belakang dirinya bila beliau mencapai umur 21 tahun seperti yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat tadi, kerana ini merupakan hak asasi seseorang manusia termasuk anak angkat untuk mengetahui latar belakang dirinya dan juga ibu bapa kandung bila dia dewasa.

Contohnya, sekiranya ura-ura mengenai anak luar nikah bekas Menteri Besar Selangor itu benar, maka anak luar nikah mestilah diberitahu tentang siapa bapa kandungnya yang sebenar selepas beliau dewasa kerana ini merupakan hak asasinya untuk mengetahui Abu Hassan manakah ayah yang sebenarnya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat bagi Seputeh, Sri Gading bangun.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Saya sudah ikuti perbahasan ini daripada pagi tadi. Semua membawa ataupun membahar begitu baik daripada rakan-rakan pembangkang, Bukit Mertajam. Yang terbaru tadi Bachok cukup cantik, cukup molek, semuanya memberikan fikiran membina.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Ucapan orang baik-baiklah Yang Berhormat.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Tetapi Seputeh ini susahlah...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, apa hendak tanya?

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** ...dalam hendak membahaskan satu undang-undang untuk kebahagiaan keluarga kita atau rakyat Malaysia, satu rang undang-undang yang sangat baik, Seputeh jangan hendak masuk cerita yang boleh menimbulkan satu tanda tanya. Jadi, saya nasihatkan Seputeh ubah cerita, tajuk lainlah.

**Puan Teresa Koh Suh Sim:** Ini adalah satu contoh yang benar, yang pernah dilaporkan dalam surat khabar dan juga surat khabar di Indonesia pula. Jadi, ini

adalah contoh yang boleh menarik minat dan juga menarik perhatian menteri berkenaan.

Okay, dalam lawatan saya ke sesetengah rumah kebajikan yang dikendalikan oleh pihak swasta, saya diberitahu bahawa ramai ibu tunggal yang kurang mampu untuk menanggung kehidupan kesemua anak-anak mereka tidak rela untuk membiarkan anak-anak mereka diangkat oleh orang lain kerana mereka tidak tahu tentang latar belakang orang yang ingin mengangkat anak mereka. Jadi, adalah penting bagi Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat untuk menetapkan satu mekanisme untuk mengadakan penapisan terhadap orang yang berminat untuk menjadi ibu bapa angkat. Untuk memastikan orang yang berminat mengangkat anak-anak kelahiran orang lain itu sesuai dan berakhlak baik dan tidak akan menganiayai anak yang diangkat oleh mereka.

Saya ingin bertanya sama ada pindaan rang undang-undang hanya ditujukan kepada bayi yang baru lahir yang diangkat orang ataupun ia juga akan dipakai pada kanak-kanak yang diangkat oleh mereka yang berminat. Maksud saya adalah kanak-kanak yang sudah besar, apakah butir-butir yang termaktub dalam Sijil Beranak itu akan ditukar langsung atau digantikan dengan surat beranak baru mengikut pindaan rang undang-undang ini ataupun surat beranak asal mereka kekal tidak akan berubah.

Selain itu, saya juga ingin menanya Yang Berhormat Menteri, apakah rang undang-undang ini juga terpakai pada kanak-kanak atau bayi yang dilahirkan di luar negeri. Apakah prosedur permohonan untuk mengangkat bayi ataupun kanak-kanak yang dilahirkan di luar negeri. Bolehkah butir-butir Sijil Beranak mereka ditukar seperti apa yang termaktub dalam rang undang-undang ini. Apakah ibu bapa angkat ini akan menghadapi masalah daripada segi imigresen dan sebagainya.

Saya juga ingin mengambil kesempatan untuk menarik perhatian Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat supaya melatih lebih ramai kaunselor untuk menjalankan kaunseling terhadap anak-anak yatim di rumah yatim dan juga kanak-kanak yang dilahirkan oleh ibu tunggal yang duduk di rumah perlindungan kanak-kanak. Kanak-kanak ini selalunya berkelakuan liar apabila mereka menjadi remaja kerana kekurangan tunjuk ajar daripada ibu bapa dan juga 'kesakitan' emosi akibat oleh perpecahan perkahwinan ibu bapa mereka.

Kes-kes sosial ini akan meningkat dalam masa-masa yang akan datang. Perkembangan emosi dan psikologi kanak-kanak daripada rumah tangga yang pecah memang akan melahirkan remaja dan pemuda-pemudi yang melakukan maksiat dan peningkatan penyakit sosial. Jadi, adalah penting bagi kerajaan untuk melatih pekerja sosial dan juga kaunselor di samping menubuhkan lebih rumah-rumah perlindungan untuk kanak-kanak yang terbiar untuk membantu mereka yang kurang bernasib tersebut sebagai salah satu langkah untuk menangani penyakit sosial.

Di bawah peraturan sekarang, seseorang bayi hanya boleh didaftar dan mendapat Sijil Beranak sekiranya ibu bapanya mendaftarkan perkahwinan mereka dengan kerajaan. Kalau tidak, anak-anak mereka tidak akan mendapat Sijil Beranak. Kanak-kanak yang tidak mempunyai Sijil Beranak ini pun akan menghadapi masalah untuk memohon kad pengenalan. Mereka selalu terpaksa melalui proses permohonan yang rumit untuk mendapat kad pengenalan mereka apabila mereka sampai umur 12 tahun. Ini merupakan kes yang biasa berlaku di rumah perlindungan kanak-kanak.

Saya ingin mencadangkan kepada kerajaan supaya mengadakan satu mekanisme untuk memudahkan permohonan kad pengenalan untuk membantu golongan kanak-kanak yang tidak mempunyai Sijil Beranak tersebut.

Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, sila.

**3.11 ptg.**

**Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat [Dato' S. Veerasingam]:** Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ucapkan ribuan terima kasih kepada 12 orang Ahli Parlimen yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang Pengangkatan (Pindaan) 2000 ini.

Yang Berhormat bagi Kelang telah menyebut bahawa seorang berhak untuk mengetahui ibu bapa kandung sebenar. Walau bagaimanapun, ibu bapa angkat lebih cenderung menyembunyikan yang anak tersebut adalah anak angkat, memohon kementerian menimbangkan supaya *administrative procedure* dibuat supaya mereka dapat tahu siapakah mereka sebenarnya.

Hak untuk mengetahui ibu bapa kandung sebenar diperuntukkan di bawah undang-undang iaitu di bawah Seksyen 25(12) Akta Pengangkatan. Perkara ini perlu melalui proses mahkamah untuk mengelakkan orang awam, orang yang tidak berkenaan daripada mempunyai *access* kepada maklumat mengenai pengangkatan tersebut. Pengangkatan adalah di antara ibu bapa dan anak angkat sendiri. Mereka perlulah membuat keputusan bila hendak memberitahu kepada anak bukan semasa anak pergi ke sekolah membawa sijil kelahiran di mana disebut anak angkat, pada masa itu sahaja anak itu dapat tahu dia adalah anak angkat, ini akan menjadi satu *trauma* yang besar kepada anak ini. Untuk mengelakkan perkara ini, maka undang-undang ini digubal supaya hanya ibu bapa angkat dan anak yang diangkat itu akan membuat keputusan bila ibu bapa angkat ingin memberitahu kepada anak angkat itu, beliau itu anak angkat atau tidak.

Proses mendapat kad pengenalan....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Kelang bangun.

**Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew:** Minta penjelasan. Adakah kementerian Yang Berhormat bercadang supaya menjadikan prosedur ini lebih senang untuk mendapat maklumat tanpa pergi ke mahkamah? Sekian.

**Dato' S. Veerasingam:** Tuan Yang di-Pertua, jika prosedur itu dibuat, lebih senang. Maknanya, sesiapa sahaja boleh dapat maklumat-maklumat ini dan ini akan menjejaskan kepentingan anak-anak itu sendiri. Jadi, apabila seorang itu boleh jadi bayi buangan, beliau tidak tahu asal beliau itu, beliau tidak tahu siapa bapanya, siapa emaknya tetapi orang kata dia dibuang dala m tong sampah dan lain-lain. Jika anak ini akan dapat tahu siapakah sebenarnya ibu bapanya dia tidak dapat tahu. Jadi, eloklah dalam keadaan seperti ini bapa angkat itu tidak memberitahu asal-usul kepada anak itu kerana beliau mementingkan dan sayang kepada anak itu sebagai anak kandungnya.

Kementerian saya dan pegawai-pegawai Jabatan Kebajikan Masyarakat akan menentukan bakal-bakal bapa dan emak angkat supaya mereka sesuai untuk diberi bapa angkat, anak angkat itu. Beberapa Ahli Parlimen juga telah menyuarakan dan telah memohon bagaimana cara-cara kita akan memberi anak angkat kepada bakal

bapa angkat dan emak angkat itu. Jadi, kalau saya baca peraturannya begitu panjang. Saya memberi jaminan bahawa esok pada sebelah petang saya akan memberi tiap-tiap seorang Ahli Parlimen satu naskhah supaya kita dapat tahu cara-cara kita membuat permohonan untuk mendapatkan anak angkat.

Proses mendapat kad pengenalan bagi anak angkat....

**Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Lim Si Cheng):** Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam.

**Puan Chong Eng:** Terima kasih. Bolehkah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen menjelaskan sama ada pindaan ini - tadi saya dengar ialah pindaan ini diminta oleh ibu bapa angkat tetapi adakah dia juga dirujuk kepada pakar-pakar psikologi ataupun kajian-kajian, bagaimana kesannya dia tidak diberitahu dia adalah seorang anak angkat dan kesannya, yang mana satu lebih baik untuk keadaan seperti ini sama ada dia tidak tahu langsung dia seorang anak angkat ataupun dia diberitahu dan dia boleh terima hakikat itu. Di mana satu yang lebih baik. Adakah ini berdasarkan atau input daripada pakar psikologi? Terima kasih.

**Dato' S. Veerasingam:** Tuan Yang di-Pertua, bakal ibu bapa angkat apabila membuat permohonan sentiasa memberitahu kepada pegawai-pegawai saya supaya perkara ini perlu dirahsiakan. Mereka boleh memberitahu kepada anak mereka pada masa yang sesuai. Jadi, saya berfikir ibu-ibu angkat atau bapa-bapa angkat yang begitu ramai memohon supaya kita pinda akta ini. Mereka adalah lebih arif daripada pakar-pakar. Pakar-pakar hanya baca daripada buku dan memberi maklumat tetapi ibu bapa angkat merekalah yang akan menjaga anak-anak itu dan mereka sendiri telah memohon supaya kita mengubah Akta ini supaya mereka sendiri boleh memberitahu kepada anak-anak berkenaan pada masa yang sesuai.

Tuan Yang di-Pertua,....

**Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Lim Si Cheng):** Yang Berhormat,....

**Dato' S. Veerasingam:** Ya.

**Puan Chong Eng:** Tuan Yang di-Pertua, saya tidak berapa pasti apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, adakah ibu bapa lebih tahu daripada pakar kerana sekiranya begitu kita tidak ada anak-anak yang bermasalah. Pada hakikatnya ramai ibu bapa bukan pakar dalam menguruskan anak-anak.

Khasnya dalam isu ini patutkah atau tidak patut untuk memberitahu kepada anak angkatnya hakikat yang sebenar.

Ramai yang beritahu saya mereka tidak ingin memberitahu kerana takut bahawa anak angkat mereka akan kembali kepada ibu bapa *biological* mereka. Tetapi saya berpendapat sekiranya ibu bapa angkat melayankan anak angkat mereka dengan kasih sayang dan bertanggungjawab, saya rasa anak angkat mereka akan terima hakikat itu dan juga pakar-pakar bukan berdasarkan teori sahaja, mereka membuat kajian, mereka menjumpai kes-kes yang benar. Maka saya berpendapat bahawa sekiranya pindaan ini hanya berdasarkan permintaan ibu bapa-ibu bapa angkat dan tidak ada *input* daripada pakar-pakar ini adalah terlalu .....[Belum edit]

**Dato' S. Veerasingam:** Saya faham Yang Berhormat.

**Puan Chong Eng:** Ya, saya hendak tahu ada *input* atau tidak? Terima kasih.

**Dato' S. Veerasingam:** Saya faham. Tuan Yang di-Pertua, soalan Yang Berhormat itu memang pegawai-pegawai kebajikan saya adalah pakar dalam perkara ini dan mereka telah membuat penyelidikan dan mereka telah pun bincang dengan ibu bapa yang berkenaan dan maklum balas yang dapat sudah berpuluh-puluh tahun juga diambil kira untuk menggubalkan rang undang-undang ini. Jadi, ada pakar-pakar daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat yang telah menentukan ianya perlu untuk digubal.

Tuan Yang di-Pertua, proses mendapat kad pengenalan bagi anak angkat yang tidak dike tahui ibu bapa kandung adalah terlalu lama kerana kesukaran mendapat dokumen yang sempurna. Ini menyebabkan masalah kepada anak-anak ini. Berapa banyakkah kes-kes sebegini berlaku di negara ini. Ini juga adalah soalan daripada Yang Berhormat bagi Kelang. Kanak-kanak yang mempunyai Sijil Anak Angkat tidak akan menghadapi masalah. Yang akan menghadapi masalah ialah kes-kes di mana butir-butir ibu bapa dipalsukan dalam Sijil Kelahiran iaitu butir-butir ibu bapa angkat dimasukkan sebagai ibu bapa kandung. Data akan diberi secara bertulis.

Yang Berhormat bagi Bagan juga telah mengambil dalam perbincangan ini. Beliau bertanya bolehkah ibu membuat pendaftaran tanpa kehadiran bapa. Boleh, pendaftaran kelahiran seorang kanak-kanak boleh dibuat oleh ibu atau sesiapa yang

layak seperti doktor, jururawat menyaksikan kelahiran itu, semasa kelahiran tanpa kehadiran bapa.

Yang Berhormat bagi Bagan juga telah sebut benarkah jika pasangan lelaki dan perempuan yang tidak mempunyai daftar perkahwinan membuat permohonan, Surat Beranak anak mereka tidak akan diluluskan, tidak. Daftar perkahwinan ibu bapa kandung adalah suatu bukti status perkahwinan mereka terutamanya untuk anak pertama dan bukan mereka tidak dibenarkan mendaftar kelahiran anak mereka. Benarkah Jabatan Pendaftaran Negara boleh mendaftarkan Surat Beranak anak tanpa ada maklumat mengenai bapanya? Kelahiran seorang kanak-kanak boleh didaftarkan tanpa kehadiran bapa kandung. Tiap-tiap kelahiran wajib didaftarkan tetapi apabila bapanya hadir ataupun maklumat bapa diberi, akan dimasukkan di dalam Surat Beranak. Ada juga kes-kes di mana bapa tidak diketahui. Kalau ada kes-kes seperti ini dalam Surat Kelahiran itu ada sebut bahawa tidak dapat maklumat bapa.

Beliau juga telah sebut tentang penjualan bayi oleh warga asing yang bekerja di negara ini ataupun oleh orang-orang tempatan dengan harga yang lumayan. Tindakan bagi mengatasi masalah ini boleh diambil di bawah Akta Perlindungan Kanak-Kanak 1991 - perbuatan menjual bayi adalah merupakan satu kesalahan. Rang Undang-undang Kanak-kanak 2000 juga memperuntukkan di bawah seksyen 48 bahawa seseorang yang memindahkan ataupun membermilikkan jagaan atau kawalan seseorang kanak-kanak bagi apa-apa balasan berharga adalah melakukan satu kesalahan yang boleh dihukum denda tidak melebihi RM10,000 atau penjara tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya.

Perlu ada senarai nama ibu bapa yang memerlukan anak angkat, dicadangkan anak yang lahir diletakkan dalam jagaan ibu bapa angkat. Jabatan Kebajikan Masyarakat memang mempunyai senarai ibu bapa yang memohon mendapatkan anak angkat melalui jabatan ini. Tindakan untuk meletakkan seorang bayi dilahirkan terus dalam jagaan ibu bapa angkat tidak dapat dilaksanakan kerana jabatan perlu menyasat terlebih dahulu status bayi berkenaan mengikut prosedur yang telah ditetapkan itu.



Yang Berhormat bagi Petaling Jaya Utara telah mencadangkan supaya membenarkan anak berumur 12 tahun ke atas memeriksa daftar anak angkat selagi permohonan dibuat oleh anak sendiri.

**Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Lim Si Cheng):** Yang Berhormat bagi Petaling Jaya Utara bangun.

**Puan Chew Mei Fun:** Bukan 12 tahun, 21 tahun.

**Dato' S. Veerasingam:** 21 tahun, okay. Berumur 21 tahun. Subseksyen 25(12) tidak mengenakan had umur bagi seseorang yang ingin memeriksa daftar anak angkat. Selagi terdapat satu perintah mahkamah, pemohon dibenarkan untuk mendapatkan maklumat yang diperlukan itu. Tidak perlu sampai ke umur 21 tahun.

Syarat-syarat ditetapkan dalam permohonan anak angkat, apakah syarat-syarat tersebut? Itu saya kata, besok saya beri kepada semua Ahli Parlimen syarat-syarat itu.

Adakah satu ujian langkah-langkah tertentu ditetapkan dalam memastikan ibu bapa angkat memberi jagaan yang sempurna kepada anak angkat? Pegawai Jabatan Kebajikan Masyarakat yang dilantik sebagai *guardian admittance* membuat seliaan terhadap anak yang dianakangkatkan. Kursus perlu diadakan. Jadi perkara ini akan dipertimbangkan.

Yang Berhormat bagi Bandau, beliau sebut tentang berapa banyak anak-anak diangkat di seluruh negara? Bagi tahun 1994 hingga tahun 2000, sejumlah 1,996 kanak-kanak telah ditawarkan sebagai anak angkat. Kalau hanya bagi tahun 2000 sahaja hanya seramai 20 orang kanak-kanak telah ditawarkan sebagai anak angkat. Bagi tahun 2000 sahaja yang telah memohon untuk mendapatkan anak angkat adalah dua kali ganda tetapi mereka perlu menunggu hingga dapat giliran mereka untuk mendapatkan anak-anak itu.

Berapa lamakah masa diambil untuk memproses permohonan anak angkat? Tertakluk kepada bilangan kanak-kanak boleh diserahkan sebagai anak angkat. Biasanya proses permohonan anak angkat mengambil masa 3 bulan. Seperti saya sebut tadi, bagi tahun 2000 sahaja, jumlah senarai menunggu sahaja 1,805 orang daripada tahun 1994 hingga tahun 2000. Yang menunggu 1,805 orang yang menunggu. Jadi, yang

kita telah tawarkan adalah kurang daripada mereka yang menunggu. Jadi kerana itu mereka kena menunggu lebih masa.

Yang Berhormat bagi Wangsa Maju, adalah diharapkan pindaan ini tidak menimbulkan isu dari segi agama. Pindaan Akta ini tidak ada kaitan dengan orang Islam kerana Akta Pengangkatan 1952, Akta 257 tidak terpakai kepada mereka yang beragama Islam sebagaimana yang diperuntukkan di bawah seksyen 31 Akta tersebut. Bagi permohonan Sijil Anak Angkat melibatkan orang-orang Islam, akta yang digunakan ialah Akta Pendaftaran Pengangkatan 1952 iaitu Akta 253.

Yang Berhormat bagi Sri Aman.....

**Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Lim Si Cheng):** Yang Berhormat bagi Beluran bangun.

**Dato' S. Veerasingam:** Ya.

**Tuan Ronald Kiandee:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya faham bahawa Akta ini tidak terpakai kepada orang yang beragama Islam, bererti yang bukan Islam digunakan Akta ini. Tetapi dari segi moral hukum syarak itu di mana kekhuatiran bahawa seseorang anak angkat yang tidak tahu asal usul ibu bapa mereka boleh berlaku perkahwinan antara adik-beradik disebabkan oleh masalah yang tidak tahu asal usul. Jadi, jika Akta ini diluluskan kemungkinan perkara ini boleh berlaku kepada keluarga bukan Islam yang terpakai kepada Akta yang diluluskan pindaan ini.

Jadi, apakah langkah kementerian untuk menentukan bahawa perkara dari segi moral hukum syarak itu yang tidak berlaku perkahwinan adik-beradik jika keluarga itu mempunyai adik-beradik yang ramai tetapi salah satu daripada mereka dipelihara atau diangkat oleh orang yang kita tidak mengetahui asal usulnya dan perkara itu berlaku kepada keluarga bukan Islam. Apa langkah, apa jaminan bahawa perkara ini tidak berlaku di kalangan orang bukan Islam yang di"apply"kan oleh Akta ini?

**Dato' S. Veerasingam:** Tuan Yang di-Pertua, jika ada kes-kes membuang bayi kita tidak tahu asal usulnya. Jadi, jika berlaku sesuatu seperti itu kita tidak dapat membuat apa-apa dalam perkara ini. Tetapi berkaitan dengan kes-kes di mana kita tahu ibu bapa yang tertentu yang memberi anak untuk dijadikan anak angkat, ibu bapa yang menerima anak angkat itu juga sudah tahu siapakah ibu bapa itu. Jadi, mereka boleh menentukan perkara-perkara seperti ini tidak dilakukan dan juga pegawai-

pegawai daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat akan memberi kaunseling kepada ibu angkat, bapa angkat mengenai semua aspek sosial. Tetapi seperti kata Yang Berhormat tadi, dalam kes-kes buang bayi dan lain-lain siapa pun tidak tahu asal usul tentang bayi itu.

**Tuan Ronald Kiandee:** Penjelasan. Yang Berhormat .....

**Dato' S. Veerasingam:** Ya.

**Tuan Ronald Kiandee:** Akta yang ada sekarang ini, Akta 1952 ini juga kita melihat bahawa ada unsur-unsur di mana ibu bapa tidak memberitahu asal usul kepada anak berkenaan seperti yang disuarakan oleh sebahagian besar Ahli Parlimen di sini. Itu satu kemungkinannya oleh ibu bapa kerana tidak ada *clause* di dalam Akta untuk mengatakan bahawa ibu bapa bertanggungjawab untuk memberitahu asal usul mereka kepada anak. Ini kes-kes yang begini. Tetapi ada kes yang berlaku di mana ibu bapa berkenaan meninggal disebabkan kemalangan ataupun sebagainya di mana anak itu terbiar. Jadi, apa jaminan terhadap ini? Saya rasa perlu ada penjelasan, *clarification on this matter*. Terima kasih.

**Dato' S. Veerasingam:** Tuan Yang di-Pertua, ini adalah disebut sebagai satu kemungkinan. Kalau anak itu ingin tahu siapakah ibu bapanya yang sebenar dia boleh pergi ke mahkamah untuk mendapatkan sijil asal kelahiran beliau itu. Tetapi kalau siapa pun tidak memberitahu kepada dia dan ibu bapa telah meninggal dunia dan siapa pun tidak tahu latar belakangnya, itu terpulang kepada takdirlah. Kalau Yang Berhormat ada nasihat yang tertentu yang kita boleh mengikuti saya harap Yang Berhormat boleh memberi nasihat itu supaya kementerian saya boleh kaji dari aspek ini bagaimana kita boleh mengatasi masalah takdir itu.

**Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob:** [*Bangun*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Sipitang ya. Sipitang.

**Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya tertarik dengan soal perkahwinan adik beradik ini. Ini berlaku dalam drama, dalam wayang, dalam keadaan seharian. Contohnya wayang dari Bollywood memang berlaku banyak cerita yang sebegini. Untuk mengelakkan ini sememangnya baik kalau jelas ibu bapa masih ada atau ada orang mengetahui apakah kerajaan akan

menetapkan prasyarat kepada anak angkat ini untuk berkahwin mestilah dirujuk dahulu kepada orang yang tahu secara sulit ataupun ada prosedur lain atau peraturan lain apakah diwajibkan sebagai prasyarat mengadakan ujian genetik ataupun DNA test dengan pasangan yang akan dikahwini ataupun kekasih yang bakal atau tunang atau sebagainya supaya perkara kahwin adik beradik ini dapat dielakkan. Apakah kalau ada peraturan tertentu dimasukkan kepada ibu yang mengangkat itu supaya sebelum bernikah itu prasyarat dia mesti ada ujian DNA atau sebagainya. Minta penjelasan.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

**Dato' S. Veerasingam:** Tuan Yang di-Pertua, kementerian saya akan mengkaji cadangan Yang Berhormat itu.

Yang Berhormat bagi Sri Aman, terdapat mereka yang merantau sering meninggalkan anak-anak yang dilahirkan di kampung dengan nenek, datuk, abang atau kakak. Kadang-kadang ibu bapa kandung tidak dapat dihubungi. Anak-anak yang ditinggalkan ingin diambil sebagai anak angkat kerana tiada ibu kandung.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ada yang bangun, Yang Berhormat.

**Dato' Zulhasnan bin Rafique:** Terima kasih Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Saya hendak berbalik kepada persoalan pokok saya di dalam ucapan tadi. Bagaimanakah kaedah dokumentasi atau sistem rekod yang sesuai diguna pakai untuk menzahirkan identiti mereka sebagai anak angkat tanpa melupuskan nama bapa asalnya. Terima kasih.

**Dato' S. Veerasingam:** Tolong ulang soalan itu?

**Dato' Zulhasnan bin Rafique:** Apakah kaedah dokumentasi atau sistem rekod, how is the record right yang sesuai diguna pakai untuk menzahirkan identiti mereka sebagai anak angkat tanpa melupuskan nama bapa asalnya. Terima kasih.

**Dato' S. Veerasingam:** Yang Berhormat, apabila permohonan dibuat untuk memilih seorang sebagai anak angkat semua latar belakang anak itu akan disiasat oleh pegawai-pegawai saya dan kemudian perkara ini akan dimaklumkan kepada mahkamah dan semua maklumat berkaitan dengan bapa asal, emak asal, berkaitan dengan keluarga itu akan didokumentasikan oleh pegawai pendaftar negara dan disimpan dalam komputer. Jadi apabila sahaja diperintah oleh mahkamah untuk

mendapatkan semua latar belakang tentang anak itu pejabat pegawai pendaftar, Ketua Pengarah Pendaftar Negara boleh memberi maklumat itu kepada sesiapa sahaja diarahkan oleh mahkamah untuk digunakan nanti.

Yang Berhormat bagi Sri Aman telah membangkitkan perkara yang saya sebut tadi. Surat keizinan daripada ibu bapa atau penjaga perlu diperolehi dan biasanya jabatan akan cuba mengesan ibu bapa seseorang kanak-kanak yang terdampar. Iklan juga akan dikeluarkan bagi maksud ini. Sekiranya dalam tempoh masa yang ditetapkan keizinan masih tidak diperolehi, pengangkatan boleh diteruskan.

Yang Berhormat bagi Sri Aman juga telah memberitahu supaya kempen mendidik masyarakat bahawa mengambil anak angkat bukan sesuatu yang memalukan. Anak-anak angkat tidak perlu rasa malu yang mereka adalah anak angkat. Cadangan Yang Berhormat akan diambil perhatian dalam rancangan advocacy kementerian ini.

**Tuan Jimmy Lim Donald:** Terima kasih Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Saya tahu bahawa akta ini tidak akan dipanjangkan ke Sarawak. Jadi Yang Berhormat bagi Batang Lupar tadi pun telah menyuarakan tanda tanya yang sebegitu juga. Jadi kalaulah ada penyelesaian kepada masalah yang saya telah utarakan, jadi apakah sebab akta ini tidak dipanjangkan ke Sarawak supaya masalah yang seperti ini dapat diselesaikan di Sarawak dengan cara yang akan dikemukakan oleh Yang Berhormat sekarang.

**Dato' S. Veerasingam:** Tuan Yang di-Pertua, rang undang-undang ini juga akan diberi kepada pihak kerajaan negeri-negeri iaitu Sabah dan Sarawak. Mereka sudah ada undang-undang sendiri. Jika mereka hendak guna pakai undang-undang ini mereka boleh menggubal undang-undang yang sedia ada di negeri supaya mana-mana perkara yang boleh digunakan boleh diambil kira khasnya untuk Sabah dan Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam telah menyebut tentang anak-anak gadis yang sedang bersekolah dengan didapati mengandung. Diharap tiada tindakan memberhentikan persekolahan mereka atau merahsiakan hal ini daripada pengetahuan umum bagi menjaga supaya rakan-rakan mereka tidak ejek-ejekkan beliau yang berkenaan. Buat masa kini Jabatan Kebajikan Masyarakat memberi perlindungan kepada mereka yang mengandung luar nikah dan memohon

perlindungan di bawah Seksyen 9 Akta Perlindungan Wanita dan Gadis 1973. Ini dilakukan atas sebab-sebab perikemanusiaan. Jika gadis itu masih lagi bersekolah, tindakan akan diambil untuk menentukan persekolahannya tidak akan terjejas dan kerahsiaannya akan dijaga. Beliau akan pergi ke sekolah selepas melahirkan bayi itu.

Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam juga telah bertanya sama ada pindaan ini dibuat berdasarkan pandangan ahli psikologi. Itu beliau tadi telah tanya dan saya pun sudah jawab. Jadi saya tidak perlu jawab perkara ini lagi.

Beliau juga telah tanya tentang apakah sebabnya berlaku kes-kes pembuangan bayi, layanan yang diberi kepada ibu dan anak yang dilahirkan di luar nikah hendaklah diberi perikemanusiaan. Itu pun tadi ada jawapan tentang hal ini. Hanya apakah sebabnya berlaku kes pembuangan bayi, oleh kerana dalam kebanyakan kes pembuangan bayi, ibu bapa kandung tidak dapat dikesan. Maka sukar untuk merumuskan apakah sebab sebenarnya masalah ini berlaku. Walau bagaimanapun, daripada kes yang dapat dikesan boleh dikatakan mereka yang membuang bayi berbuat demikian kerana pasangan mereka tidak dapat dikesan atau tidak bertanggungjawab oleh kerana merasa malu dan tidak mahu memberitahu ibu bapa mereka dan dalam keadaan terdesak mereka mengambil tindakan yang tidak berperikemanusiaan dan membuang bayi-bayi yang berkenaan. Bagi wanita yang mengandung luar nikah dan mendapat perlindungan daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat mereka diberi kaunseling, layanan yang sempurna sehingga mereka melahirkan anak.

Beliau juga telah meminta Jabatan Kebajikan Masyarakat membantu keluarga miskin supaya anak-anak tidak diserahkan kepada orang-orang lain untuk tujuan pengangkatan. Memang kementerian saya melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat membantu anak-anak daripada keluarga yang miskin. Bagi tahun 1990 sahaja sebanyak 36,242 orang kanak-kanak telah diberi bantuan sebanyak RM10,840,000 yang kita telah bantu supaya kanak-kanak ini terus dapat hidup dengan keluarga mereka sendiri.

**Puan Chong Eng:** *[Bangun]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Bukit Mertajam bangun ya.

**Puan Chong Eng:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Bolehkah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen memberitahu Dewan ini adakah kementerian sedar bahawa ada ramai pengangkatan tidak melalui kaedah proses yang ditetapkan oleh kementerian. Ramai mereka hanya terus menuliskan nama ibu bapa angkat ini dalam sijil kelahiran dan mereka dapat membuat demikian tidak tahulah dengan cara apa tetapi mereka dapat membuatnya. Tetapi ada kes-kes di mana sekiranya anak angkat ini berbangsa lain seperti sudah beberapa kes di mana ibu bapa angkat adalah bangsa Cina tetapi anak angkat ialah bangsa India. Dan ini tidak boleh dirahsiakan. Mereka tahu dan orang lain semua akan tahu tetapi ibu bapa angkat itu tidak tahu. Mereka terus juga beri nama orang Cina kepada anak ini. Dan sampai umur 12 tahun hendak memohon identity card mereka menghadapi masalah dan mereka juga tidak dapat menghubungi atau tidak tahu di mana ibu kandung anak angkat mereka. Maka adakah kementerian mempunyai program untuk memberitahu masyarakat bahawa ada kaedah, jika mahu pengangkatan ini mesti melalui satu kaedah. Pada masa sekarang masyarakat kurang tahu kaedah ini. Terima kasih.

**Dato' S. Veerasingam:** Tuan Yang di-Pertua, salah satu sebab kita ada penggubalan rang undang-undang ini adalah sebab itu. Sebab apabila ibu bapa angkat khasnya tidak dapat merahsiakan daripada orang ramai itu adalah anak angkat, mereka cari jalan yang lebih senang dengan menipu sijil kelahiran. Mereka dapat nama-nama termasuk nama-nama sendiri. Ini adalah satu kesalahan dari segi undang-undang dan mereka boleh didakwa. Tetapi untuk mengatasi masalah ini kita ada satu rang undang-undang baru di mana mereka tidak perlu kluatir tentang orang ramai dapat tahu mereka hanya ada anak angkat, bukan anak kandung. Jadi masalah ini tidak dapat diatasi dan apa yang perlu dilakukan ialah apa mereka perlu bincang antara ibu bapa angkat dan juga anak angkat, seperti yang dikatakan tadi pegawai pegawai kebajikan daripada kementerian saya akan memberi kaunseling kepada ibu bapa angkat supaya mereka tahu tanggungjawab mereka itu.

Yang Berhormat bagi Batang Lupur...

**Beberapa Ahli:** Batang Lupar.

**Dato' S. Veerasingam:** Batang Lupar, minta maaf. Lupar ya. Batang Lupar mencadangkan agar sijil beranak asal anak tersebut tidak dibinasakan. Ini saya

pun telah jawab tadi bahawa rekod kelahiran tidak akan dibinasakan. Ini kita memberi jaminan ianya tidak akan dibinasakan. Rekod ini akan disimpan dalam hard copy computer oleh Jabatan Pendaftaran Negara dan boleh diperolehi bila-bila masa kita perlu melalui satu arahan daripada mahkamah.

Yang Berhormat bagi Batang 'Lapar' juga, Lular juga telah sebut .. ini lapar sekarang saya pun puasa hari ini. Yang Berhormat bagi Batang Lular juga telah menyebut tentang apakah mekanisme agar anak ini memohon kepada mahkamah untuk mendapatkan sijil beranak asal. Ada provision yang membenarkan kanak-kanak ibu bapa angkat memohon melalui perintah mahkamah untuk mendapatkan butir-butir kelahiran asal iaitu cabutan sijil kelahiran asal dengan butir-butir ibu bapa kandung yang berkenaan.

Yang Berhormat juga telah mencadangkan mewujudkan mahkamah khas bagi menangani masalah pengangkatan dengan dilengkapi penasihat-penasihat bagi menangani sensitiviti berkaitan etnik dan agama. Cadangan ini adalah sangat baik. Ini adalah satu cadangan yang kementerian saya akan memberi perhatian yang serius supaya kita dapat mengatasi beberapa masalah-masalah yang telah dibawa oleh ahli-ahli Parlimen yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan dalam rang undang-undang ini.

Yang Berhormat Dato' juga telah menyebut tentang perkataan "bapa", dia tidak ditakrifkan dalam Akta 257 sebagai merujuk kepada bapa kandung tetapi dalam jadual kedua iaitu perakuan kelahiran, perkataan "bapa" merujuk kepada bapa angkat. Terdapat satu kesilapan di sini oleh penggubal-penggubal kerana terlepas pandang takrif dalam Akta 257. Dengan izin, *particulars of father, mother* dalam pindaan ini merujuk kepada ibu bapa angkat. Perkataan "bapa" atau "father" dalam Akta 257, ditakrifkan sebagai bapa kandung berhubung dengan anak yang tidak sah (illegitimate child) dan bukan ditakrifkan secara am. Oleh yang demikian, perakuan kelahiran dalam jadual rang undang-undang tidak bercanggah dengan Akta 257 dan adalah teratur.

Yang Berhormat juga telah sebut tentang adakah undang-undang ini boleh diaplikasikan di Sabah dan Sarawak? Saya telah menjawab tadi bagi soalan itu.

**Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Yang Berhormat.



**Dato' S. Veerasingam:** Ya.

**Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Sebagai pembedahan Yang Berhormat, saya yang sebut undang-undang ini tidak terpakai di Sabah dan Sarawak dan tidak terpakai kepada orang Islam. Persoalan saya ialah, adakah undang-undang ini akan di*extend* ke Sarawak dan Sabah?

**Dato' S. Veerasingam:** Ya, ya.

**Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Jadi, pembedahan. Terima kasih.

**Dato' S. Veerasingam:** Yang Berhormat, itu yang saya sebut tadi yang berkaitan dengan dibawa ke Sabah dan Sarawak, saya sudah jawab berkaitannya.

Yang Berhormat bagi Batang Lupar juga telah mencadangkan apabila *guardian at lead term* membuat siasatan, perlu juga menyiasat dari aspek sama ada terdapat rekod-rekod jenayah atau keganasan walaupun aspek ini tidak tersebut dalam akta. Perlu diadakan panduan mengenai penyiasatan ini. Pegawai kebajikan masyarakat yang mengendalikan tugas sebagai *guardian at lead term* telah dilatih dalam tugas ini. Laporan yang disediakan untuk pihak mahkamah mengandungi maklumat daripada pelbagai aspek termasuk kesesuaian ibu bapa angkat dari segi kemampuan, kewibawaan, keadaan persekitaran keluarga, perhubungan kekeluargaan dan lain-lain. Aspek yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat boleh juga dimasukkan sebagai panduan penyiasatan.

**Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad:** Saya hendak tanya Yang Berhormat, kewibawaan itu apa?

**Dato' S. Veerasingam:** Wibawa. [*Ketawa*] Yang Berhormat Batang Lupar juga bertanya, te lah adakah sijil beranak seperti *second schedule* akta ini berbeza dengan sijil beranak anak-anak yang lain? Ini tidak ada perbezaan daripada permukaan. Kalau orang-orang biasa melihat sijil kelahiran itu, mereka tidak dapat tahu mana satu anak angkat dan mana satu yang tidak anak angkat.

**Tuan Chow Kon Yeow:** [*Bangun*]

**Dato' S. Veerasingam:** Hanya pegawai-pegawai daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat ataupun daripada pegawai Jabatan Pendaftaran Negara sahaja dapat mendapat tahu pada sijil itu adalah sijil apa.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tanjong bangun.

**Tuan Chow Kon Yeow:** Penjelasan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tadi Yang Berhormat kata *on the face of it* tidak ada perbezaan. Cuma pegawai pendaftaran dan pegawai kebajikan tahu. Jadi, saya ingin Yang Berhormat menjelaskan di bawah sijil ini, di sudut kiri terdapat banyak bilangan, misalnya *registered number, registered of birth cert. number, reference number* dan *serial number*. Saya percaya salah satu nombor ini akan *give away the real identity of* pemegang sijil anak ini sebab pada masa yang lalu, di bawah kad pengenalan yang lama, di muka belakang, di bawah butiran kelahiran si pemegang kad pengenalan itu, kalau dia seorang anak angkat, akan letak satu kod ataupun nombor kelahiran iaitu SAA (Sijil Anak Angkat).

Kalau sesiapa yang tahu perkara ini, dia akan tahu siapa yang memegang sijil sedemikian adalah seorang anak angkat, bukan sekadar pegawai pendaftaran ataupun pegawai kebajikan yang tahu. Saya rasa kalau orang yang tahu apabila lihat kod itu, dia sudah tahu bahawa orang itu seorang anak angkat. Jadi, saya ingin tahu mengapa banyak nombor ataupun *reference number* disertakan di dalam sijil yang dicadangkan ini?

**Dato' S. Veerasingam:** Tuan Yang di-Pertua, memang dalam surat khabar yang biasa pun ada nombor-nombor di situ yang menunjukkan bagi rekod-rekod pejabat perlu ada nombor -nombor rujukan. Jadi kita tidak dapat menentukan daripada ini orang itu adalah anak angkat atau bukan anak angkat.

Yang Berhormat bagi Batang Lular juga telah menyebut tentang Seksyen 4(2), jika permohonan adalah pemohon tunggal lelaki, perintah pengangkatan tidak boleh dibuat kecuali mahkamah berpuas hati terdapat keadaan-keadaan yang istimewa untuk mahkamah berbuat demikian.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, ada Batang Lular bangun.

**Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Terima kasih. Kembali kepada sijil ini, saya menerima hakikat bahawa mekanisme ini tidak boleh dikatakan *perfect mechanism* untuk melindungi anak-anak angkat ini daripada mengetahui asal usulnya. Kalau kita lihat daripada segi sijil ini sendiri, saya hendak tanya satu soalan, *on the face of it* kata Yang Berhormat adalah sama kerana saya dari Sarawak tidak ada

terima sijil macam ini, sijil Sarawak berlainan sedikit. Jadi saya hendak tanya di Sarawak ada sijil *late registration* dan *actual registration* masa dilahirkan. Jadi persoalannya, adakah mekanisme yang sama dibuat di Semenanjung mempunyai *late registration* dan *registration* yang dibuat semasa beranak dalam jangka masa yang tertentu.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya berpindah, ada saya sebut di dalam Seksyen 4(2) ada mengatakan ibu atau bapa tunggal boleh mengangkat asalkan mahkamah bagi dia peluang dia boleh mengangkat, dia memang angkat. Jadi di sini letaknya masalah yang kedua, masalah yang besar lagi sebab di sini kalau si ibu itu mengangkat di mana bapa dia, siapa bapa dia. Kalau bapa yang mengangkat, siapa mak dia sebab kita hendak melindungi, jadi dia betul-betul seorang ibu tunggal. Kita menerima hakikat, jadi saya mohon bagaimana mekanisme yang dibuat supaya *to soften*, meredakan sedikit impak persoalan anak angkat, ibu angkat ini.

**Dato' S. Veerasingam:** Tuan Yang di-Pertua berkaitan dengan soalan pertama berkaitan dengan *late registration* memang berlaku di sini juga. *Late registration* bermakna diberi satu masa tempoh untuk dibuat pendaftaran, kalau dilahirkan di hospital pun diberi masa tempoh satu bulan untuk membuat pendaftaran. Kalau mereka tidak buat pendaftaran pada masa itu, selepas itu ia menjadi *late registration* di mana kita perlu mengisi borang-borang khas dan menghantar kepada Jabatan Pendaftaran Negara untuk mendaftarkannya sebagai *late registration*. Berkaitan dengan sijil kelahiran ini tidak ada masalah berkaitan dengan *late registration*. Apabila sahaja mahkamah memberi perintah, pendaftar Jabatan Pendaftaran Negara akan mengeluarkan sijil dan jika kita perlu satu lagi sijil baru, kita hanya membuat permohonan dan kita akan dapat satu sijil baru.

Saya teruskan dengan soalan daripada Yang Berhormat bagi Batang Lupar tadi bahagian kedua cadangan supaya pemohon tunggal perempuan juga tidak dibenarkan mengangkat seorang lelaki kecuali terdapat keadaan yang istimewa yang dapat memuaskan mahkamah. Cadangan ini memerlukan kajian yang lebih mendalam dan pandangan daripada pelbagai pihak perlu diambil kira dan cadangan-cadangan Yang Berhormat, kementerian saya akan memberi perhatian.

Yang Berhormat bagi Bachok telah tegur tentang Akta 25(7) ini menyimpang dari hukum Islam. Yang Berhormat bagi Bachok, pindaan Akta Pengangkatan 1952 Akta 25(7) ini hanya terpakai kepada orang-orang bukan Islam sahaja. Untuk orang-orang Islam, pengangkatan dibuat di bawah akta *Registration of Adoption Act 1952*, Akta 25(3) sesuai dengan hukum Islam.

Yang Berhormat bagi Bachok juga telah sebut tentang penjualan bayi, membeli bayi dari luar negara dan seludup dan membuat laporan polis bahawa bayi itu bayi terdampar. Sejauh manakah akta ini mampu untuk menangani isu ini. Tindakan untuk menangani masalah-masalah ini boleh diambil di bawah Akta Perlindungan Kanak-kanak 1991 akan digantikan oleh Rang Undang-undang Kanak-kanak 2000. Jika selepas penyiasatan, dia dapat tahu mereka ada membawa bayi dari luar negara dan menyeludup untuk dijadikan anak angkat, mereka boleh didakwa mengikut undang-undang.

Yang Berhormat Bachok juga telah sebut tentang keluarga Islam yang mengambil anak angkat hendaklah memberikan bin atau binti kepada nama bapa asal kandungan. Peraturan ini ada dipakaikan untuk anak-anak Islam di bawah Akta Pendaftaran Pengangkatan - *Registration Adoption Act 1952*, Akta 25(3).

Yang Berhormat bagi Seputeh juga telah menyebut tentang mekanisme mendapatkan kad pengenalan bagi anak yang tidak mempunyai dokumen. Kanak-kanak mesti mempunyai satu dokumen iaitu sijil kelahiran, sijil anak angkat atau seumpamanya sebelum layak memohon kad pengenalan. Jadi anak-anak yang ada sijil-sijil yang baru ini tidak akan mengalami apa-apa masalah untuk mendapatkan kad pengenalan. Jika kanak-kanak tiada sebarang dokumen permohonan, untuk dokumen kelahiran di bawah pendaftaran biasa, lambat, lewat kelahiran perlu dibuat terlebih dahulu maknanya mereka perlu memohon untuk pendaftaran kelahiran lewat sebelum mereka boleh dapat kad pengenalan.

Yang Berhormat bagi Seputeh juga telah memohon agar kementerian melatih bagi pegawai-pegawai membuat kaunseling kepada anak-anak dan ibu-ibu angkat. Cadangan ini akan diberi pertimbangan dan diambil kira oleh kementerian saya.

Yang Berhormat bagi Seputeh juga telah sebut tentang akta ini bolehkah melibatkan kanak-kanak yang lahir di luar negeri, kedua bagaimanakah kanak-kanak

dari luar negeri boleh dijadikan anak angkat. Akta ini boleh melibatkan kanak-kanak yang lahir di luar negeri sekiranya mahkamah berpuas hati dengan kehendak undang-undang yang ditetapkan di bawah akta ini telah dipenuhi. Bagi soalan kedua, mengikut proses permohonan sedia ada.

Yang Berhormat bagi Seputeh juga telah menyebut tentang ramai ibu tunggal tidak rela anak mereka dijadikan anak angkat, adakah Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat menyediakan satu mekanisme dalam memastikan ibu angkat itu layak dan mampu untuk menjadi ibu atau bapa angkat. Setiap permohonan untuk anak angkat akan disiasat dengan teliti terutamanya daripada segi kelayakan dan kemampuan ibu bapa angkat itu.

Saya sekali lagi mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan ini dan jika ada apa-apa tertinggal, kementerian saya akan mengambil kira dan segala pandangan dan nasihat juga akan diambil kira untuk menentukan rang undang-undang ini adalah satu rang undang-undang yang benar-benar boleh digunakan oleh semua lapisan masyarakat.

Sekian terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalah ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*]

**Fasal 1 hingga 6 -**

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat bagi Tanjong.

**Tuan Chow Kon Yeow:** Tuan Pengerusi, cuma satu penjelasan lagi. Saya ingin mendapat tahu sama ada kementerian bercadang untuk membenarkan ibu bapa angkat yang mempunyai sijil lama kepada anak angkat itu untuk membaharui dengan sijil yang baru yang akan menyembunyikan identiti anak-anak angkat mereka. Sekian.

**Dato' S. Veerasingam:** Tuan Pengerusi, semua ibu bapa angkat yang ada sijil-sijil lama, sijil-sijil anak angkat itu boleh membaharuinya dengan bayaran fees yang akan dikenakan.

**Tuan Pengerusi:** Ya Yang Berhormat bagi Batang Lular.

**Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Pindaan seksyen 25A (9) ini adalah satu peruntukan yang *preside* dan semua benda-benda yang disebut dalam ini, yang carian dibolehkan mencari iaitu apa yang saya sebutkan tadi kalau anak angkat yang hendak mengetahui siapa ibu,bapa yang asal dan hendak melihat certificate registration asal dia, dia boleh membuat carian, begitu maklumat daripada Setiausaha Parlimen. Tetapi dalam undang-undang ini dia *very preside*. Apa yang dikatakan Register of Birth Certificates ini adalah Birth Certificate di bawah undang-undang ini, bukan Birth Certificate di bawah Undang-undang Pendaftaran Mati 1957. Jadi, kalau ini di *challenge* di mahkamah, saya mempunyai kepercayaan dia tidak akan berjaya mendapat certificate ini melainkan dipinda semula.

**Dato' S. Veerasingam:** Tuan Pengerusi, apa yang saya sebutkan tadi adalah untuk Sijil Kelahiran biasa di mana apabila jika mereka tidak melakukan pendaftaran pada masa yang tertentu mereka perlu membuat, dengan izin, late registration. Bagi masalah ini, carian adalah untuk mendapatkan sijil angkat yang baru jika sijil lama sudah hilang. Tetapi jika seorang anak itu ingin mendapat tahu asal usulnya, beliau perlu meminta kebenaran daripada mahkamah untuk mendapatkan maklumat asal yang disimpan oleh Ketua Pengarah Pendaftar Negara dan atas perintah mahkamah ianya akan diberi butir-butir yang diperlukan oleh anak itu ataupun ibu bapa angkat tersebut.

**Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Tuan Pengerusi, saya masih teruskan soalan ini kerana undang-undang kita ini, kita melihat society kita semakin sofisticated. Jadi mungkin ada orang yang tidak hendak anak ini mengetahui asal usulnya. Jadi kalau dilihat dari the third corners of this law, dengan izin, kita tidak ada mekanisme langsung, itu yang saya tanya tadi. Mekanisme dia pergi ke mahkamah apa cara mahkamah sama ada originating samankah, originating motion kah, all this mekanisme tidak ada disebut di sini, itu yang saya sebut. Kita tidak boleh pergi ke Mahkamah Tinggi, "Yang Arif, saya mahu butiran ini". Yang Arif kata

“how do you move me”, mahkamah kata “you move me and I give you instruction”. Jadi undang-undang ini kena diselidik semula dan dilihat macam mana cara untuk dibuat. Terima kasih.

**Dato' S. Veerasingam:** Tuan Pengerusi, memang apabila dibawa ke mahkamah mereka sebut di bawah Akta ini dan mengikut kebiasaannya melalui seorang peguam membawa perkara ini ke mahkamah dan mahkamah akan memberi keputusan daripada apa yang beliau pohon itu. Daripada Akta ini yang memberi kuasa kepada anak itu, ibu bapa angkat itu untuk mendapatkan maklumat itu. Terima kasih.

**Puan Chew Mei Fun:** Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya difahamkan nombor rujukan yang tercatat pada Sijil Kelahiran dapat mengenal pasti pengangkatan seseorang anak angkat. Oleh itu adakah kementerian akan pertimbangkan cadangan saya supaya peruntukan ini diubah suai supaya membenarkan anak angkat dewasa yang berumur 21 tahun dan ke atas untuk memeriksa indeks daftar anak angkat tanpa syarat atau perintah mahkamah. Terima kasih.

**Dato' S. Veerasingam:** Tuan Pengerusi, ini adalah satu soalan yang saya telah jawab tadi, iaitu ini adalah terpulang bu bapa angkat dengan anak angkat sendiri. Adakah mereka berhasrat untuk memberitahu kepada anak atau tidak. Ini juga pegawai-pegawai saya akan memberi kaunseling kepada ibu bapa berkenaan supaya elok jika diberitahu pada satu masa yang tertentu kepada anak-anak yang berkenaan mengatakan mereka ialah anak angkat. Tetapi ini terpulang kepada ibu bapa dan antara anak itu, kita tidak boleh memaksa melalui undang-undang.

Kalau kita paksa katakan bila dia genap 21 tahun kita perlu memberitahu anak ini, barangkali ibu bapa tidak memberitahu apa-apa. Setelah sampai umur 21 tahun kita panggil dia dan menyatakan awak adalah seorang yang dibuang dalam tong sampah dan saya telah memelihara. Ini adalah satu perbuatan yang tidak boleh dilakukan. Kalau ada ibu bapa yang mereka ketahui siapa ibu bapa mereka itu biasanya ibu bapa angkat boleh memberitahu kepada anak dia, saya telah mengambil awak sebagai anak angkat, ibu bapa ada di sini dan jika awak hendak melawat mereka boleh, itu terpulang kepada ibu bapa angkat dan juga anak angkat sendiri.

**Tuan Pengerusi:** Ya.

**Puan Chew Mei Fun:** Terima kasih, Tuan Pengerusi. Tetapi saya tidak boleh menerima apa yang telah dijawab oleh Setiausaha Parlimen, kerana ini tidak selaras dengan hak asasi anak-anak angkat yang berkenaan. Saya percaya kalau kita hormat hak asasi seseorang kita mesti membenarkan dia untuk mendapatkan maklumat sendiri. Terima kasih.

**Dato' S. Veerasingam:** Tuan Pengerusi, hak asasi seseorang itu, anak adalah kita menentukan, kita menjaga dia dengan baik. Jika ada seorang ibu bapa yang tidak bertanggungjawab, sanggup membuang dia ke dalam tong sampah, anak itu tidak perlu tahu siapa ibu bapa dia. Kalau dia tahu ibu bapanya nanti dia barangkali pergi marah ibu bapa. Jadi, apa yang lain-lain adalah seperti yang saya sebut antara ibu bapa dan anak angkat sendiri.

**Tuan Pengerusi:** Fasal 1 hingga 6diperintah menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang. Ya, sila Yang Berhormat bagi Machang.

**Tuan Mohd. Yusoff bin Mohd. Nor:** Tuan Pengerusi, saya tengok Rang Undang-undang ini sebenarnya banyak mengira interest ataupun menjaga kepentingan bapa angkat tetapi kurang menjaga kepentingan anak yang diangkat itu. Jadi, saya puas mencari dalam akta ini sama ada ada peruntukan untuk membatalkan certificate yang dikeluarkan di bawah Rang Undang-undang atau Akta ini. Kadang-kadang saya rasa peruntukan itu perlu diadakan.

Takdirnyalah kita kata dalam satu keadaan di mana ada sindiket anak angkat seperti yang kita tengok dalam surat khabar yang anak dicuri kemudian dijual mengikut prosedur anak angkat. Kemudian parent atau ibu bapa sebenarnya bagi anak-anak itu didapati kemudian anak itu telah dicuri dan dibuat anak angkat mengikut prosedur. Jadi cara macam mana untuk kita bapa sebenar itu membatalkan sijil beranak yang dikeluarkan di bawah akta ini. Saya tidak nampak caranya oleh kerana mungkin apabila dibuat sijil pendaftaran kelahiran yang baru ini, sijil yang lama dibatalkan dan tidak dapat dikesan lagi. Jadi, saya hendak minta penjelasan daripada Setiausaha Parlimen.

**Dato' S. Veerasingam:** Tuan Pengerusi, saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat yang berkenaan. Sebenarnya semua kes seperti ini jika



sesuatu sijil dipalsukan, ini adalah perkara di mana yang membuatnya yang memalsukan itu, the false information, dengan izin. Jadi tindakan mahkamah boleh diambil ke atas sindiket ataupun pihak-pihak yang berkenaan berkaitan dengan hal ini.

Perkara seperti ini pernah berlaku. Ada kes-kes satu, dua tahun yang dahulu di mana ada bapa angkat sudah mengambil seorang anak dengan cara ini tetapi dengan sijil anak angkat mereka sudah mengangkat anak tersebut. Tetapi ibu bapa sebenar telah mengesan dan telah membawa perkara ini ke mahkamah.

Selepas mengambil kira genetik semua itu dengan cara memastikan daripada darah siapakah ibu bapa kandung sebenar dan mendapat tahu anak ini telah diculik dan dijual. Maka mahkamah membuat keputusan anak ini perlu diberi balik kepada ibu bapa kandung dan telah membatalkan semua perkara berkaitan dengan anak angkat ini. Di sini kedua-dua ibu bapa berkenaan telah berjanji supaya apabila ibu bapa kandung mengangkat, ibu bapa kandung juga boleh melawat anak ini. Ini adalah luar daripada perkara dalam Rang Undang-undang ini, kalau ada perkara yang berlaku macam ini mereka boleh pergi ke mahkamah kerana orang yang mendapatkan anak itu telah menggunakan perkara-perkara yang tidak benar dengan memberi maklumat-maklumat yang salah. Apabila memberi maklumat-maklumat yang salah dan mendapat sesuatu, ianya tidak sah.

**Fasal 1 hingga 6** diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

## **RANG UNDANG-UNDANG KEWANGAN (NO.2) 2000**

### **Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

**4.15 ptg.**

**Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Chan Kong Choy]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan suatu akta untuk meminda Akta Cukai Pendapatan

1967, Akta Petroleum (Cukai Pendapatan) 1967, Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah 1976 dan Akta Setem 1949 dibaca kali ke dua sekarang.

**Tuan Yang di-Pertua:** Baiklah.

**Dato' Chan Kong Choy:** Tuan Yang di-Pertua, rang undang-undang ini adalah bertujuan untuk meminda Akta Cukai Pendapatan 1967 (Akta 53), Akta Petroleum (Cukai Pendapatan) 1967 – (Akta 543), Akta Keuntungan Harta Tanah 1976 – (Akta 169) dan Akta Setem 1949 – (Akta 378) bagi membolehkan pelaksanaan langkah percukaian yang diumumkan dalam Belanjawan 2001 dan juga bagi melaksanakan keputusan-keputusan kerajaan yang telah dibuat sebelum ini yang bertujuan memperkemaskan akta-akta ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya memohon untuk menghuraikan setiap fasal di dalam rang undang-undang ini. Rang undang-undang ini mempunyai 48 fasal yang dibahagikan kepada lima bab.

Bab I - Permulaan. Dalam bab permulaan terdapat dua fasal iaitu, mengenai tajuk ringkas dan akta yang dipinda.

Bab II, pindaan kepada Akta Cukai Pendapatan 1967. Bab II ini terdiri daripada 25 fasal iaitu, fasal-fasal 3 hingga 27 yang bertujuan untuk meminda Akta Cukai Pendapatan 1967 seperti berikut.

Fasal 3 menyatakan kecuali fasal 15, kesemua pindaan kepada Akta Cukai Pendapatan 1967 akan berkuat kuasa mulai tahun taksiran 2001.

Fasal 15 yang mewujudkan seksyen 60A berkaitan layanan cukai syarikat Takaful, disifatkan sebagai telah berkuat kuasa bagi tahun taksiran 1986 dan tahun-tahun taksiran berikutnya.

Fasal 4 adalah pindaan kepada subseksyen 2(1) berbangkit daripada pindaan ke atas seksyen 45A yang memberi pelepasan kepada suami.

Fasal 5 adalah pindaan kepada seksyen 6A untuk menaikkan kadar rebat kepada seorang individu dan isteri kepada RM350 masing-masing jika pendapatan tercukainya tidak melebihi RM35,000. Sebelum ini rebat yang dibenarkan kepada individu dan isteri masing-masing adalah sebanyak RM110 dan RM60 dengan syarat pendapatan tercukainya tidak melebihi RM10,000.

Fasal 6 adalah pindaan kepada seksyen 34(6)(h) bagi membenarkan potongan ke atas sumbangan yang diberi oleh sektor swasta kepada projek pembudayaan ICT, *Information Communication Technology*, dengan izin. Seksyen 34(6) juga dipinda bagi memasukkan subseksyen baru 34(6)(l) dan (m) bagi membenarkan potongan cukai ke atas perbelanjaan syarikat yang dibuat untuk tujuan pemberian biasiswa kepada pelajar sepenuh masa di peringkat ijazah lanjutan di institusi pengajian tempatan dan perbelanjaan yang mendapat pengiktirafan berhubung dengan sistem *standard* kualiti, persijilan halal dan akreditasi.

Fasal 7 adalah pindaan kepada seksyen 39 bagi menyelaraskan takrifan kenderaan komersial dengan peruntukan dalam Akta Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan 1987 dan Akta Pelesenan Kenderaan Pelancongan 1999.

Fasal 8 adalah pindaan kepada seksyen 44(6) untuk memperluaskan definisi organisasi atau institusi amal yang layak mendapat pengecualian cukai iaitu, meliputi pertubuhan bagi membudayakan ICT dan tabung atau akaun bagi membiayai rawatan penyakit serius. Pindaan ini juga melonggarkan syarat kelulusan di mana organisasi itu sekarang dibenarkan untuk terlibat dalam perniagaan dan juga dalam aktiviti-aktiviti luar negara.

Fasal 9 adalah pindaan kepada seksyen 45 berbangkit daripada pewujudan seksyen 45A berkaitan pemberian pelepasan kepada suami. Ia membolehkan suami yang tidak mempunyai pendapatan bercukai memilih untuk ditaksirkan bersama pendapatan isterinya.

Fasal 10 adalah pindaan kepada seksyen 45 dengan memasukkan subseksyen 45A bagi membolehkan si isteri yang suaminya memilih untuk ditaksirkan bersama di atas nama isteri diberi pelepasan suami sebanyak RM3,000 serta lain-lain pelepasan dan potongan yang dibenarkan kepada suami jika isteri memilih taksiran bersama suami.

Fasal 11 adalah pindaan kepada seksyen 46 seperti berikut:

- (a) Pindaan kepada subseksyen 46(1) (d) dan (g) serta mewujudkan subseksyen baru 46(3) adalah pindaan berbangkit daripada pewujudan seksyen 45A yang memberi pelepasan suami. Pindaan bagi seksyen 46(1)(h) adalah untuk

menganggap perbelanjaan oleh suami yang tidak ada pendapatan ke atas alat sokongan dan ke atas rawatan penyakit serius untuk dirinya, isteri atau keluarganya, sebagai dibelanja oleh isteri bagi membolehkan isteri mendapat pelepasan bagi perbelanjaan tersebut. Pada masa ini, perbelanjaan isteri telah pun dianggap sebagai perbelanjaan suami.

- (b) Pewujudan subseksyen baru 46(3) juga akan memberi layanan yang sama dalam kes suami yang ada pendapatan tetapi memilih untuk ditaksir bersama atas nama isteri.
- (c) Pindaan kepada subseksyen 46(1)(f) adalah bagi menambah pelepasan individu ke atas bayaran yuran pengajian daripada RM2,000 kepada RM5,000 setahun dan juga meluaskan tahap pengajian sehingga ke peringkat ijazah lanjutan dan skop pengajian kepada bidang sains dan teknologi.
- (d) Mewujudkan subseksyen 46(1)(h) bagi tujuan memberi pelepasan individu ke atas perbelanjaan pemeriksaan kesihatan sebanyak RM500, tetapi tertakluk kepada jumlah pelepasan untuk rawatan penyakit serius sebanyak RM5,000. Subseksyen ini memperuntukkan perbelanjaan suami sebagai perbelanjaan isteri bagi kes taksiran dibuat atas nama isteri dan sebaliknya perbelanjaan isteri dianggap sebagai perbelanjaan suami.
- (e) Mewujudkan subseksyen 46(1)(i) bagi memberi pelepasan individu ke atas perbelanjaan membeli buku sehingga RM500 serta peruntukan untuk menganggap perbelanjaan suami sebagai perbelanjaan isteri dan sebaliknya.

Fasal 12 adalah pindaan kepada seksyen 49 bagi menjelaskan bahawa pelepasan maksimum yang boleh dituntut ke atas perbelanjaan yang dilakukan oleh pembayar cukai lelaki atau wanita bagi tujuan caruman KWSP dan insurans hayat ialah RM5,000. Pembelian insurans pendidikan dan kesihatan RM3,000 dan pembelian anuiti di bawah skim yang ditentukan oleh KWSP ialah RM1,000.

Fasal 13 adalah pindaan kepada seksyen 50, berbangkit daripada pewujudan seksyen 45A di mana suami yang memilih untuk ditaksir bersama isteri dan tidak mempunyai jumlah pendapatan pembelian insurans premium hayat, premium perubatan dan pelajaran serta skim anuiti di bawah KWSP atas nama suami disifatkan dilakukan oleh isteri.

Fasal 14 adalah pindaan kepada seksyen 60 bagi membolehkan penggunaan formula yang lebih tepat untuk mengira rizab risiko belum habis tempoh, *unexpired risk*, dengan izin, bagi syarikat insurans am iaitu, seperti yang dibenarkan dalam garis panduan Bank Negara Malaysia atau lain-lain pihak berkuasa kawal selia industri insurans.

Fasal 15 adalah pewujudan seksyen baru 60A bagi membenarkan perbelanjaan pengurusan syarikat insurans takaful sebagai potongan cukai.

Fasal 16 adalah pindaan kepada seksyen 103, juga berbangkit daripada pewujudan seksyen 45A, ia bertujuan untuk memperluaskan peruntukan sedia ada bagi membolehkan bahagian cukai suami yang memilih untuk ditaksirkan bersama atas nama isteri, dipungut daripada suami. Pindaan seksyen ini juga memudahkan formula bagi pengiraan bahagian cukai suami dan isteri di atas.

Fasal 17 adalah pindaan kepada seksyen 110, adalah berbangkit daripada pewujudan seksyen 45A( bagi memperuntukkan keadaan di mana suami memilih untuk ditaksir bersama isteri. Suami juga akan mendapat tolakan cukai yang telah dibayar ke atas dividen yang diterima oleh suami.

Fasal 18 adalah pindaan kepada seksyen 127 bagi membolehkan seksyen 127A diwujudkan.

Fasal 19 adalah mewujudkan seksyen 127A bagi memberhentikan pengecualian cukai yang diberikan di bawah Ordinan Cukai Pendapatan 1947 yang telah dimansuhkan. Dengan pemansuhan itu, hanya organisasi yang tersenarai di bawah Jadual 6, Akta Cukai Pendapatan 1967 akan menikmati pengecualian cukai.

Fasal 20 adalah pindaan kepada seksyen 128, berbangkit daripada pewujudan seksyen 45A yang memberikan pelepasan suami. Pindaan ini membolehkan rumah kediaman milik suami disifatkan sebagai milik isteri untuk maksud pengecualian

sebuah rumah kediaman yang diduduki jika suami memilih taksiran bersama atas nama isteri.

Fasal 21 adalah bagi mewujudkan seksyen 129A yang baru yang memberi kuasa kepada menteri untuk membenarkan lain-lain jenis pelepasan berhubung dengan perbelanjaan, kerugian dan elaun modal dalam pengiraan pendapatan bercukai bagi membolehkan galakan cukai seperti pakej galakan istimewa dan galakan untuk pelabur industri bahan makanan dilaksanakan.

Fasal 22 adalah pindaan kepada seksyen 130 berkaitan dengan pemberian pelepasan kepada individu bukan pemastautin berbangkit daripada pewujudan seksyen 45A dan B bagi membolehkan suami ditaksir bersama isteri.

Fasal 23 adalah pindaan kecil kepada seksyen 156 yang berbangkit daripada pengenalan peruntukan baru seksyen 127A.

Fasal 24 adalah pindaan kepada perenggan dua, Jadual 3 bagi menaikkan kelayakan elaun modal kepada RM100,000 bagi pembelian kereta baru yang bernilai tidak melebihi RM150,000. Maksud kereta adalah kereta yang tidak dilesenkan sebagai kenderaan komersial.

Fasal 25 adalah pindaan kepada Jadual C bagi melanjutkan tempoh permohonan untuk *group relief*, dengan izin, bagi mengeluarkan makanan sehingga tahun 2003 dan melonggarkan syarat kelayakan. Pindaan ini juga adalah untuk memberi kuasa kepada menteri bagi menentukan projek-projek pertanian yang diluluskan.

Fasal 26 adalah pindaan kepada perenggan 13, Jadual 6 berbangkit daripada pindaan seksyen 44(6) yang menetapkan kelulusan secara automatik bagi institusi di bawah perenggan ini jika ianya mendapat kelulusan di bawah seksyen 44(6).

Fasal 27 adalah peruntukan khas berkaitan pindaan kepada perenggan 13, Jadual 6 bagi memberi tempoh sehingga 2003 kepada institusi atau organisasi untuk memohon semula kelulusan di bawah seksyen 44(6).

Bab III pindaan kepada Akta Petroleum (Cukai Pendapatan) 1967. Bab III terdiri daripada 10 Fasal iaitu, Fasal-fasal 28 hingga 37 yang bertujuan untuk meminta Akta Petroleum Cukai Pendapatan 1967 seperti berikut:-

[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Muhamad bin Abdullah)  
*mempengerusikan Mesyuarat*]

Fasal 28 adalah bagi menyatakan tarikh kuat kuasa bagi pindaan yang dibuatkan atas akta ini di mana pindaan-pindaan seperti di fasal-fasal 29,30,31 dan 36 akan berkuat kuasa dari taksiran 2001. Sementara pindaan-pindaan seperti di fasal-fasal 32, 33,34,35 dan 37 pula akan berkuat kuasa mulai 1 Januari, 2001.

Fasal 29 adalah pindaan kepada seksyen 16 seperti berikut:-

- (i) Subseksyen 16(7B) dipinda berikutan daripada pindaan kepada Akta Cukai Pendapatan 1967 yang meluaskan skop potongan cukai untuk meliputi projek-projek ICT yang disumbang oleh syarikat-syarikat yang tertakluk kepada Akta Petroleum (Cukai Pendapatan) atau dalam ringkas PITA 1967.
- (ii) Subseksyen 16(7F) yang baru diwujudkan berikutan bagi membenarkan potongan kepada syarikat yang memberi biasiswa kepada pelajar bagi mengikuti pengajian sepenuh masa sehingga ke peringkat ijazah lanjutan di institusi pengajian tinggi tempatan dan
- (iii) Subseksyen 16(7G) diwujudkan bagi membenarkan potongan kepada syarikat ke atas perbelanjaan bagi mendapatkan pengiktirafan berhubung dengan sistem piawaian kualiti sijil halal dan akreditasi

Fasal 30 adalah pindaan kepada Seksyen 18 bagi menyelaraskan takrif kenderaan komersial dengan peruntukan dalam Akta Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan 1987 dan Akta Pelesenan Kenderaan Pelancongan 1999.

Fasal 31 adalah pindaan kepada Seksyen 22(1) bagi menyelaraskan dengan pindaan Seksyen 44(6) Akta Cukai Pendapatan 1967 yang hanya membenarkan derma kepada institusi atau organisasi yang diluluskan oleh Ketua Pengarah tidak melebihi 5% daripada pendapatan yang ditaksirkan.

Fasal 32 adalah bagi mewujudkan Seksyen 33(1A) selaras dengan perlaksanaan sistem taksir sendiri di mana Seksyen 80 Akta Cukai Pendapatan 1967 telah dipinda bagi memudahkan Ketua Pengarah atau pegawai yang diberi kuasa

olehnya untuk menjalankan tugasnya secara berkesan dengan menghendaki penghuni rumah, bangunan atau tuan tanah memberi bantuan yang munasabah kepada pegawai tersebut untuk memasuki harta berkeajaan.

Fasal 33 adalah pindaan kepada Seksyen 45 ekoran daripada pengenalan Seksyen 101 Akta Cukai Pendapatan 1967 yang menetapkan supaya Ketua Pengarah Lembaga Hasil Dalam Negeri menyemak semula taksiran kes-kes rayuan dalam tempoh 12 bulan dari tarikh rayuan.

Fasal 34 adalah pindaan kepada Seksyen 46 ekoran daripada pindaan kepada Seksyen 102 Akta Cukai Pendapatan 1967 yang menetapkan tempoh masa selama 12 bulan atau satu masa lanjutan yang diluluskan oleh Menteri Kewangan yang tidak melebihi enam bulan bagi Ketua Pengarah Lembaga Hasil Dalam Negeri mengemukakan rayuan pembayar cukai kepada Pesuruhjaya Khas Cukai Pendapatan.

Fasal 35 adalah pindaan kepada Seksyen 54 ekoran daripada pengenalan Seksyen 33(1A) bagi membolehkan tindakan mahkamah diambil ke atas penghuni sesebuah bangunan yang tidak memberi bantuan atau kemudahan sewajarnya kepada Ketua Pengarah Lembaga Hasil Dalam Negeri atau orang yang diberi kuasa olehnya.

Fasal 36 adalah pindaan kepada perenggan dua, Jadual Kedua berikutan daripada pindaan kepada perenggan dua, Jadual Tiga Akta Cukai Pendapatan yang menaikkan kadar elaun modal kepada RM100,000 bagi pembelian kereta baru yang bernilai tidak melebihi RM150,000 yang tidak dilesenkan sebagai kenderaan komersial.

Fasal 37 adalah pindaan kepada Jadual Ketiga seperti berikut:-

- (i) Perenggan 37A dipinda bagi membolehkan Pesuruhjaya Khas Cukai Pendapatan menerima pakai amalan Mahkamah Rendah atau Mahkamah Tinggi bila perlu selaras dengan pengenalan perenggan 42A Jadual Lima Akta Cukai Pendapatan 1967 dan
- (ii) perenggan 40 dipinda ekoran daripada pindaan kepada Akta Mahkamah Kehakiman 1964 di mana Mahkamah Agung digantikan dengan Mahkamah Rayuan dan Mahkamah Persekutuan.



Bab IV pindaan kepada Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah 1976. Bab IV hanya mempunyai dua Fasal iaitu, Fasal 38 dan 39 yang bertujuan untuk meminda Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah 1976 seperti berikut:-

Fasal 38 adalah bagi menyatakan tarikh kuat kuasa bagi pindaan yang dibuat ke atas akta ini di mana pindaan seperti di Fasal 39 akan mula berkuat kuasa pada 1 Januari, 2001 .

Fasal 39 adalah pindaan kepada Seksyen 18 bagi menetapkan tempoh 12 bulan untuk mengemukakan rayuan kepada Pesuruhjaya Khas Cukai Pendapatan selaras dengan pengenalan Seksyen 101 Akta Cukai Pendapatan 1967.

Bab V pindaan kepada Akta Setem 1949. Bab V mempunyai sembilan Fasal iaitu, fasal-fasal 40 hingga 48 yang bertujuan untuk meminda Akta Setem 1949 seperti berikut.

Fasal 40 adalah bagi menyatakan tarikh kuat kuasa bagi pindaan-pindaan yang dibuat ke atas akta ini di mana kesemua pindaan mula berkuat kuasa pada 1 Januari, 2001.

Fasal 41 adalah pindaan kepada Seksyen 2 bagi mengguna pakai istilah yang selaras dengan pindaan yang dibuat dalam Akta Perindustrian Sekuriti 1983.

Fasal 42 adalah pindaan kepada Seksyen 7 bagi membolehkan pindaan kepada Jadual kedua dibuat melalui perintah yang dibuat oleh Menteri tanpa memindah akta bagi membolehkan setem dimatikan oleh orang-orang tertentu yang diluluskan.

Fasal 43 adalah pindaan kepada Seksyen 9 untuk memendekkan tempoh membayar duti secara kompaun kepada kerajaan daripada tiga bulan kepada satu bulan dan permohonan syarikat untuk membayar secara kompaun diluluskan oleh Ketua Pengarah Lembaga Hasil Dalam Negeri bagi memudahkan pentadbiran.

Fasal 44 adalah bagi mewujudkan peruntukan khas untuk membolehkan mana-mana permohonan yang telah diterima sebelum 28 Oktober, 2000 berhubung dengan kebenaran mengutip duti diuruskan mengikut Seksyen 9 yang dicadangkan.

Fasal 45 adalah bagi meminda istilah stockbroker di bawah Seksyen 32A untuk diselaraskan dengan pindaan dalam Akta Perindustrian Sekuriti 1983 yang telah membatalkan penggunaan perkataan stockbroker

Fasal 46 adalah pindaan kepada Seksyen 47A(1) bagi mengurangkan beban penalti kelewatan membayar duti setem daripada RM25.00 atau dua kali ganda dalam semua keadaan kepada penalti yang berasaskan tempoh kelewatan.

Fasal 47 adalah bagi mengekalkan Seksyen 80 khusus untuk me *remit*kan duti dan bukannya penalti dan fasal 48 adalah pindaan kepada Jadual Pertama seperti berikut:

- (a) kadar duti setem diseragamkan pada kadar tetap sebanyak RM10;
- (b) butiran baru dimasukkan untuk memudahkan urusan disetamkan bagi dokumen perjanjian pinjaman pelajaran; dan
- (c) butiran 32(b) dipinda dengan menambahkan ungkapan ‘yang mana lebih tinggi’ untuk menjelaskan pengenalan duti setem ke atas instrumen pindah milik syer atau sekuriti yang dipasarkan adalah berdasarkan kepada harga jualan atau nilai pasaran aset mengikut yang mana lebih tinggi.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Timbalan Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia [Datuk Tan Chai Ho]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Cukai Pendapatan 1967, Akta Petroleum (Cukai Pendapatan) 1967, Akta Keuntungan Harta Tanah 1976 dan Akta Setem 1949 dibacakan kali yang kedua dan terbuka untuk dibahaskan. Saya bagi Kinabatangan dahulu.

**4.42 ptg.**

**Tuan Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan syabas kepada kerajaan melalui Kementerian Kewangan kerana keprihatinannya kepada individu di negara ini dan strategi kerajaan untuk mempertingkatkan usaha untuk mencetus pertumbuhan ekonomi negara walaupun perkara ini bukanlah suatu yang mudah bagi kerajaan

untuk terus meningkatkan ekonomi negara dalam sekitaran yang *hostile*, dengan izin, dalam negara dan luar negara.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin merujuk kepada pindaan Seksyen 34, Akta 53 iaitu memperluaskan skop potongan cukai bagi perbelanjaan yang berkaitan dengan teknologi komunikasi dan maklumat. Iaitu pemberian biasiswa kepada pelajar untuk mana-mana kursus Diploma, Sarjana Muda hinggalah ke Ph.D. Saya cuma ingin memohon penjelasan daripada kementerian ini dan juga kerajaan sama ada terdapat senarai IPTS yang diiktiraf oleh kerajaan atau mengikut kebijaksanaan pegawai atau Menteri atau mengikut Kementerian Pendidikan. Misalnya universiti di Taiwan, Korea atau di Filipina. Jika terhad senarai ini, saya ingin cadangkan supaya dikaji semula kerana pusat pengajian tinggi di dunia ini pada hari ini sudah banyak berubah. Selepas teknologi komunikasi dan maklumat mula menjadi elemen yang penting dalam kehidupan kita dan kehidupan dunia se harian.

Kedua, pindaan terhadap Seksyen 44, subseksyen (6) dan (7) dalam Akta 53. Kemasukan tiga lagi butiran dalam Seksyen 44 subseksyen (7) dan perwujudan subseksyen (7A) dan (7B) menunjukkan penekanan kerajaan terhadap fenomena NGO di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, kita semua sedar bahawa peranan NGO di negara kita telah memperlihatkan kepada masyarakat akan keterampilan badan ini untuk membantu masyarakat yang tidak berkemampuan. Justeru itu insentif-insentif perlu diberikan kepada badan-badan bukan kerajaan ini. Potongan cukai terhadap pemberian wang kepada individu yang tidak berkemampuan yang memerlukan rawatan perubatan, penyakit serius amatlah *touching*, dengan izin, dan ini boleh membantu masyarakat penyayang. Aktiviti ini tidak mengira kaum dan akan membantu dalam menyatupadukan kaum. Saya hanya ingin meminta kerajaan supaya meningkatkan pemantauan terhadap aktiviti ini supaya tidak disalah guna atau diselewengkan. Saya ingin mencadangkan supaya tabung ini akan sentiasa diurus dan diketuai oleh seorang yang bersih, amah dan jika boleh dilantik dan disenaraikan oleh kerajaan.

Saya ingin merekodkan penghargaan kepada semua pihak akhbar dalam perkara ini yang telah menyelamatkan atau membolehkan rakyat kita yang kurang

berkeupayaan hidup dalam kehidupan yang lebih selesa dan normal. Saya harap pihak akhbar akan terus memberi sokongan dan memainkan peranan yang penting kepada individu yang kurang berkemampuan dan seterusnya mewujudkan masyarakat penyayang, bersatu padu, aman dan damai.

Tuan Yang di-Pertua, berkaitan dengan bantuan kepada organisasi ini, saya mohon kepada kementerian supaya memberi lebih kelonggaran terhadap pemberian potongan cukai kepada organisasi ini.

**Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Bung, boleh tanya?

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, ya. Batang Lupar minta penjelasan. Sila.

**Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Saya minat dengan pembahasan yang dibuat oleh Yang Berhormat bagi Kinabatangan berhubung dengan peranan akhbar. Adakah Yang Berhormat setuju kalau pihak-pihak media sama ada media cetak ataupun media elektronik membuat penyelidikan dan membuat laporan, khabaran dan sebagainya, di mana-mana sahaja orang ternampak perlu bantuan dan pertolongan dikeluarkan dalam surat khabar, dikeluarkan dalam televisyen supaya memberi maklumat kepada masyarakat umum untuk memberi bantuan yang sepatutnya, bagaimana Yang Berhormat?

**Tuan Bung Moktar bin Radin:** Terima kasih, Yang Berhormat bagi Batang Lupar. Persoalan ini sebetulnya memang kalau seboleh-bolehnya bukan sahaja pihak akhbar bahkan kalau boleh seluruh masyarakat di Malaysia ini agar lebih prihatin. Kerana dengan adanya komitmen, dengan adanya kesungguhan kita untuk mempertontonkan masalah-masalah yang dihadapi oleh masyarakat kita yang tidak berkemampuan, yang tidak berupaya, rasa saya ianya akan lebih memberi penumpuan kepada institusi masyarakat Malaysia itu sendiri.

Dan kita juga berterima kasih kepada media elektronik seperti TV3, RTM kerana selalu memaparkan, mempertontonkan kepada kita masalah-masalah, rentetan-rentetan dari masa ke semasa. Jadi, saya bersetuju dengan Batang Lupar supaya perkara ini, media masa perlu memainkan peranan yang lebih penting lagi untuk memastikan bahawa kita adalah tergolong daripada masyarakat penyayang dalam negara kita.

Terlalu sukar mendapat kelulusan untuk insentif ini maka banyak organisasi sukar mendapat tajaan atau bantuan kewangan. Saya cadangkan kerajaan dan Kementerian Kewangan bersatu untuk menyasarkan 10% penambahan bilangan organisasi yang diberi insentif ini supaya pendapatan ini tidak akan merugikan kerajaan. Saya berpendapat ini tidak akan merugikan kerajaan kerana wang ini juga akan dibelanjakan dan si pelaksana atau pembekal akan juga membayar cukai.

Ketiga, pindaan Seksyen 45 Akta 53. Akta ini digubal lebih kurang 33 tahun iaitu 1967 dan sudah tentu banyak yang tidak relevan lagi dan perlu ditukar ganti mengikut keadaan semasa. Dahulu pada hematnya si suami sahaja yang bekerja dan isteri menjaga anak di rumah tetapi dalam keadaan dunia hari ini, berlainan dan tentunya berbeza. Kadang-kadang isteri yang bekerja, si suami jaga anak [*Ketawa*] Ini bukan lagi janggal bagi masyarakat kita di Malaysia, cuma satu perkara yang belum berlaku suami atau lelaki belum pula pernah melahirkan anak tetapi dia menjaga anak. [*Ketawa*] Ini gurau-gurau sahaja, banyak yang mengantuk saya tengok. [*Ketawa*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, ya.

**Tuan Bung Moktar bin Radin:** Oleh yang demikian, saya menyokong penuh langkah kerajaan ke arah *gender equality* tetapi biarlah *gender equality* ini mengikut interpretasi kita sendiri, dengan kebudayaan, kepercayaan nilai-nilai dan latar belakang kita sendiri iaitu latar belakang ala Malaysia.

Kita harus ada keyakinan bahawa kita boleh, Malaysia boleh dan kita boleh menjayakan *gender equality* berlandaskan keperluan-keperluan dalam negara kita sendiri. Saya amat khuatir ....

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ada yang berdiri Yang Berhormat, Parit Sulong.

**Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, *gender equality* itu saya tertariklah kerana nama saya Ruhanie, kadang-kadang salah tafsir sebut nama sahaja, dia kata puan, kalau tengok orang baru dia panggil tuan. Tetapi dalam hal ini saya hendak bertanya soalan daripada Kinabatangan, adakah saudara sedar bahawa sekarang ini seolah-olah terdapat satu kebangkitan ataupun satu perancangan yang teliti di mana sesetengah golongan sedang berusaha untuk menggunakan soal *gender*

*equality* ini sebagai satu cara menimbulkan keadaan yang tidak stabil atau keresahan di kalangan sesetengah masyarakat tertentu. Terima kasih.

**Tuan Bung Moktar bin Radin:** Ya, terima kasih Parit Sulong. Sebenarnya, saya akan sampai ke tahap ini tetapi Yang Berhormat telah bertanya, jadi memang ini kalau kita tidak awasi justeru itu saya tekankan bahawa *gender equality* ini biarlah berlandaskan kefahaman ala Malaysia kerana terlalu ada ekstremis dalam soal-soal ini dan boleh menyelewengkan kehendak dan tuntutan yang baik oleh kerajaan itu diselewengkan oleh kumpulan-kumpulan ini, khususnya parti pembangkang tidak dapat dinafikan. Mereka begitu sensitif terutama sekali DAP, mereka begitu sensitif dalam soal-soal ini dan boleh mengelirukan keadaan.

Saya sambung Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Silakan.

**Tuan Bung Moktar bin Radin:** Tuan Yang di-Pertua, saya amat khuatir dengan pendapat dan pendekatan beberapa pihak yang menginterpretasikan *gender equality* ini mengikut interpretasi Barat atau buku-buku yang ditulis oleh ekstremis.

Saya setuju bahawa *gender equality* ini berupa banyak lagi yang perlu diperbaiki dan perlu pengubahsuaian dan penyesuaian dalam *mind set* kita, dengan izin.

Proses ini mengambil masa dan langkah-langkah yang ekstrem hanya akan menghalang pihak kerajaan dan kementerian dan badan bukan kerajaan dan perlu ada pendekatan give and take, dengan izin, dalam soal ini dan bukan menuding jari ke arah ketidakpersamaan ini disebabkan oleh kebudayaan dan kepercayaan pada masa lampau.

Maka saya sokong satu langkah kerajaan untuk memberi keseimbangan antara *gender* ini dari segi cukai, saya mohon supaya langkah-langkah lain akan dipersetujui oleh kerajaan melalui HAWA dan juga badan-badan kerajaan termasuklah parti-parti politik bukan kerajaan iaitu DAP.

Akhir sekali, pindaan seksyen 46 Akta 53 peraturan mengenai pelepasan cukai individu untuk fee yang dibelanjakan bagi apa-apa kursus pengajian di Malaysia, bagi maksud memperolehi kemahiran teknikal, vokasional atau perindustrian yang

diperluaskan kepada kemahiran dan kelayakan, saintifik dan teknologi dan kursus di tahap pengajian tinggi dan ditambah dari RM2,000 kepada RM5,000.

Saya ingin tahu berapa ramaikah yang menggunakan insentif ini pada tahun sebelum ini dan apakah rasional dinaikkan ke RM5,000. Saya cadangkan supaya tidak ada had kerana kursus-kursus sekarang sudah lebih mahal dari RM5,000 terutama di IPTS.

Subseksyen (1) butiran (i) mengenai pembelian buku magazine, journal dan cetakan yang lain, adakah kerajaan mengambil langkah untuk memastikan butiran ini tidak disalahgunakan seperti resit palsu, adakah kerajaan menetapkan satu rangkaian stor buku yang dipilih untuk pembelian bahan-bahan cetakan ini.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, dengan ini saya menyokong.

**Dr. Tan Seng Giaw:** [*Bangun*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, Kepong, sila bangun betul. Ya Kepong, sebab Kepong bangun.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Saya beri Kubang Kerian.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Kepong terus tak dapat nampaknya. Ha, okay, tak apa. Kubang Kerian. Kepong tidak adalah, saya beri orang lain. Sila.

**4.55 ptg.**

**Tuan Husam bin Haji Musa [Kubang Kerian]:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Bis millah alhamdulillah wassalatu wassalamuala rasulullah.

Saya bacakan satu firman Tuhan [*membaca sepotong ayat al-Quran*] supaya kekayaan itu tidak beredar di kalangan orang-orang kaya di kalangan kamu semata-mata. Surah Al-Haj, ayat 7. Saya yakin bahawa Akta Percukaian, Akta Cukai Pendapatan 1967 yang kita bincangkan sekarang sebahagian daripada matlamat dan objektifnya ialah mengurangkan ketidaksamaan kekayaan.

Saya merujuk secara khusus kepada Fasal 21 iaitu bertujuan untuk memasukkan seksyen baru 129A ke dalam Akta 53 dan ini adalah satu seksyen yang baru yang sebelumnya tidak wujud dalam akta ini. Dengan seksyen baru ini, Menteri Kewangan dengan ini mempunyai kuasa yang sebelumnya beliau tidak mempunyai

apa-apa kuasa untuk memberikan apa-apa *relief*, memperuntukkan apa-apa *relief* berkaitan dengan layanan bagi perbelanjaan kerugian dan elaun modal dalam menentukan pendapatan bercukai.

Saya rasa ini adalah sangat penting kerana dengan seksyen ini Menteri Kewangan telah mendapat satu kuasa yang baru. Kita semua tahu bukan suatu rahsia umum lagi, Menteri Kewangan yang ada terlibat dalam perniagaan sebelum beliau menjawat jawatan Menteri Kewangan dan walaupun sekarang beliau telah menjawat jawatan Menteri Kewangan, urusan dan kepentingan perniagaan beliau telah diserahkan kepada keluarga beliau sama ada isteri-isteri beliau dan juga anak-anak beliau dan dengan adanya fasal ini, membolehkan pada hemat saya kemungkinan ianya akan disalahgunakan pada masa akan datang.

Oleh yang demikian, saya ingin mendapatkan penjelasan daripada kementerian ini, apakah perlunya fasal baru ini, seksyen baru ini dimasukkan ke dalam Akta yang sedia ada dan kenapa kah kementerian ini merasakan sekarang ini seksyen ini perlu dimasukkan. Ini adalah begitu penting kepada saya untuk mendapatkan penjelasan.

Saya akan memberikan satu contoh bagaimana akan wujudnya satu *conflicts of interest*, satu pertentangan kepentingan. Kita dapat tahu baru-baru ini Danamodal telah menjual, Danamodal kita tahu di bawah Kementerian Kewangan secara langsung yang telah menjual saham MBf Finance yang telah dibeli oleh Danamodal sebelum daripada ini dengan harga yang agak mahal iaitu lebih dari RM1 bilion dan telah dijual 60% daripada saham Danamodal dalam MBf Finance kepada Multi Purpose Bank dengan harga separuh daripada harga asal. Untuk 60% pegangan ini hanya dijual RM480 juta sedangkan harga pembelian asal oleh Danamodal ialah RM960 juta. Dengan pembelian penjualan separuh harga ini, kerajaan melalui Danamodal telah mengalami kerugian sekurang-kurangnya RM480 juta dalam sekelip mata.

Pembelian MBf Finance oleh Multi Purpose Bank daripada Danamodal dengan harga yang murah adalah satu mukadimah kepada satu exercise penyusunan semula Malaysian Plantations yang memiliki Multi Purpose Bank iaitu Multi Purpose Bank membeli saham-saham daripada Langkah Bahagia 89% daripada saham



International Malaysian Bank yang dahulunya bernama Hock Hwa Bank dimiliki oleh Langkah Bahagia. Langkah Bahagia dimiliki oleh isteri ketiga Yang Berhormat Menteri Kewangan.

Dengan pembelian ini, dengan penjualan saham Langkah Bahagia dalam International Malaysian Bank sebanyak 89% pegangan dan keseluruhan 100% daripada 89% ini dijual, membolehkan Langkah Bahagia memiliki saham dalam Malaysian Plantations Berhad dan pegangan secara tidak langsung Menteri Kewangan melalui pegangan keluarganya dalam Malaysian Plantations Berhad menjadi lebih besar apabila pegangan Maluri Sendirian Berhad, semua tahu, saya tidak perlu bacakan dalam Dewan ini siapakah pemilik Maluri Sendirian Berhad iaitu isteri yang pertama kepada Menteri Kewangan dan anak-anak beliau.

Pegangan dalam Maluri Sendirian Berhad dalam Bolton Finance juga telah dijual untuk membolehkan Maluri Sendirian Berhad ditukar dengan saham Malaysian Plantations, sekali lagi menjadikan kedua-dua pegangan Maluri Sendirian Berhad dan Langkah Bahagia dalam Malaysian Plantations menjadi sekitar 30% satu substantial stake ataupun shares dalam Malaysian Plantations.

Malaysian Plantation, untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, memiliki Multi-Purpose Bank Berhad dan memiliki Boltan Finance Berhad, memiliki Bumiputra Merchant Bank Berhad, memiliki MBf Finance Berhad, memiliki Sabah Bank Berhad, memiliki Sabah Finance Berhad, memiliki Amanah Merchant Bank Berhad secara langsung. Ini adalah pemilikan langsung Malaysian Plantation Berhad. Semalam semasa membahaskan pindaan Perlembagaan, saya telah menyentuh secara imbas lalu bahawa Malaysian Plantation Berhad juga adalah salah satu daripada empat syarikat utama yang diberikan keistimewaan untuk membangunkan Putrajaya melalui joint-venture dengan Putrajaya Holdings, dan Malaysian Plantation Berhad merupakan pemegang terbesar dalam Malaysian Plantation Consortium yang telah diberikan kesempatan untuk memajukan beberapa precinct dalam Putrajaya Holdings dalam pembangunan Putrajaya.

Sebagai satu contoh, saya berikan beberapa senarai keistimewaan Malaysian Plantation dalam memajukan Putrajaya Berhad, iaitu antaranya ialah membangunkan satu kawasan pembangunan prestij di dalam Putrajaya iaitu Precinct 16. Precinct 16

ini adalah satu kawasan pembangunan yang berprestij dalam pembangunan Putrajaya kerana lokasinya dan juga bentuk pembangunannya. Lokasinya bersebelahan dengan kediaman Timbalan Perdana Menteri dan ini adalah satu kawasan residential atau kawasan kediaman dan juga komersial.

Selain daripada itu, Malaysian Plantation Consortium juga memajukan Precinct 17, Precinct 2 dan Precinct 3. Ada empat precinct yang diberikan kepada Malaysian Plantation untuk dimajukan. Selain daripada itu, Malaysian Plantation Consortium Berhad ini juga mempunyai satu 'GV' lagi dengan Putrajaya Holdings yang dinamakan Putrajaya Perdana yang sekali lagi mendapat beberapa keistimewaan membangunkan Putrajaya, di antaranya ialah memajukan 1,339.5 ekar tanah termasuk Precinct 2 dan 3 iaitu precinct-precinct perdagangan dan Precinct 16 dan 17, kesemua empat precinct pembangunannya bernilai RM3 bilion, satu angka yang sangat besar.

Semalam saya telah sebutkan bahawa pembangunan yang besar dengan menggunakan wang negara yang begitu besar, dengan satu ketelusan yang begitu tipis akan membolehkan manipulasi kewangan dilakukan oleh pihak-pihak tertentu dan pembangunan Putrajaya dengan kos yang begitu mewah hanya akan menguntungkan segelintir pihak yang tertentu. Sekarang ini kaitan menjadi semakin jelas bahawa pembangunan yang besar, kewangan yang besar itu mempunyai berkaitan dengan pihak-pihak yang khas yang telah saya sebutkan tadi.

Seterusnya, Tuan Yang di-Pertua, bagi melaksanakan penyusunan semula yang telah saya sebutkan tadi Malaysian Plantation Berhad telah pun mengeluarkan notis untuk memanggil Extraordinary General Meeting (EGM) mereka, iaitu pada 14 Disember 2000, hari ini 12 Disember 2000, tinggal dua hari sahaja lagi. Jadi, saya rasa kita semua yang berminat boleh hadirilah EGM Malaysian Plantation Berhad dan akan membincangkan dan dijangka meluluskan restructuring exercise ini, dan notis untuk EGM ini telah pun dikeluarkan pada 27 November 2000 oleh Commerce International Merchant Bankers Berhad sebagai penasihat kepada Malaysian Plantation Berhad.

Bahawa apa yang telah disebutkan oleh saya tadi bukanlah satu perkara yang saya reka-reka, bukan satu perkara fitnah oleh para pembangkang, bukan satu pandangan negatif, tetapi satu fakta dan perkara ini telah disiarkan dalam prospektus

Malaysian Plantation Berhad, dan saya memetik angka-angka dan fakta-fakta tadi daripada Malaysian Plantation Berhad melalui prospektus yang telah dikeluarkan secara rasmi.

Apabila EGM ini meluluskan apa yang telah saya sebutkan tadi, perkara ini akan diangkat kepada Menteri Kewangan, kerana mengikut peruntukan Akta 372, Akta Bank dan Institusi Kewangan 1989 ataupun BAFIA Act, Perkara 49 "Tiada seorang pun boleh membuat perjanjian atau perkiraan yang akan mengakibatkan perubahan tentang kawalan sesuatu institusi berlesen atau syarikat pegangannya. (b) bagi penjualan, pelupusan, pemindahan bagaimana jua sekalipun akan keseluruhan atau mana-mana bahagian perniagaan sesuatu institusi berlesen bagi penyatuan atau percantuman sesuatu institusi berlesen dengan mana-mana orang lain atau bagi pembentukan semula sesuatu institusi berlesen melainkan jika kesemua pihak kepadanya telah mula-mula sekali membuat sesuatu permohonan bertulis kepada menteri untuk mendapat kelulusannya mengenai perjanjian atau perkiraan itu dan telah mendapat kelulusan menteri berkenaan dengannya." Exercise restructuring ini perlu mendapat kelulusan Menteri Kewangan.

Di sinilah terletaknya pertentangan kepentingan yang telah saya sebutkan. Saya yakin jika perkara ini tidak dibangkitkan Menteri Kewangan barangkali akan meluluskan penyusunan semula ini. Kita telah melihat daripada keseluruhan penyusunan semula yang telah saya sebutkan pada peringkat yang pertama lagi pihak-pihak yang terbabit iaitu Maluri Sdn. Bhd. dan juga Langkah Bahagia akan mendapat keuntungan paling kurang RM480 juta daripada harga yang terlalu murah, saham MBf Finance yang dijual oleh Danamodal kepada Multi-Purpose Bank. Dalam satu single exercise....

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ada yang berdiri, Yang Berhormat.

**Dato' Kamarudin bin Jaffar:** Mohon membuat penje lasan. Yang Berhormat bagi Kubang Kerian tadi merujuk kepada Akta Bank dan Institusi Kewangan atau BAFIA berkaitan dengan kelulusan menteri untuk urusan-urusan perniagaan yang mengaitkan dengan institusi-institusi kewangan. Mengikut fahaman saya dan saya mohon penjelasan daripada Yang Berhormat, sebenarnya sebelum sesuatu syarikat

kewangan atau yang berkaitan dan bertujuan untuk mengadakan rundingan dengan syarikat kewangan, sebelum rundingan dimulakan pun syarikat ini mesti mendapat kelulusan daripada Menteri Kewangan. Jadi, ini sudah peringkat yang terakhir. Maknanya, kalau saya tidak silap mengikut BAFIA, Menteri Kewangan sudah pun meluluskan rundingan di antara syarikat-syarikat ini. Jika ini berlaku, maka apakah pandangan Yang Berhormat bagi Kubang Kerian.

**Tuan Husam bin Haji Musa:** Terima kasih kepada Yang Berhormat bagi Tumpat kerana mengingatkan saya tentang ini. Memang ya, adalah sia-sia bagi perundingan dijalankan jika sekiranya Kementerian Kewangan tidak memberikan kelulusan kepada perbincangan tersebut. Apa yang lebih utama di sini untuk dikaji secara keseluruhan oleh kerajaan untuk menjaga wibawa kerana selalu disebut pembangkang sentiasa menjadi mangsa bahawa pembangkang menaburkan fitnah dan rakyat hilang kepercayaan kepada kerajaan ialah atas usaha-usaha pembangkang. Tidak pernah kerajaan mencerminkan diri mereka sendiri dan melihat apakah punca kehilangan kepercayaan, kehilangan pengaruh, kehilangan kewibawaan itu. Sebahagian daripada sebab kehilangan kewibawaan itu ialah kerana perkara-perkara seperti ini yang terang-terang merupakan satu percanggahan kepentingan.

Oleh yang demikian, saya berharap bahawa kerajaan dapat memikirkan secara serius kedudukan kepentingan Menteri Kewangan dalam perniagaan-perniagaan, pada masa yang sama beliau menjalankan tugas atas nama negara, bagi satu kementerian yang sangat penting yang terlibat dengan urusan-urusan perniagaan dan perdagangan. Adalah mustahak bagi Menteri Kewangan mengisytiharkan kepada Kabinet dan Kabinet juga memaklumkan kepada Parlimen kepentingan-kepentingan beliau secara langsung ataupun tidak langsung, melalui isteri-isterinya ataupun melalui anak-anaknya, dan dengan itu tohmahan-tohmahan akan menjadi berkurangan dan exercise akan menjadi lebih telus. Jika tidak, kita akan terdedah kepada kehakisan kepercayaan dan kehakisan kepercayaan ini bukan sahaja dari segi politiknya membebaskan kerajaan, tetapi pada akhirnya membebaskan negara. Dan kita semua ahli Parlimen, saya yakin daripada pembangkang juga berhasrat supaya negara kita dapat ditadbir dengan lebih kemas dan kita mendapat kepercayaan pelbagai pihak. Bukan hasrat

kami untuk melihat satu kerajaan yang pincang, satu kerajaan yang ditertawakan orang, satu kerajaan yang dipermain-mainkan.

Cuma apa yang disuarakan oleh pembangkang ialah isu-isu yang related, yang relevan supaya dengan apa yang dibangkitkan itu kerajaan dapat mengambil tindakan pembedahan, bukan satu tindakan reactioner, tetapi satu tindakan pembedahan, satu tindakan yang muhasabah ke atas apa yang telah dilakukan. Ini seharusnya tidak disembunyi, tidak satu perkara yang menjadi misteri, satu perkara yang diselitkan di mana-mana, tetapi tindakan-tindakan pembedahan itu dapat diperolehi.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ada yang berdiri Yang Berhormat.

**Dato' Kamarudin bin Jaffar:** Pohon penjelasan. Yang Berhormat bagi Kubang Kerian tadi merujuk kepada Akta Bank dan Institusi Kewangan (BAFIA) berkaitan dengan kelulusan Menteri untuk urusan-urusan perniagaan yang mengaitkan dengan institusi-institusi kewangan. Mengikut fahaman saya dan ini saya pohon penjelasan daripada Yang Berhormat sebenarnya sebelum sesuatu syarikat kewangan atau yang berkaitan dan bertujuan untuk mengadakan rundingan dengan syarikat kewangan sebelum rundingan dimulakan pun syarikat ini mesti mendapat kelulusan daripada Menteri Kewangan. Jadi ini sudah peringkat yang terakhir. Maknanya kalau saya tidak silap mengikut BAFIA, Menteri Kewangan sudah pun meluluskan rundingan di antara syarikat-syarikat ini jika ini berlaku maka apa pandangan Yang Berhormat bagi Kubang Kerian.

**Tuan Husam bin Haji Musa:** Terima kasih kepada Yang Berhormat bagi Tumpat kerana mengingatkan saya tentang ini. Memang ya. Adalah sia-sia bagi perundingan dijalankan jika sekiranya Kementerian Kewangan tidak memberikan kelulusan kepada perbincangan tersebut. Apa yang lebih utama di sini untuk dikaji secara keseluruhan oleh kerajaan untuk menjaga wibawa kerana selalu disebut pembangkang sentiasa menjadi mangsa bahawa pembangkang menaburkan fitnah dan rakyat hilang kepercayaan kepada kerajaan adalah atas usaha-usaha pembangkang. Tidak pernah kerajaan mencerminkan diri mereka sendiri apakah punca kehilangan kepercayaan, kehilangan pengaruh, kehilangan kewibawaan itu. Sebahagian daripada

sebab kehilangan kewibawaan itu adalah kerana perkara-perkara seperti ini yang terang-terang merupakan satu percanggahan kepentingan.

Oleh yang demikian, saya berharap bahawa kerajaan dapat memikirkan secara serius kedudukan kepentingan Menteri Kewangan dalam perniagaan-perniagaan pada masa yang sama beliau menjalankan tugas atas nama negara bagi satu kementerian yang sangat penting yang terlibat dengan urusan-urusan perniagaan dan perdagangan. Adalah mustahak bagi Menteri Kewangan mengisytiharkan kepada Kabinet dan Kabinet juga memaklumkan kepada Parlimen ini kepentingan-kepentingan beliau secara langsung atau tidak langsung melalui isteri-isterinya atau melalui anak-anaknya. Dan dengan itu tohmahan-tohmahan akan menjadi kurang dan *exercise* akan menjadi lebih telus. Jika tidak, kita akan terdedah kepada hakisan kepercayaan dan hakisan kepercayaan ini bukan sahaja daripada segi politiknya membebankan kerajaan tetapi pada akhirnya membebankan negara.

Kita semua Ahli-ahli Parlimen saya yakin daripada pembangkang juga berhasrat supaya negara kita dapat ditadbirkan dengan lebih kemas dan kita mendapat kepercayaan pelbagai pihak. Bukan hasrat kami untuk melihat satu kerajaan yang pincang, satu kerajaan yang ditertawakan orang, satu kerajaan yang dipermainkan. Cuma, apa yang disuarakan oleh pembangkang ialah isu-isu yang *related*, yang relevan supaya dengan apa yang dibangkitkan itu kerajaan dapat mengambil tindakan pembedahan bukan satu tindakan *reactioner* tetapi satu tindakan pembedahan, satu tindakan muhasabah ke atas apa yang telah dilakukan. Dan ini seharusnya tidak disembunyikan dan tidak menjadi satu perkara yang menjadi misteri, satu perkara yang diselitkan di mana-mana tetapi tindakan-tindakan pembedahan itu dapat di...

**Dato' Kamarudin bin Jaffar:** Pohon penjelasan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, ada yang berdiri Yang Berhormat.

**Dato' Kamarudin bin Jaffar:** Yang Berhormat bagi Kubang Kerian, dalam tahun 1980-an Yang Berhormat Menteri Kewangan pada ketika itu adalah sama dengan Yang Berhormat Menteri Kewangan sekarang. Pada ketika itu juga Yang Berhormat Menteri Kewangan menjadi tuan punya sebuah bank juga iaitu yang kemudiannya bernama UMBC Bank. Tetapi oleh kerana masalah kewangan beliau,

maka beliau membuat keputusan untuk menjual bank itu saya fikir kepada Pernas dan sebagainya. Tetapi pada ketika itu undang-undang BAFIA belum ada. Dan untuk beliau tidak secara langsung membuat keputusan dan menandatangani persetujuan beliau, beliau telah bercuti dan pada ketika itu Dato' Sanusi Junid menjadi pemangku Menteri Kewangan dan menandatangani kelulusan penjualan oleh beliau, bank yang beliau sedang menghadapi masalah dengannya berhutang di Singapura ratusan juta ringgit ketika itu Bank UMBC. Kalau pada masa itu *technicality* itu melepaskan beliau dari segi undang-undang, menurut undang-undang BAFIA keadaan sekarang ini, adakah itu akan melibatkan percanggahan dan pelanggaran undang-undang yang sedia ada.

**Tuan Husam bin Haji Musa:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Tumpat. Jika kita ingin memanjangkan perbincangan dan perbincangan tentang tajuk ini tentang Menteri Kewangan yang ada sekarang ia akan menjadi lebih panjang. Sebagai satu contoh Hock Hua Bank telah dibeli oleh Menteri Kewangan sebelum daripada kementerian ini bertukar daripada Menteri yang lain iaitu Timbalan Perdana Menteri pada waktu itu iaitu Dato' Seri Anwar Ibrahim. BAFIA Acting sendiri adalah satu cara kita boleh lihat, satu rangkaian beberapa cara bagaimana kerajaan memusatkan kuasa dan dengan kuasa yang dipusatkan ini membolehkan beberapa perlakuan dilaksanakan dengan lebih dilindungi oleh undang-undang.

Semalam saya telah membangkitkan contoh Akta Perbadanan Putrajaya yang dalam 18 Clause yang mengaitkan kuasa itu kepada Menteri yang dalam konteks ini ialah Perdana Menteri. Dan dengan itu Menteri betul-betul iaitu dalam konteks ini Perdana Menteri betul-betul berkuasa sehingga kalau Yang Berhormat boleh baca Akta Perbadanan Putrajaya, jika sekiranya ada pegawai yang melewati pembayaran kepada mana-mana kontrak, pegawai ini boleh dikenakan *surchage* dalam tempoh yang segera. Itu sebagai satu daripada contoh kuasa Menteri dan juga membolehkan Perbadanan Putrajaya menswastakan mana-mana projeknya dan melupuskan mana-mana haknya dan menghapuskan mana-mana tuntutan yang tertentu pada beberapa perkiraan yang tertentu. Dan dengan itu bererti bahawa Perbadanan Putrajaya telah menjadi satu kerajaan dalam kerajaan Satu kedudukan di mana Putrajaya sendiri boleh menswastakan tanpa membawa perkara ini kepada *back Cabinet*. Dan BAFIA

ini sendiri adalah dalam konteks yang sama iaitu memberi kuasa yang lebih kepada Menteri bagi membolehkan beberapa tatacara yang sebelumnya tidak dapat disahkan oleh undang-undang dapat dilakukan.

Dan sekali lagi fasal 21 saya yakin inilah tujuannya. Tujuannya ialah supaya Menteri mempunyai kuasa yang lebih, yang tidak boleh dipersoalkan dan dengan itu apa-apa tindakan yang sebelum ini bukan ataupun *illegal* akan menjadi sah pada kira-kira undang-undang kerana Parlimen ini memberikan kuasa. Saya dengan ini membangkang dengan keras masuknya seksyen ini, fasal ini ke dalam Akta 127. Dan saya berharap rakan-rakan saya yang lain tanpa mengira parti dapat berfikir dalam satu objektiviti yang sama untuk melindungi sebarang kemungkinan penyalahgunaan kuasa.

Ini adalah satu perkara yang sangat serius pada saya yang perlu mendapat perhatian semua dan kita harus berdiri dalam Dewan ini tanpa mengira apa-apa latar belakang parti kita tetapi menyuarakan pandangan kita secara yang terbuka supaya dapat diambil kira oleh kerajaan. Saya berharap jika rakan-rakan yang lain turut sama menyokong saya dalam perkara ini, saya yakin kerajaan boleh menimbang untuk menengguhkan masuknya seksyen baru 129A. Seksyen baru ini adalah kuasa baru dan kuasa ini boleh disalahgunakan. Ini sangat penting yang perlu kita teliti lebih-lebih lagi telah saya sebut dalam contoh-contoh tadi bahawa Kementerian Kewangan diterajui oleh seorang Menteri yang mempunyai kepentingan-kepentingannya yang tertentu. Dan kepentingan-kepentingan ini tidak diisytiharkan kepada umum sebagai satu perkara untuk diketahui oleh orang ramai.

Saya juga ingin mengambil kesempatan ini supaya saham MBF Finance masih ada 40% bakinya dengan Danamodal. Saya berharap bahawa Danamodal dapat mengambil kira dengan cara yang lebih halus untuk penjualan pada masa yang akan datang jika sekali lagi melibatkan bank-bank dan institusi yang telah saya namakan tadi kerana institusi ini selepas daripada EGM ini dan selepas daripada kelulusan Kementerian Kewangan akan menjadi milik keluarga Menteri Kewangan.

Saya juga berharap bahawa badan-badan yang tertentu seperti BPR dapat menjalankan siasatan bagaimana Danamodal boleh menjual dengan harga yang sebegitu murah, separuh harga. Ini terlalu murah dan itu wang negara. Itu satu



transaksi, RM450 juta kita ada rugi. Jadi apa kecekapan Danamodal? Apa perhitungan Danamodal sehingga dalam keadaan yang begitu cepat menjual seakan-akan terdesak, sedangkan dalam keadaan-keadaan lain Danamodal melaksanakan penjualan itu melalui tender terbuka, melalui jempunan untuk dipertandingkan harga pembelian. Tetapi dalam konteks ini telah dijual dalam keadaan yang begitu mudah dan kita kerugian RM450 juta dalam satu transaksi dan akhirnya transaksi ini hanya menguntungkan pihak yang khusus yang tertentu yang jelas dapat dikenal pasti. Bukan satu orang yang duduk di Hong Kong, di Taiwan dan di mana-mana. Dalam kes Perwaja kita kata dia orang Hong Kong, dia orang Taiwan, dia orang Jepun kita tidak boleh hendak kejar dia. Dan sekarang wang itu disimpan dalam bank di Switzerland. Kita tidak boleh hendak cari. Ini apa yang telah saya sebut yang dipetik daripada prospektus rasmi ini adalah orang-orang yang tertentu dan saya tidak berhajat hendak bacakan nama anak-anak Menteri Kewangan dan nama-nama isteri dia *[Disampuk]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Tidak payahlah.

**Tuan Husam bin Haji Musa:** Ya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Tidak payahlah.

**Tuan Husam bin Haji Musa:** Saya rasa tidak payahlah. Tetapi saya hendak bilang berapa orang anak yang terlibat di sini dalam penjualan Bolton Finance Berhad. Satu, dua, tiga, empat, lima sekali dengan isteri yang pertama. Ini adalah jelas bukan satu perkara yang terselindung lagi. Jadi bagaimanakah kredibiliti Kementerian Kewangan? Bagaimanakah kredibiliti kerajaan, bagaimana kredibiliti Parlimen ini sendiri? Kalau perkara masih keliru kita boleh selindung sana, selindung sini. Tetapi ini perkara yang jelas dan kerajaan tidak bertindak apa-apa, membenarkan perkara ini terus berlaku.

Dan saya telah bacakan senarai-senarai pegangan langsung Malaysian Plantation Berhad dalam beberapa bank yang semua ini terlibat dengan sistem kewangan kita yang telah dipegang dan dimonopoli ataupun dikuasai oleh keluarga-keluarga yang pada masa yang sama ketua keluarga ini adalah Menteri Kewangan.

So, bagaimanakah kita hendak menjaga *credence* dalam amalan kewangan, secara berhemah dalam amalan kewangan- telah saya sebutkan sebelum ini.

Saya yakin bahawa sebahagian daripada tujuan cukai yang disebut oleh Adam Smith ada empat prinsip percukaian. Satu daripada prinsip percukaian itu adalah kesamarataan. Kesamarataan bermakna orang miskin membayar mengikut kemampuan pendapatannya yang rendah. Orang yang kaya membayar cukai mengikut pendapatannya yang besar. Dan dengan *relieve* ini kita tidak boleh memastikan adakah pihak-pihak yang telah saya sebutkan tadi yang telah mendapat keuntungan dalam transaksi-transaksi kewangan tadi akan dikenakan cukai selaras dengan prinsip kesamarataan ini ataupun mereka akan dikecualikan daripada cukai. Sekali lagi negara kita akan kehilangan hasil daripada kuasa yang diberikan ini dan prinsip kesamarataan itu akan rosak. Dan saya juga telah membacakan ayat al-Quran dalam awal ucapan saya tadi bahawa Allah berfirman kita tidak boleh membiarkan satu keadaan di mana orang-orang kaya memonopoli kekayaan dengan kuasa mereka. Dan dengan monopoli kuasa dan monopoli kekayaan ini kekayaan akan ...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, Tanah Merah berdiri.

**Tuan Husam bin Haji Musa:** Ya? Tanah Merah.

**Tuan Saupi bin Daud:** Ya. Saya tertarik kepada kenyataan yang dibuat oleh Yang Berhormat bagi Kubang Kerian tadi berhubung dengan kuasa dan juga kekayaan boleh membentuk kekayaan seperti mana yang telah dinyatakan oleh Perdana Menteri semalam dalam ucapannya, yang kaya akan lebih kaya tetapi yang miskin hendak jadi kaya agak susah.

Saya ingin minta penjelasan Yang Berhormat mengenai ada pihak-pihak tertentu yang menguasai ekonomi negara ini dan sebab itulah kalau kita lihat kepada turun naiknya harga saham di BSKL terutamanya, bahawa turun naik ini adalah permainan kepada orang-orang tertentu tetapi akibat daripada penurunan harga dan juga merosotnya harga-harga atau kejatuhan harga di BSKL ini, mangsa-mangsanya ialah pelabur-pelabur kecil. Jadi, saya minta penjelasan daripada Yang Berhormat, kalau boleh, menerangkan sedikit mengenai apa yang Yang Berhormat kata tadi.

**Tuan Husam bin Haji Musa:** Terima kasih Tanah Merah. Saham ini saya tidak berapa fasih. Saya tidak pernah masuk saham. Jadi, saya tidak tahu bagaimanakah senario keadaan pasaran saham tetapi kita boleh lihat sebahagian daripada pelabur-pelabur kecil menjadi mangsa kerana kejahilan mereka dalam urusan saham dan pasaran saham ini adalah satu padang yang boleh *dimanipulate* oleh pihak-pihak yang mempunyai instrument tertentu. Saya tidak berani hendak mengulas panjang kerana saya tidak mahir dalam tajuk ini. Mungkin Tambun lebih mahir daripada saya, boleh berikan ulasan panjang lebar terhadap tajuk ini. Tetapi saya balik kepada apa yang Yang Berhormat Tanah Merah tanyakan iaitu...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, Tumpat berdiri.

**Tuan Husam bin Haji Musa:** Biar saya beri penjelasan, lepas itu Tumpat. Tentang yang Tanah Merah bangkitkan, Perdana Menteri sebut orang kaya bertambah kaya, orang miskin terlarat. Saya ingin ulangkan, dalam bulan Ramadan yang mulia ini, pengalaman saya sendiri dengan penduduk-penduduk atau pengundi-pengundi dalam kawasan saya, Yang Berhormat bagi Kuala Kedah, saya yakin pengundinya jauh lebih miskin daripada pengundi di kawasan saya.

Bahawa dalam masyarakat kita, memang ada masyarakat yang benar-benar daif, sama ada oleh kerana kecacatannya atau oleh kerana kemalangan. Sebagai satu contoh, Timbalan Menteri Kewangan ada, tentera sendiri yang masuk berperang dan cedera kerana jerangkap, bom dan sebagainya. Oleh kerana kecederaannya, dia terpaksa berhenti sebagai tentera dan oleh kerana dia berhenti awal, dia hanya diberikan 40% daripada pencennya yang sekitar dalam RM200 satu bulan yang akan menanggung satu keluarga untuk seluruh hayatnya. Dengan RM200 satu bulan. Dia tidak boleh bekerja kerana dia cedera tetapi dia hanya diberi pencen 40% dan kerajaan tidak pernah menimbangkan untuk memberikan satu pencen yang *double*, misal kata kerana di atas kecederaan dan pengorbanannya mempertahankan negara. Masih ada orang dan keluarga macam ini, yang betul-betul miskin.

Tidak usah kira di Sarawak. Tidak usah kira di Sabah. Di Lunas sendiri, bila Menteri Kerja Raya duduk sebagai pengarah pilihan raya di Lunas, dia telah meluluskan RM24 juta peruntukan pembangunan insan kerana dia telah melihat

sendiri kedaifan kehidupan masyarakat. Ada yang tidak ada bekalan air bersih selama 40 tahun. 40 tahun bermakna lebih dari satu generasi telah dibesarkan dalam keadaan negara kita telah maju, negara kita mempunyai mercu-mercu tanda kejayaan.

**Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron:** *[Bangun]*

**Tuan Husam bin Haji Musa:** Saya ingat Tumpat tadi. Saya bagi Tumpat dahulu.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ha, mana satu? Tumpat ya?

**Dato' Kamarudin bin Jaffar:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat bagi Kubang Kerian tadi menyebutkan tentang masalah kredibiliti Kementerian Kewangan. Pada minggu lepas, saya berbincang dengan kawan-kawan dalam bidang profesional dan bertanya tentang kenapa keadaan ekonomi kita, pasaran saham kita dan petanda-petanda kita, walaupun nampak elok tetapi kita tahu tidak menunjukkan kekukuhan sebenar ekonomi. Jawapan beliau ada dua faktor mengapa pelabur-pelabur asing amat bimbang dan ragu-ragu dan mudah untuk tarik keluar pelaburan mereka dalam negara kita.

**Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis:** *[Memandang ke arah jam dinding Dewan]*

**Dato' Kamarudin bin Jaffar:** Sila Yang Berhormat Rompin. Saya pun perhati jam gelap tidak ada lampu. Kenapa hari ini? Ada salah elektrik tidak cukupkah?

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ha, tengok jam sendiri ada. *[Ketawa]*

**Dato' Kamarudin bin Jaffar:** Ada rosakkah apa?

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Jam sendiri ada belaka. Tengok.

**Dato' Kamarudin bin Jaffar:** Saya mendapati maklumat yang diberikan ada dua sebab, dia kata kenapa ekonomi negara menjadi begitu. Pertamanya, pelabur-pelabur asing sudah melihat bahawa kata mereka, walaupun mereka mengiktiraf Perdana Menteri sebagai orang yang hebat dahulunya tetapi katanya sekarang,

perbuatan-perbuatan dan kata-kata Yang Amat Berhormat Perdana Menteri itu sudah pun menunjukkan satu suasana *political uncertainty* dalam negara kita.

Faktor kedua, sama juga lebih kurang. Mereka mengiktiraf bahawa Yang Berhormat Menteri Kewangan bijak, pandai dan ada rekod memulihkan ekonomi negara tetapi akhir-akhir ini, katanya, tindakan Yang Berhormat Menteri Kewangan itu lebih dipengaruhi oleh kepentingan peribadi, tamak haloba peribadi dan sebagainya. Setuju tidak Yang Berhormat dengan pandangan saya tadi?

**Tuan Husam bin Haji Musa:** Ya. Saya berikan satu contoh lain mengenai keadaan lain iaitu *exercise* yang akan dilaksanakan penyusunan semula juga, UEM dan Renong, sebagai satu contoh kepada Tanah Merah yang telah bertanya tadi tentang pasaran saham dan saham Renong telah jatuh dengan teruk apabila Renong mengisytiharkan dia akan melaksanakan satu penyusunan semula iaitu UEM akan membeli liabiliti dan aset Renong yang saya jangka sekitar RM6 bilion.

Kunci kepada Renong dan UEM ialah Tan Sri Halim. Tan Sri Halim, untuk penelitian kita semua, telah mendapat kemudahan kewangan yang begitu meluas. Beliau telah membeli saham National Steel Corporation di Filipina melalui satu syarikat Hong Kong, Hautic Investment dengan harga RM3 bilion dan pelaburannya dalam National Steel Corporation hancur. National Steel Corporation tidak boleh beroperasi dan memberikan keuntungan dan akhirnya Danaharta terpaksa membeli NPL Hautic Investment ini sejumlah RM3 bilion daripada empat bank.

Kita boleh lihat dalam kes ini dengan terang bagaimana dengan empat bank di Malaysia boleh memberikan pinjaman RM3 bilion kepada satu pelaburan yang tidak dapat ditentukan liabilitinya dan pada masa yang sama, cagarannya hanyalah saham Hautic dalam National Steel Corporation. Itu sahaja cagaran dia. Tidak ada cagaran lain. Tetapi dia boleh buat pinjaman RM3 bilion atas satu orang peribadi dan kerajaan, apabila syarikat ini tidak dapat *perform*, dengan izin, telah menggunakan dana negara.

RM3 bilion untuk menyelamatkan satu orang, sedangkan petani kelapa, saya telah sebut dalam Dewan ini, harga kelapa ialah 3 sen satu biji. 3 sen ini adalah beras saya telah sebut dan saya ulang sekali lagi bagi pihak mereka, bagi isi hati mereka dan

bagi kesengsaraan mereka, 3 sen ini beras dia, nasi dia, kesihatan dia, anak sekolah dia, hendak raya, semua dekat sini.

**Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis:** [*Bangun*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya Rompin berdiri Yang Berhormat.

**Tuan Husam bin Haji Musa:** Alhamdulillah, dia sudah bangun tidur.

**Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Terima kasih. Nampak ini Setiausaha Politik, masih Setiausaha Politik Menteri Besar Kelantankah? Masih ya. Bulan puasa pun kadang-kadang lupa bulan puasa. Katanya satu pejuang Islam, caranya saya tidak tahulah. Yang sebenarnya Yang Berhormat, saya ingat sebelah sana memang tidak boleh menerima kejayaan kerajaan memulihkan ekonomi negara. Tumpat jelas kalau dahulu perencana antara yang menasihatkan kerajaan ialah Tumpat itu sendiri IKDnya. Tetapi bila di sana, lain rentaknya. Tumpat membuat satu tuduhan. Saya pun terkejut juga tadi sebab Tumpat kawan saya juga dahulu dan masa sekarang, tetapi luar Dewanlah. Menuduh Perdana Menteri, menuduh Menteri Kewangan, tidak ada contoh yang sebenarnya.

Tetapi sebenarnya, sepatutnya kita bersyukur dalam bulan Ramadan. Kita hendak berbuka pun tidak lama lagi. Sebenarnya yang baik itu elok kita terima sebagai yang baik dan tegur itu biarlah berpatutan. Menuduh, kata semua. Dari segi *rescue* ini saya kata, adakah yang penyusunan semula ini menggunakan wang rakyat? Gunakan wang sepatutnya diberi dan diagih ke luar bandar, tidak. Dibelikan penyusunan semula tidak menggunakan wang rakyat. Kalau dibandingkan kononnya untuk mendapatkan sentimen rakyat supaya rakyat bersimpati kepada PAS dan mengundi kepada kawan saya tadi, tidak mahu bayar RM1,000, sanggup rela masuk dalam. Kerana apa hendak menjuarakan diri?

Saya, kalau hari itu tidak ada duit, saya boleh bagi duit. Tidak ada masalah punya. [*Disampuk*] Ada duit tetapi tidak mahu bayar kerana apa? Cuba mendapat satu pulangan ...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ha, cukup, cukup.

**Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis:** ...politik yang murah. Publisiti yang murah. Kalau betul-betul membela Palestin, Ketua Pemuda PAS kumpul 200 atau 300 mujahidin PAS, bawa senapang pergi ke Palestin, berhadapan dengan Yahudi di sana. Buka dada sanggup ditembak seperti anak-anak di sana. Barulah kita kata pejuang pembela Islam. Barulah kita sanggup mati jihad. Barulah kita tepuk tangan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, apa soalnya Yang Berhormat?

**Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Ini politik. Persoalannya saya ingat kita ini bulan puasa. Hendak berbuka puasa tidak lama lagi. *[Disampuk] [Ketawa]*

**Tuan Mohamad bin Sabu:** Kami lawan UMNO dulu.

**Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Saya ingat eloklah kita balik kepada topik kita pada hari ini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Yang Berhormat, jam sudah 5.30 petang. *[Ketawa]* Ahli-ahli Yang Berhormat, sambung esok ya. Dewan kita ditangguhkan hingga jam 10.00 pagi esok.

*Dewan ditangguhkan pada pukul 5.30 petang.*

**Oktober 2000**

#### **AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT**

Yang Amat Berbahagia Tuan Yang di-Pertua, Tun Dr. Mohamed Zahir bin Haji Ismail, S.S.M., P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K. J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Dato Seri Dr. Mahathir bin Mohamad, D.K.(Brunei), D.K.(Perlis), D.K.(Johor), D.U.K., S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P. (Sarawak), D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.M.N., P.I.S. (Kubang Pasu)

“ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, D.G.P.N., D.S.S.A., D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., A.M.N., S.P.M.S. (Kepala Batas)

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, Dato' Seri Dr. Ling Liong Sik, S.P.M.P.,  
D.G.S.M., D.P.M.P. D.P.M.S. (Labis)

“ Menteri Kerja Raya, Dato' Seri S. Samy Vellu, S.P.M.J.,  
S.P.M.P., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput)

“ Menteri Perusahaan Utama, Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik,  
S.P.M.P., D.G.P.N, D.P.C.M. (Beruas)

“ Menteri Tugas-tugas Khas dan Menteri Kewangan, Tun Dato'  
Daim Zainuddin, D.G.S.M., S.S.M., S.P.M.S., D.H.M.S.,  
S.S.A.P. (Merbok)

“ Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Datuk Amar Leo  
Moggie anak Irok, D.A., P.N.B.S. (Kanowit)

“ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Seri  
Rafidah Aziz, S.P.M.P., S.P.M.T., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala  
Kangsar)

“ Menteri Pertahanan, Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul  
Razak, S.S.A.P, S.I.M.P., D.S.A.P., D.P.M.S., P.N.B.S.,  
D.U.B.C.(T). (Pekan)

“ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Dato' Law Hieng  
Ding, P.N.B.S., K.M.N., P.B.S., P.B.J. (Sarikei)

“ Menteri Luar Negeri, Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar  
Albar, S.P.M.J., S.P.D.K., D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Kota  
Tinggi)

“ Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna ,  
Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin, P.I.S.,  
B.S.I., S.M.J., P.S.M., S.P.M.J. (Pagoh)

“ Menteri Kesihatan, Datuk Chua Jui Meng, D.I.M.P., S.I.M.P,  
S.M.J, P.I.S (Bakri)

” *Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat,  
Dato' Dr. Siti Zaharah binti Sulaiman, D.S.A.P., D.I.M.P. (Paya  
Besar)*

Yang Berhormat Menteri Penerangan, Tan Sri Dato' Seri Mohd. Khalil bin  
Yaakob, P.S.M., S.S.A.P., S.I.M.P., D.S.A.P., J.S.M., S.M.P.  
(Kuantan)

“ Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato' Abdul  
Kadir bin Haji Sheikh Fadzir, P.G.D.K., D.S.D.K., A.M.K.  
(Kulim-Bandar Baharu)

“ Menteri Sumber Manusia, Datuk Dr. Fong Chan Onn, D.M.S.M.  
(Selandar)



- “ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato’ Seri Ong Ka Ting, D.P.M.P. (Pontian)
- “ Menteri Pembangunan Usahawan, Dato’ Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz, D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. (Chenderoh)
- “ *Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato’ Haji Azmi bin Khalid, D.P.M.P., S.M.P., P.J.K. (Padang Besar)*
- “ Menteri Belia dan Sukan, Dato’ Hishammuddin bin Tun Hussein, D.S.A.P., D.P.M.J. (Tenggara)
- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tan Sri Bernard Giluk Dompok (Kinabalu)
- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Dr. Rais bin Yatim, D.S.N.S. (Jelebu)
- “ Menteri Pertanian, Datuk Effendi Norwawi (Kuala Rajang)
- “ Timbalan Yang di-Pertua, Dato’ Haji Muhamad bin Abdullah, D.I.M.P., S.M.P., P.J.K. (Maran)
- “ Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Lim Si Cheng, P.I.S. (Senai)
- “ Timbalan Menteri Penerangan Dato’ Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus, D.S.N.S. (Jempol)
- “ Timbalan Menteri Luar Negeri, Datuk Dr. Leo Michael Toyad, P.G.D.K., J.B.S. (Mukah)
- “ Timbalan Menteri Kesihatan, Datuk Seri Drs. Suleiman bin Mohamed D.P.M.S., S.S.S.A(Titiwangsa)
- “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Peter Chin Fah Kui, P.G.B.K. (Miri)
- “ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato’ Kerk Choo Ting, D.P.M.P. (Taiping)
- “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato’ Chan Kong Choy, D.S.A.P., D.P.M.S. (Selayang)
- ” Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato’ S. Subramaniam, D.P.M.J., D.S.N.S., S.M.J. (Segamat)
- Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertahanan, Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal, P.G.D.K. (Semporna)
- “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Douglas Uggah Embas, P.G.B..K., P.B.S., A.B.S., A.M.N. (Betong)

- “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato’ Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh, D.S.S.A., S.M.S., S.S.A., K.M.N. (Kuala Langat)
- “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato’ Chor Chee Heung, D.S.D.K., A.M.N., J.P. (Alor Setar)
- “ Timbalan Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Datuk Tan Chai Ho, P.J.N., K.M.N., A.M.N. (Bandar Tun Razak)
- “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil, D.I.M.P. (Lembah Pantai)
- “ Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato’ G. Palanivel, D.S.S.A., S.S.A., P.J.K. (Hulu Selangor)
- “ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Datuk Ong Tee Keat, P.J.N., S.M.S. (Ampang Jaya)
- “ Timbalan Menteri Pengangkutan, Tan Sri Dato’ Seri DiRaja Ramli bin Ngah Talib, P.C.M., S.P.C.M., A.M.N., J.P. (Pasir Salak)
- “ Timbalan Menteri Pertanian, Dato’ Seri Mohd. Shariff bin Haji Omar, D.G.P.N., D.M.P.N., P.P.T. (Tasek Gelugor)
- “ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Dato’ Zainal bin Dahalan, P.J.K., K.M.N., J.S.M., D.P.M.S. (Sabak Bernam)
- “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato’ Zainal Abidin bin Zin, D.P.M.P., P.M.P. (Bagan Serai)
- “ Mulia Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tengku Dato’ Seri Azlan ibni Sultan Abu Bakar, S.P.T.J., D.S.A.S. (Jerantut)
- “ Timbalan Menteri Kerja Raya, Tuan Mohamed Khaled bin Haji Nordin P.I.S. (Johor Bahru)
- “ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, Datuk Anifah Aman (Beaufort)
- “ Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Dr. Tan Kee Kwong (Segambut)
- “ Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Dr. Tiki anak Lafe (Mas Gading)
- ” Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato’ Dr. Ng Yen Yen (Raub)
- “ Timbalan Menteri Sumber Manusia, Dr. Abdul Latiff bin Ahmad (Mersing)
- Yang Berhormat Timbalan Menteri Pendidikan, Dato’ Hon Choon Kim, D.S.N.S. (Seremban)

- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian, Dato’ Abu Bakar bin Taib, D.S.D.K., S.D.K., B.C.K., K.M.N., P.J.K. (Langkawi)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Dalam Negeri, Datuk Seri Abu Zahar bin Isnin, D.G.S.M., D.M.S.M., A.M.N. (Jasin)
- “ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Puan Hajah Khamsiyah binti Yeop, P.P.T., A.M.N., A.M.P., P.M.P. (Gerik)
- “ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Haji Noh bin Haji Omar, D.M.S.M., K.M.N., A.S.A., P.J.K., J.P. (Tanjong Karang)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan, Tuan Ir. Donald Lim Siang Chai (Petaling Jaya Selatan)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya, Datuk Yong Khoon Seng, D.S.P.N., K.M.N. (Stampin)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, Tuan Hashim bin Ismail, P.P.N., P.I.S. (Ledang)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Tuan Chia Kwang Chye (Bukit Bendera)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Tuan Wong Kam Hoong, K.M.N. (Bayan Baru)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, Tuan S. G. Sothinathan (Telok Kemang)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, Dr. Robia binti Dato’ Kosai (Muar)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Dato’ S. Veerasingam, P.M.P., A.M.P., A.M.N. (Tapah)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Usahawan, Datuk Rizalman bin Abdullah, P.G.D.K., J.P. (Tenom)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar, Puan Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim, P.B.S., P.P.B., (Santubong)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pendidikan, Dato’ Mahadzir bin Mohd. Khir (Sungai Petani)
- " Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Fu Ah Kiow, D.I.M.P. (Mentakab)
- " Drs. Haji Abu Bakar bin Othman (Jerlun)
- “ Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron, S.M.K. (Rantau Panjang)

- Yang Berhormat Tun Abdul Ghafar bin Baba, S.S.M. (Batu Berendam)
- “ Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang (Marang)
- “ Tuan Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman (Sungai Benut)
- “ Tan Sri Dato' Seri Dr. Abdul Hamid Pawanteh, P.S.M., S.P.M.P. (Kangar)
- “ Dato' Haji Abdul Kadir bin Annuar, S.P.M.J., K.M.N., P.I.S., B.S.I., A.M.N. (Pulai)
- “ Tuan Abd. Rahman bin Yusof (Kemaman)
- “ Tan Sri Datuk Patinggi Abdul Taib Mahmud, S.P.M.J., S.P.M.T., S.S.S.A, S.S.A.P., S.S.D.K., P.S.M., S.P.M.B., D.G.S.M., P.K.C, D.P. (Kota Samarahan)
- “ Dato' Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang)
- “ Datuk Wira Abu Seman bin Haji Yusop, B.K.T., J.P., D.M.S.M., K.M.N., D.C.S.M. (Alor Gajah)
- “ Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah, P.P.T., A.M.P. (Tambun)
- “ Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi, D.M.S.M., P.P.T., P.J.K. (Bagan Datoh)
- “ Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar (Larut)
- “ Tuan Alexander Nanta Linggi, A.B.S. (Kapit)
- “ Tuan Alwi bin Jusoh (Pasir Puteh)
- “ Tuan Haji Amihamzah bin Ahmad (Lipis)
- “ Datu Amirkahar bin Tun Datu Haji Mustapha (Marudu)
- “ Tuan Haji Badrul Hisham bin Abdul Aziz, A.S.A. (Hulu Langat)
- “ Tuan Billy Abit Joo, K.M.N. (Hulu Rajang)
- “ Tuan Chang See Ten, P.I.S. (Gelang Patah)
- “ Tuan Haji Che Ghani bin Che Ambak, P.J.K. (Setiu)
- “ Puan Chew Mei Fun (Petaling Jaya Utara)
- “ Puan Chong Eng (Bukit Mertajam)
- “ Tuan Chow Kon Yeow (Tanjong)
- “ Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor, D.S.D.K. (Pendang)
- “ Tuan Fong Kui Lun (Bukit Bintang)
- “ Puan Fong Po Kuan (Batu Gajah)

- “ Tuan Goh Kheng Huat (Nibong Tebal)
- Yang Berhormat Dato Goh Siow Huat (Rasah)
- “ Dato’ Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali, D.I.M.P., S.M.S. (Parit Buntar)
- “ Tuan Hassan bin Mohamed (Besut)
- “ Tuan Henry Sum Agong, A.K. (Bukit Mas)
- “ Dato’ Hew See Tong, D.P.M.P., J.P. (Kampar)
- “ Dato’ Ho Cheong Sing, P.M.P., A.M.N. (Ipoh Barat)
- “ Tuan Hoo Seong Chang (Kluang)
- “ Tuan Husam bin Haj Musa (Kubang Kerian)
- “ Tuan Haji Ismail bin Noh (Pasir Mas)
- “ Tuan Jacob Dungau Sagan, J.B.S., K.M.N., P.P.B. (Baram)
- “ Dato’ Dr. Haji Jamaludin bin Dato’ Mohd. Jarjis, D.I.M.P., (Rompin)
- “ Dr. James Dawos Mamit, P.P.B., P.P.S. (Mambong)
- “ Tuan Jawah anak Gerang (Lubok Antu)
- “ Tuan Jimmy Lim Donald (Sri Aman)
- “ Tuan Joseph Mauh anak Ikeh (Selangau)
- “ Datuk Seri Panglima Joseph Pairin Kitingan, P.G.D.K., P.N.B.S., S.S.A.P., S.P.D.K. (Keningau)
- “ Tuan Joseph Salang anak Gandum (Julau)
- “ Tuan Juslie bin Ajrol, A.S.D.K. (Libaran)
- “ Dato’ Kamarudin bin Jaffar, B.C.M, D.S.N.S. (Tumpat)
- “ Tuan Kerk Kim Hock (Kota Melaka)
- “ Tan Sri Dato’ Dr. K.S. Nijhar, P.S.M., S.P.M.J., J.M.N. (Subang)
- “ Tuan Kong Cho Ha (Lumut)
- “ Datuk Lau Ngan Siew, A.D.K., K.M.N., P.G.D.K. (Sandakan)
- “ Tuan Lee Kah Choon (Jelutong)
- “ Puan Lim Bee Kau, A.M.K., B.K.M., P.J.K. (Padang Serai)
- “ Tuan Lim Hock Seng (Bagan)
- ” Tuan Liow Tiong Lai, S.M.P. (Bentong)
- “ Dato’ Loke Yuen Yow, D.P.M.P., A.M.P. (Tanjong Malim)
- “ Tuan Mah Siew Keong (Teluk Intan)

- “ Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar (Pokok Sena)
- Yang Berhormat Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin (Arau)
- “ Tuan Haji Mat Basir bin Rahmat (Parit)
- “ Dr. Maximus Johnity Ongkili, A.S.D.K., J.P. (Bandau)
- “ Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz, P.N.J., S.M.J., K.M.N., P.I.S., B.S.I., A.M.N., P.P.N. (Sri Gading)
- “ Tuan Mohamad bin Sabu (Kuala Kedah)
- “ Tuan Mohamed Nasir bin Che Daud (Kuala Krai)
- “ Tuan Mohamed Sayuti bin Said, P.P.T., P.J.K., P.P.N. (Kuala Selangor)
- “ Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan, P.J.N., S.M.J., K.M.N., P.I.S., A.M.N., P.P.N. (Tebrau)
- “ Tuan Mohd. Amar bin Abdullah (Pengkalan Chepa)
- “ Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad (Jeli)
- “ Datuk Seri Panglima Mohd. Salleh bin Tun Md. Said Keruak, P.G.D.K. (Kota Belud)
- “ Datuk Mohd. Sarit bin Haji Yusoh (Temerloh)
- “ Tuan Mohd. Yusoff bin Mohd. Nor, P.P.N., J.M.N. (Machang)
- “ Dato’ Mohd. Zain bin Omar, D.S.P.N., K.M.N., P.J.K, P.J.M., (Balik Pulau)
- “ Dato’ Ir. Mohd. Zin bin Mohamed, D.P.T.J., J.P. (Shah Alam)
- “ Tuan Bung Mokhtar bin Radin, A.D.K., A.S.D.K. (Kinabatangan)
- “ Tuan M. Shukrimun bin Shamsudin (Kuala Nerus)
- “ Tuan Muhamad bin Mustafa (Peringat)
- “ Tuan Haji Muhyidin bin Haji Abd. Rashid (Hulu Terengganu)
- “ Tuan Mustafa bin Ali (Dungun)
- “ Datuk Napsiah binti Omar (Kuala Pilah)
- “ Tuan Nasharudin bin Mat Isa (Yan)
- “ Tuan Ng Lip Yong (Batu)
- “ Datuk Osu bin Sukam, S.P.D.K., P.G.D.K., D.A. (Papar)
- “ Datuk Peter Tinggom anak Kamarau, P.P.B., P.P.C., K.M.N., P.N.B.S., J.B.S., A.M.N., P.B.S. (Saratok)
- “ Tuan Philip Benedict Lasimbang, A.S.D.K. (Penampang)
- “ Puan P. Komala Devi, P.P.T. (Kapar)

- “ Datuk Railey bin Haji Jeffrey, P.G.D.K., J.M.N. (Silam)
- Yang Berhormat Tuan Ramli bin Ibrahim (Kota Bharu)
- “ Mulia Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang)
- “ Tuan Richard Riot anak Jaem (Serian)
- “ Tuan Robert Lau Hoi Chew, J.B.S., (Sibu)
- “ Tuan Ronald Kiandee, A.S.D.K. (Beluran)
- “ Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad, D.M.S.M., P.I.S. (Parit Sulong)
- “ Tuan Saupi bin Daud (Tanah Merah)
- “ Datin Paduka Hajah Seripah Noli binti Syed Hussin, D.S.S.A (Sepang)
- “ Dato’ Shahnnon bin Ahmad, D.S.D.K., K.M.N. (Sik)
- “ Tuan Shaziman bin Abu Mansor, A.N.S. (Tampin)
- “ Tuan Shim Paw Fatt, J.P. (Tawau)
- “ Tuan Haji Siam bin Haji Kasrin, K.M.N., P.I.S. (Batu Pahat)
- “ Datuk Song Swee Guan, P.G.B.S. (Bandar Kuching)
- “ Dato’ Suhaili bin Abdul Rahman, D.I.M.P., A.S.D.K. (Labuan)
- “ Puan Sukinam Domo (Batang Sadong)
- “ Datuk Seri Amar Dr. Haji Sulaiman bin Haji Daud, S.I.M.P., D.A., D.S.S.A., P.N.B.S., J.B.S. (Petra Jaya)
- “ Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi (Kuala Terengganu)
- “ Tuan Taib Azamudden bin Md. Taib, J.B.S., A.M.N. (Baling)
- “ Tuan Tan Kok Wai (Cheras)
- “ Dr. Tan Seng Giaw (Kepong)
- “ Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew, D.S.S.A (Kelang)
- “ Puan Teresa Kok Suh Sim (Seputeh)
- “ Tuan Thong Fah Chong (Ipoh Timur)
- “ Dato’ Dr. Ting Chew Peh, D.P.M.S., D.P.M.P. (Gopeng)
- “ Dato’ Seri Tiong King Sing, D.S.S.A., J.P. (Bintulu)
- ” Dato’ Tiong Thai King, (Lanang)
- ” Datin Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail (Permatang Pauh)
- “ Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar, J.B.S., P.B.S. (Batang Lupar)

- “ Tuan Wan Nik bin Wan Yussof (Bachok)
- “ Tuan Wilfred Madius Tangau, J.P., A.D.K. (Tuaran)
- Yang Berhormat Dato’ Yap Pian Hon, D.P.M.S., A.M.N., P.J.K. (Serdang)
- “ Dr. Yee Moh Chai(Tanjong Aru)
- “ Datuk Yong Teck Lee, P.G.D.K., P.J.N. (Gaya)
- “ Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob, P.G.D.K., A.D.K. (Sipitang)
- “ Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail, D.P.M.S., S.M.S, K.M.N (Gombak)
- “ Tuan Zawawi bin Haji Ahmad (Padang Terap)
- “ Dato’ Zulhasnan bin Rafique, D.I.M.P., A.M.N. (Wangsa Maju)

**MENTERI/TIMBALAN MENTERI (SENATOR)**

- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Panglima Dr. Haji Abdul Hamid bin Haji Othman, S.P.D.K., D.H.M.S., S.I.M.P., D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., P.P.T
- “ Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Tan Sri Datuk Kasitah Gaddam, P.S.M., P.G.D.K., J.S.M.
- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Pandikar Amin Haji Mulia
- “ Menteri Pendidikan, Tan Sri Dato’ Seri Musa bin Mohamad, P.S.M., D.P.M.N., D.P.C.M.
- “ Timbalan Menteri Pendidikan, Dato’ Abdul Aziz bin Shamsuddin, D.M.S.M., D.P.M.S.



**DEWAN RAKYAT**

**PEGAWAI-PEGAWAI KANAN**

**Setiausaha Dewan Rakyat**

Datuk Mohd. Salleh bin Haji Hassan

**Ketua Penolong Setiausaha**

Zamani bin Haji Sulaiman  
Haji Mustakin bin Selamat  
Shahrom bin Haji Hasan

**Penolong Setiausaha**

Haji Mustafa bin Abdul Rahman  
Ruhana binti Abdullah  
Riduan bin Rahmat

**JURUBAHASA SERENTAK**

Ungku Fauzie bin Ungku A. Rahman  
Mazidah binti Mohamed  
Paizah binti Sallehudin

**BENTARA MESYUARAT**

Mejar (B) Abdul Halim bin Haji Ali  
Mejar (B) Zakaria bin Salleh  
Mejar (B) Kamaruddin bin Abdullah

**PETUGAS-PETUGAS CAWANGAN DOKUMENTASI**

Azhari bin Hamzah  
Monarita binti Mohd. Hassan  
Hajah Shamsiah binti Mohd. Yusop  
Mohd Saleh bin Mohd. Yusop  
Mohamed bin Osman  
Hajah Norishah binti Mohd. Thani  
Shamsina binti Janor  
Ramlah binti Mohd. Yusuff  
Jamilah Intan binti Haji Bohari  
Nurziana binti Ismail  
Noor Effarizan binti Mat Satib  
Taharah binti Mohamed  
Nik Elyana binti Ahyat  
Mashitah binti Kamaruddin  
Marzila binti Muslim  
Abu Bakar bin Hasan

**PETUGAS-PETUGAS CAWANGAN KOMPUTER**

Mohd. Azmi bin Embong  
Sulaiman bin Sirad  
Azzahar bin Hashim

DR12.12.2000

138

**PETUGAS-PETUGAS CAWANGAN MESIN CETAK**

Kamal bin Oyub

Haji Latif bin Ismail

Kamaroddin bin Mohd. Yusof

**PARLIMEN KESEPULUH**

**PENGGAL KEDUA**

**MESYUARAT KETIGA**

---

**Bil. 81**

**Selasa**

---

**K A N D U N G A N**

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

(Halaman 1)

**RANG UNDANG-UNDANG:**

Rang Undang-undang Pengangkatan (Pindaan) 2000

(Halaman 22)

**Rang Undang-undang Kewangan (No.2) 2000 (Halaman 97)**